

Jilid I
Bil. 43



Hari Rabu
9hb Julai, 1975

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT

Fourth Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 4801]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT [Ruangan 4862]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1973, 1974 dan 1975) [Ruangan 4863]

Jawatankuasa—

Kepala B. 1, B. 4, B. 6, B. 7, B. 8, B. 9, B. 11 dan B. 66 (Jadual Kedua) [Ruangan 4863]

Kepala B. 5 dan B. 8 (Jadual Ketiga) [Ruangan 4863]

Kepala B. 22 (Jadual Pertama) [Ruangan 4906]

Kepala B. 10, B. 22 dan B. 68 (Jadual Kedua) [Ruangan 4906]

Kepala B. 13 (Jadual Ketiga) [Ruangan 4906]

USUL:

Anggaran Pembangunan Tambahan (1973, 1974 dan 1975):

Jawatankuasa—

Kepala P. 9 (Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 4), 1973) [Ruangan 4863]

Kepala P. 22 (Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 4), 1973) [Ruangan 4906]

Kepala P. 25 (Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 1), 1975) [Ruangan 4906]

UCAPAN TANGGUHAN:

Suruhanjaya Pilihanraya—Daftar Pengundi [Ruangan 4916]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

Hari Rabu, 9hb Julai, 1975

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N., K.O.M. (Pekan).
- „ Timbalan Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., P.I.S. (Sri Gading).
- Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
- „ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.R., S.P.M.K., S.P.D.K., Datuk Sri Paduka Raja (Nilam Puri).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, D.S.R., S.M.K., S.I.M.P. (Temerloh).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, Tan Sri ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K., S.I.M.P. (Lipis).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).
- „ Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N., A.D.K. (Kuala Langat).
- „ Menteri Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi, DATUK HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J., S.M.J. (Pontian).
- „ Menteri Penerangan dan Tugas-tugas Khas bagi Hal Ehwal Luar Negeri, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. Tengku Sri Mara Raja (Kota Bharu).
- „ Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).

- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Labis).
- „ Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD, J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MAT ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD (Bagan Datok).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Galian, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, P.M.P., K.M.N. (Bagan Serai).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, TUAN ABDULLAH BIN MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIF (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN RAIS BIN YATIM (Jelebu).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP, P.S.M. (Padang Rengas).

- Yang Berhormat TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. A.S.D.K., (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungen).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K., (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYUNG, A.D.K. (Labuk Sugut).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Rosemary Chong) (Selayang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).
- „ DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S., (Ayer Hitam).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TUAN JAAFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).

Yang Berhormat DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).

- „ DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- „ DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Silam).
- „ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN (Alor Setar).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
- „ TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TENGKU TAN SRI RAZALEIGH BIN TENGKU MOHD. HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Gerik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA, A.D.K. (Kimanis).

Yang Berhormat DR TAN CHEE KHOON (Kepong).

- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibu).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

YANG TIDAK HADIR:

Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).

- „ Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Undang-undang dan Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J., P.J.K., B.C.K., A.D.K. (Tenggaroh).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, DATUK HAJI WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kemaman).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., J.M.K., A.D.K. (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN ABU BAKAR BIN UMAR, S.D.K. (Kota Setar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P. (Payang).
- „ TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).
- „ TAN SRI SYED JAAFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).
- „ TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., A.D.K. (Tumpat).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).

YANG HADIR BERSAMA:

Yang Berhormat Timbalan Menteri Undang-undang, DATUK ATHI NAHAPPAN, D.P.M.S. (Dilantik).

- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATUK HAJI DZULKIFLI BIN DATUK HAJI ABDUL HAMID, A.S.D.K., A.M.N. (Dilantik).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Jamaludin bin Haji Ali.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

KILANG PENAPIS MINYAK

1. Tuan Haji Pengiran Ahmad bin Pengiran Indar minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) samada Kerajaan bercadang untuk membina lebih banyak lagi kilang-kilang penapis minyak di negara kita supaya negara kita cukup dengan bekalan minyak, dan jika ya, bila dan di mana; dan samada Kerajaan akan menimbangkan membina kilang-kilang penapis minyak di Sabah dan Sarawak, dan jika ya, di mana, dan jika tidak, mengapa; dan
- (b) jumlah keluaran minyak negara ini pada masa sekarang dan samada minyak ini digunakan bagi kegunaan negara, dan jika tidak, di manakah ianya diekspotkan dan mengapa.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pada masa ini PETRONAS sedang mengkaji kemungkinan membina kilang-kilang penapis minyak yang banyak lagi di negara kita ini. Kemungkinan samada bila atau di mana akan dibina; samada di Semenanjung Malaysia ataupun Sabah dan Sarawak bergantung kepada beberapa faktor dan terpaksa lah kajian-kajian yang lebih mendalam dilaksanakan.

Faktor yang pertama ialah kualiti minyak mentah tempatan yang dikeluarkan itu dan juga keadaan pasaran eksport, modal yang diperlukan dan juga kesesuaian satu tempat dari segi kemudahan pelabuhan yang dalam untuk kapal minyak keluar-masuk serta jauh-dekat tempat yang tersebut itu dari sumber bekalan serta kedudukan tempat itu dari kawasan pasaran.

- (b) Pengeluaran minyak mentah negara pada masa sekarang ini ialah kira-kira 86,000 tong sehari. Dalam bulan-bulan yang akhir ini Malaysia menggunakan lebih kurang 25% dari jumlah pengeluaran minyaknya. Bakinya diekspot

ke negara Jepun (44%), Filipina (19%), Thailand (15%), Taiwan (12%) dan Singapura (10%). Malaysia mengekspot sebahagian besar minyak mentahnya kerana kilang-kilang penapis yang ada sekarang ini ialah untuk menapis minyak mentah yang dibawa dari Asia Barat dan minyak yang keluar dari Malaysia ini ialah minyak yang mempunyai sulphur content yang kurang, jadi tidak boleh menggunakan kilang penapis yang ada pada hari ini.

Walau bagaimanapun, minyak kita sekarang ini mendapat harga yang tinggi di luar negeri dan oleh itu kita adalah mengekspot sebahagian besar daripada minyak yang kita keluarkan itu, akan tetapi seperti yang saya terangkan tadi PETRONAS sedang menyiasat tentang hendak mengadakan kilang-kilang penapis yang lain di negara kita ini supaya dengan itu kita dapat menggunakan lebih banyak lagi minyak keluaran negara kita ini.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah penubuhan kilang-kilang penapis minyak ini masih belum dapat dijalankan dengan lebih baik disebabkan oleh perundingan antara PETRONAS dengan syarikat-syarikat men-carigali minyak di Malaysia kita ini masih sebahagiannya ada yang tidak selesai. Jika demikian, bolehlah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberi keterangan tentang hal ini bagi menghilangkan sedikit kurang faham daripada pihak umum?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah soalan lain, akan tetapi saya boleh terangkan, iaitu PETRONAS sekarang sedang berunding dengan syarikat-syarikat penggali minyak di atas syarat-syarat yang akan dikenakan kepada mereka itu untuk menjalankan penggalian minyak dan juga untuk menjalankan perusahaan minyak. Perkara ini saya tidak dapat terangkan dengan lanjut kerana perundingan sedang dijalankan dan dasar kita Malaysia mestilah mendapat bahagian yang sewajarnya dalam perusahaan-perusahaan minyak.

Tuan Luhut Wan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak bertanya kepada Yang Amat Berhormat Perdana

Menteri, sebelum PETRONAS menubuhkan penapis-penapis minyak adakah Kerajaan Malaysia bermaksud akan memperluaskan penapis-penapis minyak yang sudah sedia ada di Miri, Jelutong, di Negeri Sarawak supaya menolong rakyat Malaysia menurunkan sedikit harga minyak kepada pengguna-pengguna minyak di negara ini.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya telah terangkan tadi, perkara ini masih dalam kajian yang mendalam oleh pihak PETRONAS.

Dr Chen Man Hin: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar apabila ada kekurangan minyak diesel beberapa minggu yang lalu dan juga pada masa sekarang, kebanyakan tuduhan daripada Kerajaan mengatakan disebabkan oleh hoarding daripada penjual-penjual minyak (petrol stations), tetapi tidak dituduh kilang-kilang penapis minyak tidak mengeluarkan minyak diesel yang cukup. Adakah Kerajaan akan menyiasat perkara ini dan ada berhubung dengan kilang-kilang penapis?

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini tidak bersangkut-paut dengan soalan asal.

Tuan Lee Lam Thye: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin meminta Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberitahu samada Kerajaan akan menubuhkan satu Instituti Petroliaam untuk melatih warganegara Malaysia supaya menjadi pakar-pakar dalam bidang ini di negara Malaysia?

Tuan Yang di-Pertua: Pertanyaan ini juga tidak bersangkut-paut—soalan lain.

Dr Chen Man Hin: Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan saya tadi ada bersangkut-paut, sebab soal ini minta Kerajaan samada bercadang hendak membina lebih banyak lagi kilang-kilang penapis minyak. Barangkali di negara kita ini masih kurang lagi kilang-kilang penapis minyak, sebab itulah saya hendak bertanya kepada Kerajaan adakah Kerajaan siasat barangkali minyak diesel tidak cukup, bolehkah Kerajaan bercadang untuk melebihi kilang penapis minyak di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah menjawab tadi. Saya sudah memutuskan bahawa soal itu tidak ada sangkut-paut.

RANCANGAN MALAYSIA KEDUA— PRESTASI (PERFORMANCE) EKONOMI

2. Tuan Luhat Wan minta Perdana Menteri menyatakan sejauh manakah Rancangan Malaysia Kedua telah dilaksanakan; dan negeri manakah di dalam Malaysia yang dianggap lebih maju dalam pelaksanaan Rancangan Malaysia Kedua.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya prestasi (performance) ekonomi di bawah Rancangan Malaysia Kedua sebagaimana yang dapat diukur daripada perkembangan Keluaran Negara Kasar atau GNP menunjukkan bahawa kemajuan yang dicapai adalah sebagaimana yang dijadualkan.

Mengenai perbelanjaan pembangunan awam, lebih kurang 70% daripada matlamat telahpun dicapai di antara tahun-tahun 1971-1973. Adalah dijangkakan bahawa pada akhir tahun 1975 perbelanjaan pembangunan awam akan melebihi sebanyak 50% matlamat asalnya yang berjumlah \$6 billion. Walaupun diambilkira kenaikan harga yang cepat dalam masa 2 tahun yang lalu, sumbangan Kerajaan terhadap kemajuan sosio-ekonomi sebenarnya adalah besar. Perkembangan sektor swasta dalam pelaburan pada sebahagian besarnya adalah dalam sektor perkilangan yang telah berkembang selaras dengan projeksi-projeksi Rancangan Malaysia Kedua. Bentuk pelaburan swasta yang besar ialah jentera-jentera dan alatan (machinery and equipment) tetapi pelaburan dalam bangunan dan pembinaan juga adalah cepat. Hakikat bahawa berbagai-bagai bentuk pelaburan swasta terus berkembang walaupun dalam tahun yang kurang cergas seperti tahun 1975 ini, adalah menunjukkan keyakinan sektor swasta akan "potential" ekonomi negara kita seluruhnya.

Angka-angka yang up-to-date mengenai kadar pembangunan yang dialami oleh sesebuah negeri akan dimasukkan dalam dokumen Rancangan Malaysia Ketiga kelak. Secara umum, pelaksanaan Rancangan Malaysia Kedua adalah lebih progresif di negeri-negeri yang lebih maju jika dibandingkan dengan negeri-negeri yang kurang maju

atau kurang mampu. Walaupun demikian, tiap-tiap negeri telah menikmati kemajuan tetapi taraf kemajuan itu bergantunglah kepada jenis projek-projek yang dilaksanakan. Apa yang akan ditekankan dalam Rancangan Malaysia Ketiga ialah usaha-usaha Kerajaan Pusat dalam bidang pembangunan yang akan memberi perhatian lebih besar kepada keperluan-keperluan negeri-negeri yang kurang mampu.

KERETA RASMI MENTERI/ TIMBALAN MENTERI

3. Tuan Lim Cho Hock minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau sedar bahawa ramai Yang Berhormat Menteri dan Timbalan-timbalan Menteri menggunakan kereta-kereta rasmi Kerajaan untuk pergi ke Setesyen mengundi Selayang pada hari pilihanraya-kecil pada 14-6-75, dan jika ya, samada patut bagi mereka berbuat demikian oleh kerana kereta-kereta rasmi tersebut adalah kepunyaan Kerajaan dan bukan kepunyaan Barisan Nasional.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, Menteri-menteri dan Timbalan-timbalan Menteri adalah diperuntukkan kereta-kereta mengikut Seksyen-seksyen yang berkenaan dalam "The Ministers (Remuneration) Ordinance, 1957" dan "Deputy Ministers Act, 1960". Seksyen-seksyen yang berkenaan itu hanya menentukan bahawa kereta-kereta akan disediakan kepada Menteri-menteri/Timbalan-timbalan Menteri. Oleh yang demikian, kegunaan kereta-kereta yang diperuntukkan bagi Menteri-menteri/Timbalan-timbalan Menteri adalah terpulang kepada keperluan mereka semasa memegang jawatan.

PENCEN BAGI PESARA-PESARA

4. Datuk Albert Mah minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) bilangan pesara-pesara yang belum dibayar bahagian pencen dari rancangan "Straits Settlement";
- (b) apakah urusan yang telah dibuat untuk menentukan bahawa mereka yang bekerja di dalam "Straits Settlement" itu adalah dibayar dengan segera.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Selepas pelaksanaan Lapuran Suffian, lebih kurang 1,050 pesara-pesara yang

dahulunya telah berkhidmat dalam Negeri-negeri Selat (Straits Settlement) adalah terlibat.

- (b) Akibat daripada pelaksanaan Lapuran Suffian, perkara pencen bagi perkhidmatan dalam Negeri-negeri Selat telah menimbulkan beberapa kerumitan dan penyiasatan ke atas masalah ini masih dijalankan lagi. Walau bagaimanapun, ini tidaklah bermakna bahawa pesara-pesara yang berkenaan tidak diberi sebarang pencen bagi tempoh perkhidmatan mereka dalam Negeri-negeri Selat. Sebenarnya, pencen bagi tempoh perkhidmatan ini telah dikira dan diberikan di bawah Ordinan Pencen, 1951 oleh kerana perkhidmatan dengan Negeri-negeri Selat telah juga diambil kira bagi maksud pencen di bawah Ordinan Pencen itu. Langkah ini telah dibuat sementara hendak menentukan pesara-pesara yang berkenaan dapat menerima pencen bagi keseluruhan tempoh perkhidmatan mereka (termasuklah perkhidmatan mereka dengan Negeri-negeri Selat). Masalah mengenai perkara ini adalah semata-mata merupakan masalah dari segi undang-undang sahaja, dan penyelarasan jika perlu ke atas pencen mereka itu akan dibuat sebaik sahaja penyelesaian ke atas kerumitan itu telah dicapai kelak.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar, selain daripada belum dibayar pencen oleh Bahagian Pencen kepada pesara-pesara yang tertentu, ada lagi berlaku kelewatan bayaran pencen bulanan kepada pesara. Seperti baharu-baharu ini dalam bulan Jun, saya ada berjumpa ramai pesara-pesara yang tidak dapat pencen, baucer-baucer mereka terlewat sehingga dua minggu, dan kepada pesara-pesara yang tidak ada lain pendapatan, kelewatan dua minggu ini adalah satu hal yang merumitkan dan menyusahkan mereka oleh kerana mereka itu dikejar oleh pекedai-pekеdai, minta hutang tuan-tuan punya rumah sewa dan lain-lain. Bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberi satu arahan yang terus kepada Jabatan yang bertanggungjawab bahawa janganlah menimbulkan kelewatan pembayaran pencen bulanan atau baucer untuk mengelakkan kesusahan kepada pesara-pesara yang tidak ada lain pendapatan?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya telah kerap kali menjawab soal ini dalam Dewan ini dan arahan-arahan yang tegas telah diberi kepada jabatan-jabatan yang berkenaan supaya membayar pencen dengan seberapa segera yang boleh. Akan tetapi kelambatan atas hal ini biasa berlaku oleh sebab kelambatan Jabatan-jabatan menghantar butir-butir yang dikehendaki, terutama sekali Jabatan-jabatan di Negeri-negeri. Kalau butir-butir itu dapat diberi dengan seberapa segera, segeralah dapat dibayar pencen-pencen itu.

Tuan Lim Kit Siang: Apa yang saya sebutkan tadi bukan kes-kes di mana pesara-pesara yang baharu yang belum dapat pencen lagi, tetapi pesara-pesara yang lama yang telah ada kes di mana saya dapat tahu lebih 10 tahun telah dapat pencen, tetapi dalam bulan Jun ada kelewatan dua minggu. Itu bukan kerana tidak ada butir-butir untuk jentera mula membayar pencen, tetapi dalam jentera biasa untuk mengeluarkan baucer pencen, yang biasa ada kelemahan-kelemahan yang patut diteliti dan dibetulkan.

Perdana Menteri: Kalau Yang Berhormat boleh beri keterangan, saya boleh jalankan siasatan atas hal ini.

MASJID NEGARA— PENYELENGGARAAN

5. Datuk Haji Shafie bin Haji Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kerajaan hendak menambah peruntukan yang sedia diberi untuk penyelenggaraan Masjid Negara supaya banyak lagi kemajuan dapat dijalankan untuk mencerminkan keagungan Islam di negara ini.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, pentadbiran Masjid Negara adalah terletak di bawah Majlis Ugama Islam Wilayah Persekutuan dan peruntukan yang memadai telahpun disediakan. Banyak aktiviti-aktiviti bagi mencerminkan keagungan Islam sedang giat dijalankan di Masjid Negara dan juga di Pusat Islam yanguduknya di dalam lingkungan Masjid Negara.

Jika perlu diadakan aktiviti-aktiviti yang lain, Kerajaan sedia menimbangkan tambahan peruntukan baginya.

PERATURAN HAJI—SYARAT-SYARAT BARU

6. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Tanah dan Galian dan Menteri Tugas-tugas Khas menyatakan:

- (a) syarat-syarat baru yang telah dikenakan kepada para jumaah haji dari Malaysia oleh Kerajaan Arab Saudi;
- (b) peruntukan minima yang perlu disediakan oleh bakal-bakal haji tahun Hijrah 1395 untuk perbelanjaan di Tanah Suci;
- (c) tambang sebenarnya bagi kapal laut dan kapalterbang untuk tahun Hijrah 1395; dan
- (d) samada Lembaga dan Urusan Tabung Haji berpuas hati dengan perkhidmatannya kepada para jumaah di Madinah dan Mekah, dan apakah langkah tegas yang diambil untuk mengatasi kesulitan para jumaah.

Menteri Tanah dan Galian dan Menteri Tugas-tugas Khas (Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Haji dan Wakaf Kerajaan Arab Saudi (Saudi Arabia) telah mengeluarkan satu peraturan haji yang baru pada bulan April 1975 untuk musim haji tahun 1395 Hijrah bagi membatalkan peraturan-peraturan sebelumnya. Peraturan-peraturan yang baru ini mempunyai beberapa perubahan jika dibandingkan dengan peraturan-peraturan yang lama. Peraturan ini melibatkan beberapa syarat baru kepada semua bakal-bakal haji termasuk juga jumaah haji dari Malaysia. Syarat-syarat baru yang dikenakan ialah:

(1) *Pemilihan Mutawiff*

Pemilihan Mutawiff ini ditentukan oleh wakil dari Kementerian Haji dan Wakaf Arab Saudi yang ditempatkan di Kedutaan Besar Arab Saudi di Negara Jumaah itu berada. Nama Mutawiff akan dicatit dalam paspot Haji sewaktu visa diberi oleh Kedutaan Arab Saudi. Peraturan lama, bakal-bakal haji sendiri yang menentukan Mutawiff manakala sampai di Pelabuhan atau Lapangan Terbang Jeddah.

(2) *Pintu Soal*

Mengikut peraturan lama Jumaah Haji dikehendaki menamakan Mutawiff yang mereka pilih di Pintu Soal di Jeddah. Peraturan ini kini dihapuskan.

(3) *Perbelanjaan di Tanah Suci*

Perbelanjaan kini dibahagikan kepada 4 peringkat:

(i) Tingkatan I	— SR. 6,134.00 (M\$4,054.90)	Ini semuanya tidak termasuk harga tambang
(ii) Tingkatan II	— SR. 2,734.50 (M\$1,807.50)	
(iii) Tingkatan III	— SR. 2,334.50 (M\$1,543.10)	
(iv) Tingkatan IV	— SR. 1,934.50 (M\$1,278.70)	

Tiap-tiap Jumaah Haji dikehendaki menentukan tingkatan yang ia mampu tinggal sesuai dengan perbelanjaan yang dibawanya sebelum belayar dari negeri masing-masing.

Bagi Jumaah Haji Malaysia telah ditetapkan untuk tempat tinggal Tingkatan III. Ini bermakna mereka dikehendaki menyediakan wang SR. 2,334.50 bersamaan M\$1,545. Sekiranya ada di antara bakal-bakal haji memerlukan Tingkatan kedua atau Tingkatan pertama, mereka hendaklah memberitahu Mutawiff dan Ketua Rombongan Kebajikan Haji Malaysia apabila sahaja mereka sampai di Jeddah untuk membuat perubahan selanjutnya. Wang sebanyak SR. 2,334.50 adalah untuk perbelanjaan berikut:

(a) Bayaran Perkhidmatan Mutawiff/Dalil	...	SR. 147.00
(b) Bayaran Kenderaan Bas di antara Mekah, Madinah, Jeddah, Mina dan Arafah	...	SR. 147.50
(c) Bayaran Khemah di Arafah dan Mina	...	SR. 100.00
(d) Bayaran di Madinatul Hujjah	...	SR. 40.00
(e) Bayaran tempat tinggal di Mekah dan Madinah bagi Tingkatan Ketiga sebanyak SR. 1,100.00 iaitu untuk di Mekah selama sebulan dan selama 10 hari di Madinah	...	SR. 400.00 SR. 300.00
(f) Perbelanjaan hidup sendirian untuk tempoh 40 hari atas kadar SR. 30.00 sehari	...	SR. 1,200.00
Jumlah	...	SR. 2,344.50

(4) *Tarikh berada di Tanah Suci*

Tarikh yang habis lama Jumaah Haji boleh berada di Tanah Suci ditetapkan dalam Peraturan yang baru itu ialah 40 hari iaitu 30 hari di Mekah dan 10 hari di Madinah.

(b) Peruntukan minima tidak termasuk tambang yang perlu disediakan oleh bakal-bakal haji Malaysia bagi Tahun 1395 Hijrah untuk perbelanjaan di Tanah Suci ialah \$1,545 bagi Tingkatan III.

(c) (i) *Tambang kapal laut untuk*

Saloon "A"	...	\$1,700.00
Saloon "B"	...	\$1,600.00
Saloon "C"	...	\$1,425.00
Pelancung	...	\$1,175.00

(ii) Kapal terbang bagi perjalanan dari K.L./Jeddah/K.L. ... \$1,725.00

(d) Walaupun terdapat beberapa kerumitan terutama perkara-perkara yang di luar kuasa Lembaga, khususnya di Madinah dan Mekah tetapi pada keseluruhannya perkhidmatan kepada para Jumaah Haji Malaysia adalah memuaskan.

Bagi Musim Haji Tahun 1975 ini langkah-langkah seperti berikut telahpun diambil bagi memperbaiki perkhidmatan kepada Jumaah Haji:

(i) Bilangan doktor di dalam rombongan perubatan adalah ditambah dari 8 orang kepada 10 orang pada tahun ini. 2 orang tambahan itu akan terdiri dari doktor-doktor perempuan dan ini adalah suatu langkah yang memenuhi hasrat Jumaah Haji yang memerlukan lebih bilangan doktor perempuan dalam rombongan perubatan.

(ii) Mulai tahun ini Hospital Malaysia di Mekah akan dipindah kepada suatu bangunan baru yang lebih besar dan selepas bagi maksud tersebut dan bangunan ini adalah bernama Bangunan Al-Jasir.

(iii) Mulai tahun ini juga sebuah hospital tetap akan diwujudkan di Madinah dan sebahagian dari rombongan perubatan akan berada di sana pada keseluruhan

Musim Haji dan tidak lagi mereka berulang alik dari Mekah seperti dahulu.

- (iv) Pada tahun-tahun sudah ken-
deraan bagi rombongan peru-
batan di Tanah Suci adalah
kurang memuaskan. Pada tahun
ini sebuah ambulan baru dan
kereta air telah dibeli untuk ke-
senangan Hospital Luar (Field
Hospital) khasnya semasa Jumaah
Haji berada di Arafah dan Mina.
- (v) Pada tahun-tahun sudah ada di
antara Jumaah Haji yang pergi
ke Tanah Suci yang mengidap
penyakit merbahaya seperti Batuk
Kering dan Gila. Mulai tahun ini
Kementerian Kesihatan dengan
persetujuan Lembaga Urusan dan
Tabung Haji (LUTH) telah
mengambil keputusan bahawa
pemeriksaan kesihatan yang lebih
teliti akan dikenakan kepada
Jemaah Haji sebelum mereka ber-
tolak dari tanahair, dan mereka
yang mengidap penyakit-penyakit
yang merbahaya seperti itu tidak
akan diberi Sijil Kesihatan (Certi-
ficate of Fitness) untuk mem-
bolehkan mereka bertolak ke
Tanah Suci.

Bilangan rombongan kebajikan akan juga ditambah dari 23 orang dalam Tahun 1974 kepada 36 orang pada tahun 1975 ini. 60% daripada anggota rombongan itu akan terdiri dari mereka yang pernah menunaikan Haji dahulu supaya membolehkan mereka memberi perkhidmatan yang lebih memuaskan kepada Jumaah Haji di Tanah Suci.

Guru Ugama yang berkhidmat di atas kapal-kapal Haji untuk memberi ajaran dan panduan kepada Jumaah Haji khasnya dalam bidang mengerjakan Ibadat Haji akan juga ditambah.

Datuk Engku Muhsein bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan bahawa syarat baru yang dikenakan oleh Kerajaan Arab Saudi itu tahun ini boleh jadi menyebabkan beberapa kesusahan kepada jumaah-jumaah haji, jadi apakah tindakan daripada pihak Kerajaan untuk membolehkan bagi tahun ini supaya syarat-syarat yang amat ketat seperti 40 hari tinggal

di Mekah dan Madinah itu dilonggarkan. Adakah apa-apa tindakan untuk mengatasi hal itu?

Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Berkenaan dengan syarat tinggal di Mekah dan Madinah selama 40 hari sahaja, pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telahpun berhubung dengan pihak Duta Besar kita di Arab Saudi untuk berunding dengan pihak Kerajaan di sana supaya memberi sedikit kemudahan, ditambahkan hari menginap di Mekah dan Madinah dari 40 hari kepada 105 hari. Rundingan itu masih berjalan lagi, dan kita masih belum menerima apa-apa keputusan setakat ini.

Datuk Engku Muhsein bin Abdul Kadir: Soalan tambahan. Adakah kemungkinan pihak Menteri Luar kita yang akan berunding di Jeddah hari Sabtu ini untuk membangkitkan soalan ini dalam Persidangan Menteri-menteri Luar?

Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Insyallah.

Datuk Engku Muhsein bin Abdul Kadir: Soalan tambahan. Berkenaan dengan bayaran sebanyak SR. 1,200.00 iaitu SR. 30 sehari untuk 40 hari, berjumlah SR. 1,200.00 itu, adakah bayaran itu diberikan kepada Sheikh-sheikh dan jika sekiranya diberikan, adakah itu boleh menyebabkan pula Jumaah-jumaah Haji kita ini menjadi mangsa kepada Pak Sheikh-sheikh itu? Dan sekiranya tidak, apakah langkah untuk melindungi Jumaah-jumaah Haji kita daripada menjadi mangsa, memandangkan yang tiap-tiap Jumaah Haji itu terpaksa memberi peruntukan sebanyak SR. 1,200.00 kepada pihak Arab Saudi?

Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Mengikut perhitungan daripada Kementerian Haji dan Wakaf Arab Saudi bahawa belanja yang sepatutnya cukup bagi seorang Haji ialah SR. 30 sehari. Sebab itu ditetapkan bahawa tiap-tiap seorang Jemaah Haji mestilah menyediakan wang poket untuk belanja hidupnya di Mekah dan Madinah sebanyak SR. 30 sehari. Tetapi bukanlah bermakna wang itu mesti diserahkan kepada Sheikh-sheikh Haji. Wang itu ialah diguna-kan sendiri oleh Jumaah Haji itu untuk be-
lanja.

Dalam hal ini pun kita juga berunding dengan pihak Kerajaan Arab Saudi supaya anggaran tentang jumlah wang itupun patut dikurangkan, sebab jumaah haji daripada Malaysia ini, cara hidup dan cara makannya mereka boleh berjimat dan berhemat dengan wang 30 rial itu mungkin mereka boleh hidup selama dua hari.

Datuk Engku Muhsein bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan tambang kapalterbang pula nampaknya di sini ditetapkan sebanyak \$1,725 iaitu all-in termasuk semua cukai Saudi Arabia dan lain-lain. Jadi, adakah ini tambang yang paling murah didapati atau adakah kemungkinan supaya tambang yang begini tinggi tidak dikenakan kepada jumaah haji memandangkan boleh jadi wang sebanyak \$1,725 ini terpaksa diberi komisyen dan sebagainya kepada Saudi Arabia Airline. Dan betulkah atau tidak pihak Yang Berhormat Menteri menjelaskan di sini yang Saudi Arabia Airline ada mengambil peranan iaitu mengambil komisyen daripada wang penerbangan jumaah haji ini.

Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Kapal terbang yang akan membawa jumaah haji kita ialah kapal terbang MAS iaitu Syarikat Kapal terbang Kebangsaan kita. Dan oleh kerana pihak Kerajaan Malaysia sudah ada perjanjian berkenaan penerbangan udara antara Kerajaan kita dengan Kerajaan Saudi, maka segala sesuatu mestilah diperundingkan bersama antara pihak Kerajaan Saudi dan juga Syarikat Kapal terbang National Kerajaan Saudi sendiri dan Syarikat Kapal terbang Kebangsaan kita. Jadi, tambang yang ditetapkan itu adalah dianggap sebagai tambang yang sepalang rendah yang dapat ditetapkan oleh MAS supaya pihak MAS tidak menanggung kerugian.

Berkenaan dengan masaalah komisyen dan sebagainya itu adalah masaalah antara MAS dengan pihak Syarikat Penerbangan Kebangsaan Saudi Arabia. Jadi, saya kira pihak Kerajaan tidak perlu tahu hal itu, sebab kita hanya tahu berapa tambang yang semurah-murah yang boleh disediakan oleh pihak Syarikat Penerbangan Kebangsaan kita.

Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abd. Majid: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Sekiranya perundingan antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Arab Saudi

mengenai melanjutkan jumaah haji selama tiga bulan itu tidak mendapat persetujuan, adakah benar pihak Kerajaan akan menahan jumaah haji yang hendak pergi tahun ini, iaitu bilangan pemergian jumaah haji sekiranya perundingan untuk tiga bulan tidak dapat persetujuan oleh Arab Saudi.

Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Tuan Yang di-Pertua, Lembaga dan Urusan Tabung Haji tidak bersedia hendak menahan orang itu daripada naik haji ke Mekah, akan tetapi jika sekiranya perundingan itu tidak berhasil dan tempoh hanya setakat 40 hari sahaja, maka kemampuan kenaikan samada kapal laut dan kapal udara yang mampu mengangkut atau membawa jumaah haji kita ke Mekah hanya antara 7,000 atau 8,000 orang sahaja. Dengan demikian, daripada jumlah 16,000 orang yang bercadang hendak naik haji ke Mekah itu terpaksa tidak berjaya hendak pergi menunaikan haji ke Mekah, bukan kerana kita hendak menahan, tetapi kerana tidak ada waktu bagi mengangkutnya.

Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Kalau Sheikh-sheikh haji itu tahu awal-awal lagi bahawa jumaah-jumaah haji mesti datang menemuinya, tidakkah cara ini menimbulkan lebih rumit lagi kepada jumaah haji, kerana supply and demand theory sudah tidak ada lagi, sebab jumaah-jumaah haji itu datang menemuinya.

Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Sheikh-sheikh haji di Mekah itu, pihak wakil Kementerian, Haji dan Wakaf daripada Jeddah akan datang sendiri ke Kedutaan Arab Saudi di Kuala Lumpur ini. Pada masa visa hendak dikeluarkan di situ lah ditentukan yang Sheikh-sheikh haji atau Mutawiff itu, siapa yang duduk di bawah Mutawiff yang mana. Walaupun pada dasarnya kita tidak dapat memilih Mutawiff kita sendiri tetapi oleh kerana wakil-wakil itu sudah ada di Kuala Lumpur, maka tentulah boleh berunding dan berkira bagi mendapatkan sedikit penyelesaian dalam penentuan Mutawiff itu.

Datuk Engku Muhsein bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan tambang kapal terbang tadi, walaupun Yang

Berhormat Menteri mengatakan pihak Kerajaan tidak perlu mengetahui apakah persefahaman atau ikatan antara MAS dengan Saudi Arabia Airline, tetapi memandangkan, misalnya, kalau tidak salah saya pada tahun yang lepas tambangnya \$1,500, tetapi dengan adanya perjanjian dengan Saudi Arabia Airline ini menyebabkan tambang menjadi \$1,700. Ini menyebabkan rakyat kita menjadi mangsa dan oleh sebab itu apakah faedahnya kita memangsakan rakyat kita demi kepentingan Saudi Arabia Airline yang nampaknya bukan ini sahaja, tetapi banyak lagi misalnya seperti mengambil cukai kepala kepada jumaah-jumaah haji kita dan lain-lain lagi yang patut pihak Kerajaan mengambil tindakan ataupun mengkaji dengan halusnyanya akan treatment yang dibuat oleh Kerajaan Arab Saudi ini.

Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Tuan Yang di-Pertua, ini bukanlah soal memangsakan orang-orang kita, tetapi patutlah Ahli Yang Berhormat itu sedar bahawa kalau kapalterbang biasa sekarang pun mengikut peraturan baru yang dikeluarkan oleh badan international yang menentukan soal tambang-menambang kapalterbang ini pun sudah naik sekarang ini. Bahkan chartered flight yang hendak pergi ke London pun sudah naik daripada biasa. Dengan demikian, maka kenaikan yang berlaku pada tambang jumaah haji ke Mekah ini pun setakat yang dianggap oleh MAS, itulah yang semurah yang boleh dibuat, jika tidak ia akan menanggung kerugian, maka dapatlah kita terima buat masa ini.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi, hendak naik haji ke Mekah pun inflasi.

Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Ya, nampaknya.

Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Dalam masaalah penentuan masa 40 hari ini adakah pihak Kerajaan Saudi Arabia memberitahu kepada kita di sini sebabnya, kerana mudah-mudahan dengan cara itu kita dapat cari jalan yang lain untuk mengelakkan kesusahan sekiranya berlaku kesusahan dalam masa tempoh 40 hari.

Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Tuan Yang di-Pertua, mengikut apa yang kita faham bahawa peraturan baru yang

dikeluarkan ini ialah untuk menjamin beberapa perkara bagi keselamatan jumaah-jumaah haji itu sewaktu berada di Mekah termasuk soal keselamatan, soal kebersihan, soal mengelakkan daripada penyakit dan sebagainya. Dan perlu juga kita sedar bahawa peraturan ini bukan dikenakan kepada Malaysia sahaja, tetapi dikenakan kepada seluruh dunia.

KEMALANGAN JALANRAYA— KERETA BUATAN JEPUN

7. Raja Nasron bin Raja Ishak minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan berapa peratus daripada 77,232 buah kenderaan yang terlibat di dalam kemalangan jalanraya dalam tahun 1974 adalah dibuat di negeri Jepun dan samada suatu kajian telah dijalankan bagi mengetahui sebab kenderaan buatan Jepun ini mudah terlibat di dalam kemalangan.

Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan (Tuan Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat memberikan angka jenis-jenis kereta yang terlibat dalam kemalangan jalanraya, samada kereta itu buatan Jepun ataupun buatan negeri-negeri lain. Perangkaan yang didapati hanya menunjukkan jenis kenderaan seperti lori, bas, kereta persendirian dan lain-lain yang terlibat sahaja.

Setakat ini belum terdapat sebarang kajian dijalankan bagi mengetahui samada kenderaan buatan Jepun ini mudah terlibat di dalam kemalangan. Pada taksiran kasar banyak dari kereta persendirian yang digunakan oleh orang ramai di negara kita ini ialah kereta buatan dari Negeri Jepun dan oleh sebab itu banyak pula di antara jenis ini yang terlibat di dalam kemalangan. Sebagaimana juga kereta-kereta buatan negeri lain, kereta-kereta Jepun adalah bertaraf antarabangsa. Saya percaya dan yakin bahawa sebab-sebab utama berlakunya kemalangan-kemalangan itu adalah disebabkan oleh kelalaian dan kesalahan pemandu-pemandu kenderaan ataupun pengguna-pengguna jalanraya itu sendiri. Jika pengguna-pengguna jalanraya ini boleh memberi kerjasama yang secukupnya untuk mematuhi panduan jalanraya ataupun kaedah-kaedah lalu-lintas dan menyesuaikan diri dengan keadaan di jalanraya itu nescayalah kemalangan yang banyak mengakibatkan kematian dan kecederaan akan dapat dikurangkan.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Kementerian Kerja Raya dan pengangkutan sedar bahawa Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian baru-baru ini telah membuat teguran kepada perusahaan-perusahaan pemasang kereta tempatan supaya menjaga mutu, bukannya boleh diambil perhatian bahawa teguran ini adalah satu bukti bahawa mutu kereta adalah satu perkara yang patut dijaga untuk mengelakkan kemalangan dan jika begitu tentu sekali pada masa sekarang ini boleh dimulakan satu kajian untuk menentukan kereta jenis mana yang selalu accident prone.

Tuan Yang di-Pertua: Apakah soalan tambahan Yang Berhormat itu?

Raja Nasron bin Raja Ishak: Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan mengatakan bahawa kajian belum dibuat.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat hanya membuat kenyataan sahaja, bukan pertanyaan.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Jadi, saya meminta Timbalan Menteri yang berkenaan supaya dapat membuat kajian daripada masa sekarang.

MINYAK DIESEL

8. Tuan Haji Pengiran Ahmad bin Pengiran Indar minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) bilangan stesyen-stesyen minyak yang telah membubuh tanda "tidak ada minyak diesel lagi dalam simpanan" walaupun masih terdapat minyak dalam simpanannya; apakah tindakan-tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan terhadap tuanpunya-tuanpunya stesyen-stesyen minyak ini; tempoh masa yang diambil sebelum sesuatu tindakan itu diputuskan dan diambil; dan samada Kerajaan berpuashati dengan keputusan yang dibuat;
- (b) samada Kerajaan menganggap keadaan ini serious sekiranya keadaan ini berlanjutan, dan jika ya, apakah tindakan-tindakan yang lebih berkesan yang akan diambil oleh Kerajaan untuk mengelakkan kejadian seperti ini berlaku lagi di masa hadapan; dan

- (c) samada benar bahawa negara kita pada masa sekarang kekurangan bekalan-bekalan minyak diesel dan minyak tanah, dan jika ya, mengapa.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua, soalan tindakan ke atas stesyen-stesyen yang mempamirkan tanda "SOLD OUT" ini telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Farn Seong Than pada 8hb Julai, 1975 dan saya telahpun memberi jawapannya dengan jelas. Tindakan diambil dengan serta-merta dan mereka yang terlibat akan didakwa di dalam Mahkamah.

Jawapan kepada soalan yang kedua, ialah saya memang menganggap keadaan ini serious jika dibiarkan berlanjutan. Oleh itu, saya telah mengadakan satu peraturan perlesenan bagi mengawal penyimpanan dan penjualan minyak diesel dan Bahagian Penguatkuasa Kementerian saya sentiasa menjalankan kawalan rapi di atas pengedar-pengedar minyak.

Jawapan kepada soalan ketiga, ialah mengikut penyiasatan Kementerian adalah didapati bekalan-bekalan minyak tanah dan minyak diesel mencukupi untuk kehendak-kehendak pengguna-pengguna. Kesulitan kekurangan yang berlaku baru-baru ini ialah disebabkan oleh faktor-faktor yang saya telah sebutkan juga di dalam jawapan saya pada soal-soal yang dibangkitkan oleh beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat pada 7hb Julai, di dalam Dewan ini.

Tuan K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Menteri bertujuan melanjutkan perbezaan harga minyak diesel di antara pam dan harga bekalan konterek? Ini adalah sebab yang besar menyebabkan kekurangan minyak diesel di setengah-setengah pam minyak.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Saya tidak berapa faham apa soalan yang dibuatnya.

Tuan Yang di-Pertua: Cuba sekali lagi Yang Berhormat.

Tuan K. Pathmanaban: Adakah Yang Berhormat Menteri bertujuan melanjutkan keadaan sekarang di mana harga minyak diesel dan pam-pam minyak berlainan dengan harga minyak diesel yang diberi kepada bekalan konterek?

Tuan Yang di-Pertua: Saya pun tidak berapa faham. Adakah Yang Berhormat Menteri hendak melanjutkan, membenarkan keadaan sekarang harga minyak diesel di pam itu berlainan dengan harga minyak diesel yang dijual kepada orang-orang mengikut konterek—begitu?

Tuan K. Pathmanaban: Ya.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Haji Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, kedudukan harga minyak di stesyen pam minyak dengan harga diesel yang dijual kepada kilang-kilang perindustrian telah dikaji dengan mendalam dan didapati bahawa oleh kerana minyak diesel yang dijual di stesyen-stesyen pam itu adalah untuk kegunaan orang ramai seperti teksi dan kereta-kereta orang ramai, maka adalah ditetapkan bahawa minyak diesel yang dijual di stesyen pam itu boleh dijual dengan harga hanya seringggit, tetapi dalam pada itu oleh kerana memandang kepada kenaikan harga minyak maka ianya perlu diadakan peraturan pula dalam mana harga yang dijual kepada kilang-kilang perusahaan mestilah lebih mahal lagi daripada seringggit kerana dengan itu pihak yang mengeluarkan minyak dapat menampung kerugian yang tertentu yang telah dialami dengan minyak di stesyen-stesyen pam itu adalah dihadkan kepada seringggit sahaja.

Tuan K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sepanjang yang kita lanjutkan keadaan ini, bahawa perusahaan-perusahaan atau pengguna-pengguna lori yang selalu memesan melalui kontrek akan menghantar lori-lorinya kepada pam-pam minyak untuk mengisi minyak diesel dan pam-pam minyak ini tidak dapat membezakan di antara lori-lori pengguna biasa daripada lori-lori yang dihantar oleh kontrektor-kontrektor, dan jika keadaan ini dilanjutkan lagi, kita masih akan menghadapi kesusahan dan kekurangan. Adakah ini benar?

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, harga minyak yang dijual di pam itu dengan harga seringggit akan dilanjutkan, tetapi masalah yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dalam mana lori-lori perkilangan mengambil minyak diesel di petrol pump akan tidak berlanjutan dengan adanya sekarang ini tindakan Kementerian untuk mengadakan peraturan-peraturan dalam mana apabila di-

kuatkuasakan peraturan-peraturan ini pihak-pihak kilang tidak lagi akan dibenarkan mengambil minyak daripada petrol pump walaupun dari segi menggunakan lori-lori daripada kilang-kilang itu.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Menteri yang berkenaan menjelaskan bahawa apa tindakan Kementeriannya telah ambil atau akan ambil supaya pam-pam yang menjual diesel kepada orang ramai tidak boleh menjual diesel kepada kilang-kilang perusahaan. Oleh sebab mereka menjual diesel kepada kilang-kilang perusahaan maka timbul kekurangan diesel kepada orang ramai.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya telah jelaskan di dalam peraturan yang telah dirangkakan itu bahawa pihak-pihak yang menjual minyak di petrol pump, pihak-pihak yang mengeluarkan minyak di refineries, pihak-pihak yang menjual minyak dari segi borong ataupun runcit adalah dikehendaki memperolehi lesen. Kalau mereka tidak ada lesen, mereka tidak boleh menjalankan perusahaan-perusahaan ini ataupun perniagaan ini dan apabila permohonan itu dibuat kita akan kenakan syarat yang tertentu dalam mana kehendak Ahli Yang Berhormat itu supaya, umpamanya, petrol pumps tidak boleh menjual minyak dieselnnya kepada orang-orang lain daripada teksi dan orang ramai lebih-lebih lagi lori-lori kilang akan diadakan syarat-syarat yang diberi kepada mereka apabila lesen itu diberi kepada drivers yang berkenaan.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Walaupun sekarang Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telah mengadakan beberapa syarat tertentu untuk penjual-penjual minyak di petrol pump tetapi adakah Menteri yang berkenaan sedar bahawa syarat-syarat itu tidak berguna jika kawalan pump minyak itu tidak begitu memuaskan. Walaupun ada syarat mereka boleh jual, jika tidak ada kawalan yang mencukupi, bolehkah Menteri yang berkenaan menjelaskan bahawa Kementeriannya telah mengambil segala tindakan supaya mengawal pam-pam minyak tidak menjual minyak diesel kepada kilang-kilang perusahaan?

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, suka saya

memberi penjelasan tentang peraturan yang saya sebutkan bahawa ianya belum dikuatkuasakan; ianya masih digubal. Tetapi saya memberi jaminan di sini bahawa apabila peraturan ini berjalan maka Bahagian Penguatkuasa (Enforcement Division) di dalam Kementerian saya akan mengadakan kawalan yang rapi supaya syarat-syarat dikenakan kepada pihak-pihak yang berkenaan, khususnya kepada petrol pumps itu akan dipatuhi dengan tepat dan baik. Walau bagaimanapun, peraturan belum dikuatkuasakan lagi. Bahagian Penguatkuasa adalah telah dan sedang menjalankan kawalan yang rapi dan sebagaimana Ahli Yang Berhormat telah maklum baru-baru ini tindakan-tindakan membawa pihak-pihak yang telah tidak mematuhi syarat ke Mahkamah telahpun diambil tindakan oleh pihak Kementerian.

KACANG TANAH—KEJATUHAN HARGA

9. Wan Zainab binti M. A. Bakar minta Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar menyatakan samada Kerajaan sedar kejatuhan teruk harga kacang tanah dan jika sedar, apakah ikhtiar untuk mengatasinya.

Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar (Tuan Mokhtar bin Haji Hashim): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar. Faktor-faktor utama yang menyebabkan kejatuhan harga itu di antaranya ialah:

- (a) Pengeluaran yang bertambah banyak. Jumlah kawasan yang diusahakan dengan kacang tanah di Negeri Kelantan, Trengganu, Perak dan Kedah bagi musim pertama tahun ini, umpamanya, adalah kira-kira 9,100 ekar berbanding dengan 7,800 ekar bagi keseluruhan tahun 1974.
- (b) Pemungutan hasil (harvesting) berlaku dalam satu masa yang sama. Pemungutan hasil biasanya bermula di Negeri Kelantan dalam bulan April, di Negeri Kedah dalam bulan Mei, di Negeri Perak dalam bulan Mac/April dan di Negeri Trengganu dalam akhir bulan Mei atau awal bulan Jun. Dalam musim pertama tahun 1975 ini, pemungutan hasil di Negeri Kelantan, Kedah dan Perak telah dilakukan serentak dalam bulan Mei, diikuti pula

dengan pemungutan hasil di Negeri Trengganu yang kian bertambah bermula pada awal bulan Jun ini.

- (c) Manakala bekalan bertambah, permintaan (demand) tidak berubah, malahan berkurangan sedikit disebabkan keadaan ekonomi di dalam dan di luar negeri. Di pasaran luar negeri kemasukan bekalan kacang tanah yang murah dari negara-negara lain telah menimbulkan persaingan yang kuat terhadap kacang tanah yang dikeluarkan oleh negara kita terutama sekali di pasaran Hongkong dan Singapura.

Langkah jangka pendek yang telah dibuat oleh FAMA untuk mengatasi kesulitan ini ialah dengan (mengadakan perundingan dengan pemeroses-pemeroses kacang tanah. Hasil daripada perundingan ini, harga kacang tanah di peringkat ladang dapat ditetapkan di peringkat yang boleh mendatangkan sedikit keuntungan kepada petani-petani.

Sebagai langkah jangka panjang langkah-langkah yang berikut akan dijalankan:

- (a) Berasingan dengan usaha untuk memajukan pasaran di dalam negeri, FAMA sedang juga mengambil langkah-langkah untuk meluaskan penjualan ke pasaran-pasaran luar negeri termasuk pasaran di Singapura, Hongkong, negeri-negeri Timur Tengah dan Canada.
- (b) FAMA mengkaji kemungkinan untuk memasar kacang tanah keluaran tempatan sebagai kacang tanah kering yang telah dikopek.
- (c) FAMA mengkaji kemungkinan mengadakan rancangan kawalan pemasaran.
- (d) FAMA mengkaji kemungkinan mendirikan lagi beberapa buah kilang memproses.
- (e) Petani-petani diminta merancang pengeluaran mengikut kehendak pasaran. Umpamanya, pengeluaran yang lebih banyak akan digalakkan dalam musim kedua kerana perayaan-perayaan jatuh dalam musim tersebut dan pengeluaran bagi musim pertama dikurangkan.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah penyelarasan yang dibuat dengan FAMA berkait dengan harga kacang tanah ini kerana semasa kita melancarkan Rancangan Buku

Hijau dahulu, mengikut apa yang saya tahu FAMA menasihatkan petani-petani agar bertanam dengan kacang tanah kerana kacang tanah pasarannya adalah terjamin. Kalau hendak menanam lain tanaman tidak digalakkan oleh FAMA. Tetapi apakala hasilnya keluar, maka orang-orang yang bertanam dengan kacang tanah yang paling teruk mengalami tentang pasaran. Jadi apakah dalam menggalakkan rakyat atau kaum tani bertanam dengan tanaman seperti ini penyelarasan dibuat antara Jabatan Pertanian ataupun Pertubuhan Peladang dengan FAMA supaya kejadian yang telah berlaku itu tidak akan berlaku lagi.

Tuan Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya nyatakan tadi berlakunya kemerosotan harga ini seperti di Negeri Kelantan di mana pemungutan hasil (harvesting) telah dibuat dalam bulan April. Jadi, tanaman ini yang telah mengeluarkan hasil pada bulan April adalah tanaman yang telahpun dibuat dengan tidak termasuk di dalam Rancangan Buku Hajau. Selain daripada itu, galakan dan syor Kerajaan untuk petani-petani menanam kacang tanah ini sememangnya disusun dan diselaras-kan usaha samada oleh pihak FAMA ataupun Persatuan Peladang, dan seperti yang dikatakan tadi sekarang ini kita sedang menyusun supaya masa tanaman dan tempat tanaman itu adalah sesuai dengan kehendak-kehendak pasaran.

SENJATAPI—PENYELUDUPAN

10. Tuan Ja'afar bin Hamzah minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan langkah-langkah yang telah diambil untuk menyekat penyeludupan senjatapi-senjatapi dan dadah ke dalam negeri ini oleh sindiket-sindiket.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telahpun mengambil langkah yang tegas bagi mengawasi kegiatan ini dan semua agensi Kerajaan telah diarah untuk mengetatkan lagi kawalan dan pengawasan sekeliling negara menggunakan pasukan Keselamatan dan RELA terutamanya di kawasan-kawasan sempadan dengan Negeri Thai dan di pantai-pantai untuk menyekat sebarang penyeludupan dan pengedaran senjatapi dan dadah. Kerajaan telah menyediakan beberapa Akta yang

memberi kuasa Mahkamah menjatuhkan hukuman yang berat dari kesalahan-kesalahan yang menyeludup senjatapi dan juga dadah. Seperti Yang Berhormat maklum kelmarin Yang Berhormat Menteri Undang-undang dan Peguam Negara telah membentangkan Rang Undang-undang di dalam Dewan ini yang membolehkan Yang di-Pertua Mahkamah Sesyen untuk mehakimkan kes-kes samun dengan senjatapi yang selama ini hanya boleh dibuat di Mahkamah Tinggi sahaja. Dan Kerajaan juga bergiat bekerjasama dengan kuasa-kuasa lain umpamanya Kerajaan Thai, Kerajaan Singapura, Kerajaan Indonesia dan Interpol, tetapi sekali lagi saya menegaskan segala langkah-langkah ini tidak akan berjaya tanpa kerjasama daripada kita semua rakyat.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana mereka daripada Indo-China ada meninggalkan peruntukan lebih kurang sejuta bilah senjata dan lain-lain firearms, adakah Kerajaan mempunyai bukti bahawa senjata-senjata itu ada diseludupkan atau dibawa masuk ke tanahair kita?

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, belum ada bukti lagi.

Tuan Hashim bin Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, biasanya kita dengar satu dari cara penyeludupan senjata-senjatapi dan dadah ke negeri ini melalui laut. Adakah Yang Berhormat Menteri bercadang pasukan keselamatan yang mengawal perairan negara kita akan menggunakan helikopter?

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri telah mengatakan bahawa kita akan memperbesar-kan lagi atau memperbaiki lagi angkatan laut kita untuk menjaga soal-soal begini dan sekiranya didapati menggunakan helikopter itu adalah satu perkara yang baik di dalam hal ini, insya Allah akan kita gunakan.

Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa satu daripada sebab-sebab berleluasanya kemasukan ataupun penyeludupan senjatapi dan dadah ini ialah kerana hukuman yang dikenakan kepada mereka ini

terlampau longgar. Adakah Yang Berhormat Menteri bercadang supaya di antara Jabatan Kehakiman, Kementerian Undang-undang dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri diselaraskan terutamanya semasa menjatuhkan hukuman yang dikenakan kepada mereka menyeludup senjata, dadah dan sebagainya kerana kalau hukuman itu dikenakan dengan berat sebagaimana yang telah ditetapkan, saya percaya kejadian-kejadian seperti ini dapat dikurangkan.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, tadi saya mengatakan bahawa baru semalam Yang Berhormat Menteri Undang-undang dan Peguam Negara membentangkan satu Rang Undang-undang di Dewan ini yang membolehkan Yang di-Pertua Mahkamah Sesyen (Presidents' Sessions Court) untuk menghakamkan kes samun senjata umpamanya, oleh kerana pada masa yang lampau kes-kes ini terpaksa pergi ke Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rendah itu tidak dapat menjatuhkan hukuman mengikut apa yang dikehendaki oleh undang-undang. Ini adalah perkara kehakiman dan perkara ini perlu diperbetulkan.

JAWATANKUASA PENYIASATAN BANGUNAN FITZPATRICK

11. Datuk Albert Mah minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar menyatakan:

- (a) samada Jawatankuasa Penyiasatan yang diperintahkan oleh beliau pada 12hb Disember, 1973 untuk menyiasat berkenaan dengan keselamatan awam Bangunan Fitzpatrick, Kuala Lumpur dan penutupan Jalan Tengah telah disiapkan dan disiarkan untuk makluman umum;
- (b) apakah keputusan-keputusan Jawatankuasa Penyiasatan itu;
- (c) apakah langkah-langkah positif telah diambil oleh Kerajaan ke atas kedua-dua Belmont dan Fitzpatrick supaya menjalankan pengesyoran seperti yang dicadangkan oleh Jawatankuasa Penyiasatan itu untuk menentukan bahawa Bangunan Fitzpatrick adalah benar-benar selamat untuk kediaman awam;
- (d) adakah beliau sedar bahawa penyewa-penyewa warganegara Malaysia di Bangunan Fitzpatrick (milikan Asing)

tidak dibayar sebarang gantirugi berikutan dengan penutupan Bangunan itu untuk berniaga akibat daripada secara langsung perintah supaya menutup bangunan itu untuk pemeriksaan keselamatan;

- (e) apakah langkah-langkah akan diambil oleh Kerajaan untuk melindungi penyewa-penyewa di Bangunan-bangunan Tinggi didalam kes-kes seumpama ini pada masa yang akan datang; dan
- (f) adakah beliau akan menimbang membuat Undang-Undang baru untuk melindungi penyewa-penyewa di bangunan-bangunan tinggi.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, soalan itu sangat panjang dan saya bercadang hendak menjawab soalan itu secara am sahaja.

Jawatankuasa yang telah dilantik oleh Kerajaan untuk mengkaji masalah mengenai penutupan Jalan Tengah dan pemindahan daripada bangunan Fitzpatrick telahpun selesai membuat penyiasatan-penyiasatannya. Memandangkan bahawa perkara ini pada masa itu ialah *sub judice* Jawatankuasa berpendapat bahawa adalah tidak sesuai menuduh mana-mana pihak yang terlibat dan juga enggan memberi apa-apa pandangan tentang sebab-sebab keruntuhan tanah di Jalan Tengah. Jawatankuasa telahpun juga berpendapat bahawa adalah tidak sesuai untuk memanggil pihak-pihak yang terlibat untuk memberi apa-apa keterangan kepadanya. Jawatankuasa telah hanya menghadkan siasatannya kepada keterangan yang didapati daripada laporan-laporan dan rekod-rekod di Dewan Bandaraya.

Tujuan utama Jawatankuasa itu ialah untuk membuat syor-syor di atas langkah-langkah yang harus diambil supaya kejadian yang berlaku di Jalan Tengah tidak timbul lagi. Jawatankuasa telah dapati bahawa sungguhpun Akta Jalan, Parit dan Bangunan, 1974 yang belum lagi dikuatkuasakan dan juga Undang-Undang Kecil Bangunan yang telah dicadangkan mempunyai peruntukan-peruntukan yang lengkap untuk menentukan keselamatan pembinaan bangunan-bangunan, undang-undang ini tidak menyentuh perkara-perkara kerja-kerja tanah yang hendak dijalankan oleh seseorang pemaju sebelum

beliau memulakan pembinaan. Oleh yang demikian, Jawatankuasa telah mengesyorkan supaya Undang-undang yang ada sekarang dipinda untuk mengadakan peruntukan-peruntukan yang berikut:

- (a) Pelan-pelan kerja tanah hendaklah di-kemukakan kepada Pihak Penguasa Tempatan termasuk juga projek-projek yang dijalankan semasa menguatkuasakan pindaan itu.
- (b) Kerja-kerja tanah tersebut tidak boleh dimulakan sehingga pelan-pelan yang berkenaan telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.
- (c) Pihak Berkuasa Tempatan akan diberi kuasa untuk mengeluarkan arahan dari semasa ke semasa jika difikirkan sesuai bagi perlindungan dan keselamatan nyawa dan harta-benda termasuk juga kuasa untuk menamatkan dengan sertamerta kerja-kerja tersebut dan untuk menjalankan sendiri kerja tersebut dan perbelanjaannya di-tanggung oleh pemaju.
- (d) Jika berlaku runtutan tanah atau failure berkenaan dengan kerja-kerja tanah, pihak pemaju akan dikenakan denda sebanyak \$50,000 atau penjara selama 10 tahun. Peruntukan ini telah-pun diadakan melalui Akta Perbandaran dan Lembaga Bandaran (Pindaan), 1975 dan Undang-undang Kecil Bandaraya Kuala Lumpur, Kerja Tanah, 1975 yang telah dikuatkuasakan.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan-jawapan bagi Pertanyaan No. 12 hingga 56 adalah diberi di bawah ini).

PIL PERANCANG KELUARGA

12. Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Abdul Shukor minta Menteri Kesihatan menyatakan samada beliau sedar bahawa pil-pil perancangan keluarga sangat mudah didapati di kedai-kedai ubat di seluruh negeri ini dan dengan hal yang demikian mengujudkan kemungkinan menyalahgunakan dadah-dadah tersebut bagi tujuan-tujuan yang tidak baik, dan jika ya, apakah langkah-langkah yang telah diambil mengenai perkara ini.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew):

Saya tidak sedar bahawa pil-pil perancangan keluarga sangat mudah didapati di kedai-kedai ubat di seluruh negeri ini. Pil-pil itu adalah racun berjadual yang dikawal di bawah Ordinan Racun, 1952 dan boleh didapati dari Klinik-klinik Lembaga Perancangan Keluarga Kebangsaan, Persatuan Perancangan Keluarga, Klinik-klinik Estet yang dibekalkan oleh Lembaga Perancangan Keluarga Kebangsaan dan juga dispensari-dispensari Doktor-doktor dan Kedai-kedai Farmasi di bawah jagaan Ahli-ahli Farmasi yang berdaftar.

Kementerian saya sangat berterima kasih jika mendapat maklumat yang tepat berkenaan dengan kedai-kedai ubat yang tidak berlesen yang sedang menjual pil-pil itu supaya tindakan dapat diambil bersama-sama dengan pihak Polis di bawah Ordinan Racun, 1952 atas tuduhan simpanan untuk penjualan tanpa lesen.

GURU BESAR SEKOLAH MENENGAH—TANGGA-GAJI BARU

13. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) bilakah Kementerian beliau akan melaksanakan Tangga-gaji baru Guru-guru sekolah menengah, dan
- (b) adakah semua guru-guru besar sekolah menengah akan mendapat faedah daripada tanggagaji baru tersebut.

Menteri Pelajaran (Dr Mahathir bin Mohamad):

- (a) Satu rundingan telah diadakan di antara Kementerian Pelajaran dengan Kesatuan-kesatuan Guru pada 26hb Jun, 1975 untuk menyelesaikan sekim gaji bagi Guru Besar dan Penolong Kanan di Sekolah Menengah. Dalam rundingan itu Kesatuan-kesatuan Guru telah diberitahu mengenai cara pelaksanaan sekim tersebut. Pihak Kesatuan telah meminta tempoh selama sebulan untuk mengkajinya. Adalah diharapkan sekim ini akan dapat dilaksanakan dengan secepat mungkin.

- (b) Kementerian belum dapat pasti berapa banyakkah Guru-guru Besar Sekolah Menengah yang akan dapat faedah dari sekim ini tetapi adalah dijangka bahawa sebilangan besar daripada

guru-guru besar dan penolong kanan di sekolah-sekolah menengah akan mendapat faedah daripada tanggagaji baru tersebut.

AKTA SEWA BELI 1967—PINDAAN

14. Datuk Haji Shafie bin Haji Abdullah minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan adakah Kerajaan bercadang hendak meminda Akta Sewa Beli, 1967 untuk meliputi peruntukan-peruntukan bagi melesenkan syarikat-syarikat Kewangan dan Peminjam yang menjalankan urusan sewa-beli dan jika ya, bilakah cadangan ini hendak dilaksanakan.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah): Ya, Kerajaan memang bercadang untuk meminda Akta Sewa Beli, 1967 dan di antara pindaan-pindaan yang akan dibuat termasuklah peruntukan bagi melesenkan Syarikat-syarikat Kewangan dan Peminjam yang menjalankan urusan sewabeli.

Walau bagaimanapun oleh kerana kesuntukan masa rang undang-undang pindaan tersebut tidak dapat dibentangkan dalam persidangan ini. Saya akan membentangkannya di persidangan akan datang.

KAD PENGENALAN MERAH

15. Tuan Stephen Robert Evans minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) adakah beliau sedar bahawa sebilangan besar orang-orang termasuk Bumiputra-bumiputra di Sabah, telah diberi "KAD-KAD PENGENALAN MERAH" yang mengelaskan mereka sebagai "Orang Asing", semata-mata kerana mereka tidak dapat menunjukkan surat Akuan Beranak kepada pihak berkuasa yang berkenaan, sewaktu menukar kad pengenalan lama mereka "BERWARNA JINGGA" kepada yang baru;
- (b) samada beliau sedar bahawa kebanyakan orang-orang Sabah (khususnya yang lahir di Sabah) merasa curiga mengenai masa depan mereka kerana memiliki Kad Pengenalan Merah, dan adakah Kerajaan akan mencari daya usaha

untuk mengeluarkan "KAD-KAD PENGENALAN BIRU" untuk orang-orang ini dengan menimbangkan perkara-perkara berikut:

- (i) bahawa mereka telah tinggal dalam Negeri Sabah selama beberapa tahun;
- (ii) mereka yang lahir dalam Negeri Sabah semasa pemerintahan Kompeni Berkanun (Chartered Company) tidak memiliki Surat-surat Akuan Beranak disebabkan ketiadaan tempat yang tertentu bagi melaporkan kelahiran dan kematian dan bagi dikeluarkan surat akuan beranak, terutamanya di kawasan-kawasan luar bandar, di mana perhubungan sungguh sukar;
- (iii) bahawa mereka yang tinggal di sekitar kawasan Bandar sungguhpun memiliki Surat-surat Akuan Beranak, tetapi kebanyakannya telah kehilangan dan tidak dapat memberi bukti dokumen kerana kebanyakan buku-buku rekod Pendaftaran Kelahiran/Kematian telah musnah akibat Perang Dunia Kedua, dan semasa pendudukan Jepun di Borneo Utara (Sabah); dan

- (c) adakah Kementerian berkenaan akan menyiasat hal ini dan menguruskan supaya semua mereka yang lahir dalam Negeri Sabah tidak kira samada mereka Bumiputra atau bukan Bumiputra akan mendapat KAD-KAD PENGENALAN BIRU menggantikan KAD-KAD PENGENALAN MERAH supaya orang-orang ini, terutamanya mereka yang negara asal mereka ialah Sabah dan yang dilahirkan samada semasa Pemerintahan Kompeni Berkanun atau semasa Penjajahan Jepun di Borneo Utara (Sabah), tidak akan berperasaan bahawa Kerajaan telah mengabaikan mereka.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie):

- (a) Kad-kad Pengenalan Merah adalah tidak dikeluarkan kepada Bumiputra sungguhpun mereka itu tiada mempunyai Surat Akuan Beranak.

(b) Bagi bukan Bumiputra yang mempunyai Kad Pengenalan Merah, mereka bolehlah membuat permohonan untuk menjadi warganegara di bawah Perkara-perkara yang sesuai dalam Perlembagaan seperti Perkara 15 (1) dan 19 (1). Mereka hanya dibolehkan menukar Kad Pengenalan Merah mereka kepada Kad Pengenalan Biru setelah memperolehi kewarganegaraan.

(c) Kemudahan-kemudahan telahpun diadakan untuk mereka yang berkenaan dan bagi mereka yang kehilangan Surat Akaan Beranak semasa Pemerintahan Kompeni Berkanun atau semasa Penjajahan Jepun:

- (i) mereka sepatutnya telah membuat Pendaftaran Semula untuk mendapatkan Surat Akaan Beranak mereka di bawah Seksyen 25 (1) Ordinan Beranak dan Mati Sabah (Sabah Cap. 123); atau
- (ii) mereka sepatutnya telah mengambil kesempatan untuk membuat permohonan menjadi warganegara Malaysia di bawah Perkara 16A Perlembagaan yang dikuatkuasa selama tempoh 8 tahun mulai dari Hari Malaysia. Walau bagaimanapun kemudahan-kemudahan yang tersebut di atas telahpun dimusnahkan iaitu bagi permohonan Pendaftaran Semula untuk mendapat Surat Akaan Beranak pada 31-12-1957 dan bagi permohonan untuk menjadi warganegara di bawah Perkara 16A Perlembagaan pada bulan September, 1971. Selain daripada kemudahan-kemudahan yang tersebut di atas ini peluang masih terbuka untuk mereka menjadi warganegara iaitu dengan jalan membuat permohonan di bawah Perkara 15 (1) dan 19 (1) Perlembagaan dan terpulanglah kepada mereka untuk menggunakan peluang ini.

ATENDAN/AMAH DI HOSPITAL—LAYANAN

16. Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid minta Menteri Kesihatan menyatakan samada beliau sedar bahawa layanan-layanan berupa budi bahasa serta tutur kata dan mutu

kerja yang diberikan oleh kakitangan-kakitangan seperti atendan-atendan dan amah di hospital-hospital adalah jauh dari memuaskan dan jika sedar, apakah langkah-langkah yang diambil untuk memperbaiki keadaan ini.

Tan Sri Lee Siok Yew: Ahli Yang Berhormat dari Semerah telahpun membangkit satu soalan yang hampir sama di Dewan ini pada 7-4-1975 dan saya telah memberikan jawapannya.

Boleh jadi ada kejadian-kejadian di mana boleh menyebabkan aduan tetapi itu tidaklah satu perkara keseluruhan. Tindakan-tindakan tatatertib adalah sentiasa diambil terhadap pegawai-pegawai yang berkenaan jika dan bila didapati tuduhan-tuduhan itu dibuktikan.

PERTANIAN DI KAWASAN ANAP

17. Tuan Ting Ling Kiew minta Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar menyatakan samada dalam cadangan pembinaan jalanraya antara Mukah dan Bintulu potensi pembangunan pertanian di Daerah Daratan Batang Anap (Tatau) terutama di Ulu Anap, Kakus dan kawasan-kawasan Anap Hilir telah ditimbang dan apakah kajian pembangunan pertanian yang dapat dijalankan di kawasan-kawasan ini.

Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar (Tuan Abdul Ghafar bin Baba): Ya. Mengikut keterangan yang diterima daripada Kementerian Pertanian dan Kemajuan Masyarakat, Negeri Sarawak, Jabatan Pertanian Negeri Sarawak akan:

- (a) mengadakan kajian tanah secara menyeluruh di seluruh kawasan Anap pada tahun hadapan; dan
- (b) seterusnya mengkaji secara mendalam kawasan di antara Mukah dan Bintulu dengan tujuan untuk memilih kawasan-kawasan yang sesuai bagi maksud menjalankan kajian tanah yang berupa "semi detailed".

DADAH—PENGEDAR/PENGGUNA

18. Raja Nasron bin Raja Ishak minta Menteri Undang-undang dan Peguam Negara menyatakan:

- (a) bilangan orang yang telah didakwa di mahkamah atas tuduhan-tuduhan menjadi;
- (i) Pengedar Dadah,

(ii) Pengguna Dadah dalam tahun 1973, 1974 dan 1975; dan

(b) peratus yang telah didapati salah dan dihukum dan apa hukuman-hukumannya.

Menteri Undang-undang dan Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof):

(a) (i) Sebelum adanya Akta Pindaan yang diluluskan dalam bulan April tahun ini, undang-undang yang ada tidak membezakan seorang pengedar dadah dan seorang pengguna dadah.

(ii) Jumlah orang-orang yang didakwa kerana kesalahan-kesalahan dadah adalah seperti berikut:

1973	...	...	1,613 orang
1974	...	...	1,819 orang
1975	...	...	623 orang
(hingga bulan Mac)			

(b) Jumlah kes yang thabit kesalahannya ialah lebih kurang 80 peratus.

PENGGANAS KOMINIS DI SEMPADAN MALAYSIA/THAILAND

19. Dr Chen Man Hin minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menjelaskan samada gurila-gurila di Sempadan Malaysia/Thai hanya pengganas-pengganas yang menggentarkan desa-desa untuk mendapat wang ataupun mereka adalah pemberontak-pemberontak yang tersemat dengan ideologi komunisma berhasrat untuk menggulingkan Kerajaan-kerajaan dengan kekerasan.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Pengganas-pengganas kominis yang bergerak di kawasan Sempadan Malaysia/Thailand bukan perompak biasa yang mengugut orang-orang kampung untuk mendapat wang tetapi ialah pengganas kominis yang berhasrat seperti apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat itu.

BANK SUSU IBU

20. Tuan Edmund Langgu anak Saga minta Menteri Kesihatan menyatakan samada Kementerian beliau bercadang menubuhkan sebuah Bank Susu Ibu seperti di Singapura untuk keselamatan bayi yang tidak boleh menggunakan susu tepong dan tidak boleh mendapatkan susu itu kerana sebab-sebab kesihatan dan sebagainya.

Tan Sri Lee Siok Yew: Kementerian saya tidak bercadang pada masa ini untuk menubuhkan sebuah Bank Susu Ibu seperti di Singapura. Menubuhkan sebuah Bank Susu Ibu ada banyak implikasinya oleh kerana beberapa masaalah khas di Malaysia yang tidak didapati di Singapura. Beberapa faktor hendaklah ditimbang seperti ugama, kebudayaan, sosial, pengangkutan, pembahagian, penyimpanan dan lain-lain faktor. Penduduk-penduduk di Singapura hampir keseluruhannya daripada kaum China, akan tetapi Malaysia pula mempunyai penduduk berbilang kaum dan ugama. Oleh itu akan berbangkit juga masaalah penerimaan susu yang datangnya daripada kaum lain.

Oleh kerana masaalah-masaalah pemakanan di Malaysia kebanyakan didapati di kawasan-kawasan luarbandar dan terpencil, akan timbul juga masaalah pembahagian, pengangkutan dan penyimpanan, termasuk keperluan kemudahan-kemudahan peti sejuk.

Oleh itu strateji yang diambil oleh Kementerian saya sekarang ialah menggalakan ibu-ibu menyusukan anak mereka terutama sekali mereka-mereka di kawasan-kawasan luarbandar. Susu tepong boleh didapati bagi bayi-bayi yang tidak dapat menyusukan. Kementerian juga telah membuat rancangan memberi makanan tambahan kepada ibu-ibu mengandung dan ibu-ibu yang menyusukan anak dan bayi-bayi serta anak kecil. Di dalam rancangan ini susu dibahagi-bahagikan menerusi klinik-klinik kesihatan ibu dan kanak-kanak di kawasan-kawasan luarbandar.

KEMALANGAN JALANRAYA

21. Raja Nasron bin Raja Ishak minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan perangkaan bagi kemalangan jalanraya bagi tahun 1972, 1973 dan 1975 dengan cara yang sama seperti perangkaan bagi tahun 1974 yang menjumlahkan 51,213 kes kemalangan yang mana 20,000 orang telah cedera dan 2,300 orang telah terbunuh.

Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong):

Tahun				Kemala- ngan	Kematian	Kecederaan	Kadar Kematian bagi tiap- tiap 10,000 kenderaan berdaftar	Kadar kecederaan bagi tiap- tiap 10,000 kenderaan berdaftar
1972	...	...	...	35,913	1,712	14,900	20.9	182.0
1973	...	...	...	41,666	1,925	17,669	20.5	187.9
1974	...	...	...	51,213	2,303	20,915	21.1	212.9
1975 (Jan.-Apr.)	...	...	...	19,828	738	7,352	—	—

PARTI KOMINIS MALAYA

22. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada dasar dalam negeri (internal policy) Kerajaan ialah anti Kominis; jika tidak, nyatakan sebab-sebabnya Parti Kominis Malaya tidak didaftar sebagai sebuah pertubuhan yang sah.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Dasar Kerajaan Malaysia bukan saja menentang fahaman kominis, bahkan menentang segala apa juga fahaman dan ajaran yang bercanggah dengan Rukunegara.

KEWARGANEGARAAN—PER-MOHONAN

23. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) samada beliau sedar bahawa masa untuk menguruskan permohonan-permohonan untuk kewarganegaraan memakan masa yang panjang, dan oleh itu telah mendatangkan kerumitan kepada pemohon-pemohon; jika ya, nyatakan langkah yang sedang diambil untuk mengatasi masalah ini; dan
- (b) masa yang diambil untuk memproses setiap permohonan.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:

- (a) Perkara menguruskan permohonan untuk kewarganegaraan adalah suatu proses yang memerlukan kajian yang teliti dan mendalam tidak sahaja dari segi meneliti butir-butir dan dokumen yang dikemukakan oleh pemohon tetapi juga latarbelakang pemohon sebelum sesuatu permohonan itu dapat dipertimbang dan diputuskan. Proses ini memakan masa yang panjang dan

ianya juga bergantung kepada pemohon-pemohon itu sendiri iaitu sama ada mereka itu boleh memberi butir-butir dan maklumat-maklumat yang tepat sebagaimana yang dikehendaki. Seperti yang saya telah jelaskan di dalam Dewan ini pada masa-masa yang sudah seringkali kelambatan berlaku di dalam memproseskan sesuatu permohonan itu disebabkan faktor-faktor seperti berikut:

- (i) pemohon tidak mengisi sesuatu borang dengan sempurna dan lengkap;
- (ii) pemohon tidak menunjukkan bukti-bukti berdokumen bagi menyokong permohonan-permohonan mereka.
- (iii) pemohon tidak menyatakan kesalahan-kesalahan jenayah yang telah dilakukan oleh mereka pada masa-masa yang lepas dan ini membawa kepada pendakwaan dalam Mahkamah;
- (iv) pemohon tidak menjawab kuiri-kuiri daripada Jabatan Pendaftaran Negara kerana mereka telah berpindah dari satu tempat ke satu tempat yang lain dengan tidak memberitahu penukaran alamat mereka itu.
- (b) Masa yang diambil untuk memproseskan sesuatu permohonan itu tidak dapat ditetapkan dan ianya adalah bergantung kepada keadaan permohonan yang dikemukakan itu.

UNIVERSITI/INSTITIUT PENGAJIAN TINGGI—PELAJAR BARU

24. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) jumlah bilangan pemohon-pemohon yang memohon untuk memasuki semua

Universiti dan institut pengajian tinggi pada tahun ini;

- (b) bilangan pengambilan baru untuk setiap Universiti atau institut pengajian tinggi dengan memberi angka-angka pecahan mengikut bangsa;
- (c) jumlah bilangan pemohon-pemohon yang dinafikan tempat dan Universiti-universiti dan institut-institut pengajian tinggi; dan
- (d) apa rancangan Kerajaan untuk memberi mereka peluang pendidikan lanjut ataupun latihan untuk melengkapkan mereka untuk pekerjaan yang ber-

faedah dan bukan membiarkan mereka menyertai golongan penganggur-penganggur yang berpelajaran.

Dr Mahathir bin Mohamad:

- (a) Jumlah bilangan pemohon-pemohon yang memohon untuk memasuki semua Universiti dan Institusi pelajaran tinggi bagi tahun 1975/76 ialah 53,791.
- (b) Bilangan pelajar-pelajar baru yang diambil bagi tiap Institusi-institusi pelajaran tinggi untuk tahun 1975/76 adalah seperti berikut:

<i>Universiti/Institusi</i>	<i>M</i>	<i>C</i>	<i>I</i>	<i>LL</i>	<i>Jumlah</i>
Universiti Malaya	1,041	916	102	17	2,076
Universiti Kebangsaan Malaysia ...	843	73	22	—	938
Universiti Sains Malaysia	350	181	31	2	564
Universiti Pertanian Malaysia ...	740	83	22	2	847
Universiti Teknologi Malaysia ...	774	75	2	—	851
Institusi Teknologi MARA	3,790	—	—	—	3,790
Kolej Tunku Abdul Rahman	11	1,439	66	2	1,518
Politeknik Ungku Omar	297	139	22	—	458
Jumlah ...	7,846	2,906	267	23	11,042

- (c) Bilangan pemohon-pemohon yang tidak jaya untuk memasuki Universiti-universiti dan Institusi-institusi pelajaran tinggi ialah 39,476.
- (d) Kerajaan juga mengadakan pusat-pusat latihan yang bercorak vokesyenal dan teknikal yang khusus bagi sesuatu lapangan pekerjaan, untuk memberi peluang kepada mereka yang tidak berjaya melanjutkan pelajaran ke pusat-pusat pengajian tinggi dalam negeri. Misalannya Kerajaan mengadakan latihan dalam bidang-bidang perguruan, kejururawatan, pertanian, perusahaan, perhutanan, kesihatan dan lain-lain.

LETRIK—GANGGUAN BEKALAN DI MELAKA

25. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan menyatakan:

- (a) samada beliau sedar bahawa Bandar Melaka sentiasa mengalami kegen-

dalaan letrik yang berulang-ulang yang menyebabkan kesukaran-kesukaran yang berat bukan sahaja kepada pengguna-pengguna bahkan juga peniaga-peniaga dan perindustrian-perindustrian dan nyatakan sebab-sebabnya berlaku kegendalaan tersebut.

- (b) samada benar sistem memasang kawat-kawat letrik di Melaka terlalu lama dan tidak boleh memenuhi kehendak-kehendak dan keperluan-keperluan Melaka pada zaman sekarang dan nyatakan bilakah sistem memasang kawat-kawat letrik itu dipasang; dan
- (c) perbelanjaan yang terlibat untuk memodenkan sistem memasang kawat-kawat letrik tersebut dan nyatakan samada terdapat rancangan-rancangan untuk membuat demikian ataupun lain-lain jalan untuk memastikan Melaka tidak akan mengalami kegendalaan bekalan letrik yang sentiasa berulang-ulang dan tidak terhenti-henti.

Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan (Tuan Haji Mohamed bin Yaacob):

(a) Bekalan letrik kepada Negeri Melaka adalah mencukupi tetapi gangguan-gangguan bekalan berlaku di Bandar Melaka disebabkan perkara-perkara berikut:

(i) Kerosakan sistem yang lazim berlaku dan yang tidak dapat dielakkan.

(ii) Kerosakan ke kebel LLN yang biasanya ditanam di tepi jalanraya berpunca daripada "accidental damage" yang dilakukan oleh pihak kontraktor-kontraktor yang menggali dan menanam paip air ataupun kebel talipon kebel untuk LLN. Untuk mengelakkan terjadinya "accidental damage" ini pihak Lembaga senantiasanya bekerjasama dan berhubung dengan Jabatan-jabatan lain dan kontraktor-kontraktor yang menjalankan kerja supaya seorang kakitangan Lembaga dapat ditugaskan mengawas semasa kerja dijalankan berdekatan dengan kebel kebel LLN.

(iii) Kerosakan juga berlaku semasa cuaca-cuaca buruk menyebabkan bekalan terganggu kerana dawai-dawai saluran atas terkena petir atau ditimpa oleh pohon-pohon pokok yang tumbang.

(iv) Oleh sebab rancangan-rancangan melebarkan jalanraya-jalanraya di Bandar Melaka adalah pesat, kerosakan berlaku disebabkan kenderaan-kenderaan melanggar tiang-tiang letrik yang belum sempat dialih semasa kerja-kerja jalanraya diusahakan. Dalam segi ini pihak Lembaga juga senantiasanya bekerjasama dengan Jabatan-jabatan yang berkenaan supaya kerja-kerja mengalih tiang-tiang dapat dijalankan berasingan dengan kerja-kerja melebarkan jalanraya.

(b) Tidaklah benar bahawa sistem letrik di Melaka adalah lama dan tidak memenuhi keperluan-keperluan Negeri Melaka sekarang. Bekalan terganggu disebabkan perkara-perkara di atas.

(c) Bekalan letrik ke Bandar Melaka akan bertambah dan lebih teguh apabila Pencawang Utama 66/11 kV di Air Keroh siap kelak di penghujung tahun ini. Projek ini akan memakan belanja sebanyak \$1.68 juta. Di Merlimau juga ada rancangan projek membina Pencawang Utama yang akan memakan belanja sebanyak \$0.658 juta. Belanja memperbaiki dan merombak sistem-sistem voltan rendah di Negeri Melaka adalah sebanyak \$80,000 setahun.

CUKAI BARANG-BARANG IMPOT

26. Tuan Jonathan Narwin anak Jinggong minta Menteri Kewangan menyatakan:

(a) samada Kerajaan akan memudahkan sistem memungut cukai berhubung dengan barang-barang impot yang dibawa dari Semenanjung Malaysia ke Sabah dan Sarawak; dan

(b) apakah kemajuan yang telah dicapai bagi menyamakan undang-undang tarif dan eksais antara Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Menteri Kewangan (Datuk Hussein bin Datuk Onn): Saya tidak ada apa-apa tambahan lagi kepada jawapan yang telah saya beri kelmarin kepada satu soalan yang sama yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Padawan.

**PASUKAN KESELAMATAN—
ANGGOTA TERKORBAN**

27. Tuan Ja'afar bin Hamzah minta Menteri Pertahanan menyatakan bilangan anggota-anggota pasukan keselamatan yang terkorban dalam pertempuran dengan pengganas komunis daripada 1hb Januari, 1975 hingga sekarang.

Menteri Pertahanan (Tun Haji Abdul Razak): Jumlah anggota-anggota pasukan keselamatan yang terkorban dalam pertempuran dengan pengganas komunis daripada 1hb Januari, 1975 hingga akhir bulan Jun, 1975 ialah 30 orang.

**PESURUHJAYA PERDAGANGAN
MALAYSIA**

28. Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan bilangan Pesuruhjaya-pesuruhjaya Perdagangan Malaysia di Seberang

Laut; samada semua mereka ini terdiri dari orang Malaysia; dan berapa banyakkah terdiri dari Bumiputra.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Pada masa ini bilangan pegawai-pegawai di dalam Perkhidmatan Pesuruhjaya Perdagangan berjumlah seramai empat puluh dua (42) orang. Daripada bilangan tersebut seramai dua puluh empat (24) orang pegawai adalah bertugas di seberang laut selaku Pesuruhjaya Perdagangan atau Penolong Pesuruhjaya Perdagangan dengan bakinya seramai lapan belas (18) orang bertugas di Ibu Pejabat. Kesemua mereka ini terdiri dari warganegara Malaysia dan tujuh belas (17) daripada mereka terdiri dari Bumiputra.

MINYAK DIESEL

29. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan bagaimana kekurangan minyak diesel baru-baru ini berlaku, dan nyatakan langkah-langkah beliau bercadang mengambil untuk menentukan bahawa pembekalan minyak diesel akan mencukupi pada setiap masa di negara kita.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Soalan yang sama telah dikemukakan oleh Y.B. Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar dan Y.B. Tuan K. Pathmanaban pada 7-7-1975 yang lalu dan saya telahpun memberi jawapan dengan jelasnya.

PELARIAN VIETNAM

30. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan jumlah bilangan pelarian-pelarian Vietnam yang berada pada masa ini di Malaysia, di mana mereka berada, dan jenis bantuan yang sedang diberi kepada mereka.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Jumlah orang-orang pelarian Vietnam yang ada pada masa ini di Malaysia ialah 966. Atas dasar peri kemanusiaan mereka ini diberi perlindungan di Pulau Perhentian, Trengganu di mana khemah-khemah didirikan untuk mereka berteduh dan mereka di samping itu diberi bantuan makanan dan perubatan.

PEMILIKAN/KAWALAN EKONOMI MALAYSIA

31. Tuan Chieng Tiong Kai minta Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar menyatakan samada Kerajaan sedar bahawa keadaan di negara ini ialah bahawa ekonomi dipegang oleh beberapa orang pemodal dan kebanyakan penduduk luarbandar akan tinggal dalam keadaan miskin jika ya, apakah langkah-langkah yang telah atau sedang diambil oleh Kerajaan untuk membetulkan keadaan ini.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Pendapat Ahli Yang Berhormat tidaklah memberikan gambaran yang benar mengenai pemilikan dan kawalan ekonomi Malaysia. Berbanding dengan setengah-setengah negara lain, tumpuan kekayaan kepada tangan beberapa syarikat, keluarga atau perseorangan adalah kurang di negara ini. Ini seterusnya adalah disebabkan oleh polisi dan campurtangan Kerajaan untuk menghasilkan pembahagian yang lebih luas dalam pemilikan tanah dan sumber-sumber asli yang lain di negara ini. Di dalam sektor pertanian, misalnya, pekebun-pekebun kecil telah dan sedang menerima peluang-peluang yang semakin bertambah dalam penggunaan sumber-sumber tanah untuk tanam-tanaman. Hasilnya, kepentingan pihak swasta di dalam pengeluaran dan pelaburan sedang berkurangan. Di dalam sektor perdagangan dan industri, dasar Kerajaan membuka peluang-peluang untuk pelaburan kepada semua permohonan-permohonan yang "viable" telah mengujudkan suatu asas yang luas di dalam pemilikan dan kawalan "enterprises" di dalam ekonomi yang menyebabkan tidak ada satu-satu kumpulan yang tertentu atau negara luar dapat dikatakan telah mempunyai kawalan yang besar ke atas industri.

Kerajaan adalah sedar tentang keperluan meninggikan penyertaan rakyat Malaysia di dalam kehidupan ekonomi negara ini dan menyediakan lebih banyak peluang-peluang ekonomi kepada rakyat luarbandar. Ahli Yang Berhormat boleh meneliti tujuan-tujuan Dasar Ekonomi Baru ini yang telah dinyatakan dengan jelas di dalam dokumen Rancangan Malaysia Kedua dan Kajian Semula Rancangan itu.

TANAH KEPADA PENEROKA FELDA

32. Tuan Shaari bin Jusoh minta Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas

menyatakan samada benar bahawa beliau telah membuat pengumuman iaitu semua tanah-tanah dalam Rancangan tebu L.K.T.P. akan diberikan kepada peneroka-peneroka, jika ya, bilakah tanah-tanah ini akan diberikan kepada mereka dan peneroka jenis apa yang akan mendapat peluang ini.

Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-Tugas Khas (Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda): Memanglah benar saya pernah membuat kenyataan bahawa adalah menjadi dasar FELDA menyerahkan sesuatu kawasan tanah yang dibuka olehnya kepada peneroka-peneroka. Begitu jugalah mengenai rancangan tebu yang telah dibuka di Perlis itu. Perancangan sedang diuruskan sekarang ini untuk mengadakan kawasan perkampungan di rancangan tersebut dan sambil itu dasar mengenai cara penyertaan peneroka-peneroka dalam projek tebu itu sedang digubal. Setelah keputusan-keputusan dibuat dan kawasan perkampungan siap, FELDA akan membawa masuk peneroka-peneroka ke rancangan tersebut. Peneroka-peneroka itu adalah dikehendaki memenuhi syarat-syarat pemilihan peneroka yang telah disediakan oleh FELDA dan pemilihan peneroka pula akan dibuat bersama-sama di antara Kerajaan Negeri Perlis dengan FELDA.

BAS DI WILAYAH PERSEKUTUAN— PERKHIDMATAN

33. Tuan Farn Seong Than minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan samada beliau sedar bahawa perkhidmatan bas di Wilayah Persekutuan tidak sebenarnya bertambah baik, terutama sekali pada waktu sibuk, walaupun beberapa janji tegas sentiasa dibuat oleh syarikat-syarikat bas bahawa perkhidmatan bas akan diperbaiki apabila tambang bas telah naik beberapa bulan dahulu. Jika ya, nyatakan samada beliau akan mengarahkan suatu penyiasatan di dalam perkara ini supaya dapat memperbaiki keadaan ini.

Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Jawapan yang sama telah saya berikan di Dewan ini pada 8hb Julai, 1975 ketika menjawab soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari kawasan Kuala Lumpur Bandar.

TANAMAN TEBU

34. Tuan Farn Seong Than minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan

samada Kerajaan mempunyai apa-apa rancangan untuk membuka lebih banyak lagi tanah untuk tanaman tebu supaya dapat menentukan bekalan gula yang tetap di negara, dan dengan demikian Malaysia tidak akan mudah dipengaruhi oleh kenaikan harga gula yang sentiasa berlaku di pasaran dunia.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tanaman tebu di Malaysia sedang dijalankan oleh projek yang disatukan (integrated project) iaitu meliputi tanaman tebu hingga kepada pengeluaran gula yang sudah dibersihkan (refined sugar). Setakat ini 5 projek telahpun diluluskan di negeri-negeri Perlis, Kedah, Perak, Negri Sembilan dan Johor. Projek-projek ini dimulakan oleh pihak swasta dengan usaha sama daripada Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri. Kerajaan Pusat ada menyediakan bantuan kewangan kepada projek yang disatukan dengan pemberian pinjaman, kredit cukai pelaburan dan galakan-galakan lain seperti Elaun Kebun/Estet.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, keadaan tanah dan iklim yang sesuai untuk tanaman tebu tidak didapati di seluruh negara tetapi didapati di beberapa tempat sahaja. Tempat yang didapati sesuai telahpun mempunyai projek ini sekarang. Jika kawasan-kawasan baharu didapati sesuai untuk tanaman tebu, Kerajaan bersedia untuk menggalak penubuhan projek yang disatukan bagi memenuhi permintaan gula tempatan yang semakin bertambah. Walau bagaimanapun memandangkan kepada masaalah-masaalah iklim yang tidak sesuai, keadaan tanah dan beberapa rintangan lain, adalah tidak mungkin kita dapat memenuhi kesemua permintaan dalam negeri melalui sumber-sumber tempatan.

LALULINTAS DI BANDARAYA— KESESAKAN

35. Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar menyatakan samada beliau sedar bahawa salah satu dari sebab-sebab kesesakan lalulintas jalanraya di Ibu Kota ialah dengan adanya bulatan-bulatan menyebabkan deretan kereta yang panjang terutamanya di waktu-waktu tertentu. Jika sedar, adakah beliau bercadang menggantikan bulatan-bulatan ini dengan lampu-lampu isyarat sementara satu cara yang lebih baik direka-

Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Kerajaan memang sedar akan kesesakan Lalulintas di beberapa bulatan dalam kawasan Bandaraya pada waktu-waktu yang sebak dan sedang menjalankan kajian untuk memperbaiki keadaan ini. Untuk menggantikan bulatan-bulatan dengan membina jejambat-jejambat dan memasang lampu-lampu isyarat memang benar akan menjadi salah satu jalan untuk memperbaiki keadaan ini dan akan melicinkan perjalanan lalulintas tetapi perkara ini hendaklah sesuai dengan keadaan jalan keseluruhannya dan sekim memperbaiki keadaan lalulintas supaya tidak menghalakan kesesakan ini dari satu tempat ke tempat yang lain.

Pandangan keseluruhan Pengajian Pengangkutan Kuala Lumpur sedang giat dipertimbangkan sekarang dan langkah-langkah yang segera akan diambil tidak lama lagi.

GAJI PEKERJA WANITA DI KILANG LETRONIK

36. Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan samada beliau sedar bahawa gaji pekerja-pekerja wanita di kilang-kilang letronik dan kilang-kilang lain seperti itu di bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan lain-lain adalah terlalu rendah menyebabkan setengah daripada mereka terjerumus ke dalam pekerjaan yang merosakkan akhlak mereka semata-mata untuk mendapatkan sara hidup yang memadai di bandar. Jika sedar, apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mengatasi keadaan ini.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Datuk Lee San Choon): Adalah tidak benar bahawa gaji-gaji yang dibayar kepada pekerja-pekerja wanita di kilang-kilang letronik dan di lain-lain kilang, adalah terlalu rendah. Mereka adalah dibayar gaji sangat berpatutan. Di dalam perusahaan letronik di Kuala Lumpur, pendapatan mereka adalah dari \$117 hingga \$160 sebulan tidak termasuk bayaran Elaun Bantuan Khas sebanyak \$30 sebulan dan bayaran kerja lebih masa serta lain-lain bayaran galakkan. Tuduhan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah tidak adil.

KADA—LANTIKAN AHLI-AHLI

37. Tuan Haji Zakaria bin Ismail minta Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar menyatakan samada benar bahawa ahli-ahli dan pengerusi jawatankuasa KADA yang baru masih belum lagi dilantik sehingga sekarang, dan jika ya, mengapa dan berapa lamakah jawatan-jawatan ini telah kosong.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Benar, kecuali Timbalan Pengerusi. Kekosongan telah berlaku semenjak akhir tahun lepas. Kelewatan membuat perlantikan ialah kerana rujukan terpaksa dibuat kepada pihak-pihak tertentu.

KOLEJ RENDAH DI KOTA KINABALU

38. Tuan Stephen Robert Evans minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) samada sebuah Kolej akan didirikan di Keningau (Pusat bagi Residensi Pendalaman di Sabah) supaya pelajar-pelajar dari daerah-daerah Beaufort, Kuala Penyu, Sipitang, Tenom, Pensiangan, Tembunan dan Daerah Keningau sendiri akan berpeluang melanjutkan pelajaran mereka di Kolej seperti itu, jika dan apabila ia ditubuhkan oleh Kerajaan; dan
- (b) samada beliau sedar bahawa bilangan Pelajar-pelajar menengah di serata Negeri Sabah telah bertambah dengan banyaknya, dan perlu mustahaknya diadakan lebih banyak lagi sekolah-sekolah menengah, kolej-kolej dan universiti tambahan di Sabah, memandangkan bahawa tidak semua pelajar-pelajar di Sabah terutamanya mereka yang miskin ibubapa boleh mendapat pelajaran di peringkat Universiti. Jika sedar, apakah tindakan yang akan diambil oleh Menteri berkenaan untuk memperbaiki keadaan ini.

Dr Mahathir bin Mohamad:

- (a) Kementerian Pelajaran tidak ada rancangan untuk mendirikan sebuah Kolej Rendah di Keningau tetapi sebuah Kolej Rendah akan didirikan di Kota Kinabalu dan Kolej ini dijangka siap dibina pada penghujung tahun 1976. Apabila dibuka kelak Kolej ini boleh menampung keperluan Tingkatan Enam bukan sahaja bagi daerah

Keningau tetapi juga bagi keperluan Negeri Sabah dalam jangkamasa Rancangan Malaysia Ketiga (1976-1980).

- (b) Saya sedar, Kementerian saya ber-cadang membina 32 buah sekolah-sekolah menengah baru di samping membina bilik-bilik darjah tambahan kepada 12 buah sekolah-sekolah menengah yang sedia ada dalam Rancangan Malaysia Ketiga (1976-1980) untuk menemui pertambahan murid-murid di peringkat menengah bagi Negeri Sabah. Kementerian Pelajaran tidak ada rancangan untuk membina Kolej-Kolej Rendah dan Universiti Tambahan dalam Rancangan Malaysia Ketiga (1976-1970) di Sabah oleh kerana Kolej Rendah yang tersebut di (a) dan Kampus Cawangan Universiti Kebangsaan Malaysia di Kinarut boleh memenuhi keperluan Negeri Sabah.

PELEPASAN CUKAI

39. Tuan Stephen Robert Evan minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) samada beliau sedar pembayar-pembayar cukai dalam Malaysia tidak diberi pelepasan cukai berhubung dengan perbelanjaan perubatan pembayar cukai, isterinya dan anak-anaknya sebagaimana dengan pembayar-pembayar cukai di negara-negara lain misalnya Australia dan New Zealand; dan
- (b) adakah beliau sedar bahawa pembayar-pembayar cukai mestilah cukup sihat dari segi perubatan supaya boleh bekerja lebih lagi, berpendapatan lebih dan berkesanggupan untuk membayar cukai pendapatan mereka setiap tahun dan adakah Menteri berkenaan akan menimbang menguntukkan PELEPASAN CUKAI KHAS kepada semua pembayar-pembayar cukai dalam Malaysia kerana belanja-belanja perubatan.

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Sememangnya saya sedar bahawa pelepasan cukai pendapatan atas belanja perubatan tidak diberi kepada pembayar-pembayar cukai. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat tentu maklum, Kerajaan telah membuat perbelanjaan yang semakin besar dalam menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan perubatan dan kesihatan

awam ke seluruh negara supaya golongan miskin pun boleh mendapat kemudahan-kemudahan ini.

Perbelanjaan atas perkhidmatan-perkhidmatan seperti itu akan terus bertambah dan Kerajaan terpaksa mencari wang yang cukup bagi menyediakan kemudahan-kemudahan ini untuk kebaikan penduduk keseluruhannya. Sekiranya pelepasan cukai pendapatan diberi atas belanja perubatan, asas percukaian (fixed base) akan merosot dan oleh itu Kerajaan tidaklah dapat menimbangkan cadangan ini.

PREFECT SEKOLAH

40. Tuan Ngan Siong Hing minta Menteri Pelajaran menyatakan samada Kementerian beliau akan menggalakkan pembentukan Kesatuan-kesatuan Penuntut-penuntut Sekolah Menengah atau Persatuan Penuntut/Guru di Malaysia bertujuan untuk memperindungi hak penuntut dan memperjuangkannya.

Dr Mahathir bin Mohamad: Tidak. Kementerian Pelajaran berpendapat bahawa Sistem Ketua Murid (Prefect) Sekolah yang ada di sekolah sekarang adalah memuaskan untuk membolehkan murid-murid menyampaikan pandangan mereka kepada pihak berkuasa di sekolah dan untuk melindungi hak murid. Lebih-lebih lagi Persatuan Ibubapa dan Guru-guru Sekolah boleh memainkan peranan yang penting dalam hal ini.

GURU-GURU—TANGGAGAJI NAIK PANGKAT

41. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad minta Menteri Pelajaran menyatakan berhubung dengan sebuah memorandum yang dialamatkan kepada beliau oleh Kesatuan Guru-Guru Lepas Maktab/Pusat Latihan Harian, Cawangan Kelantan, Semenanjung Malaysia mengenai soal tanggagaji dan peluang-peluang kenaikan pangkat semua guru-guru dari semua kategori bertarikh 21hb Mei, 1975, apakah tindakan-tindakan yang beliau akan ambil mengenai perkara ini.

Dr Mahathir bin Mohamad: Memorandum tersebut telah diterima dan sedang dikaji oleh Kementerian Pelajaran. Walau bagaimanapun, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkara tanggagaji dan peluang-peluang kenaikan pangkat bagi guru-guru dalam semua kategori adalah sentiasa dalam perhatian Kementerian.

RUMAH-RUMAH AWAM

42. Tuan Oh Keng Seng minta Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru menya-takan:

- (i) jumlah rumah-rumah yang dibina oleh Kerajaan dari 1-1-1975 hingga 30-6-75 di tiap-tiap negeri;
- (ii) jumlah rumah-rumah kayu seperti (i); dan
- (iii) samada Menteri tersebut puashati dengan kejayaan yang telah dicapai dalam tempoh ini.

Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru (Tuan Michael Chen Wing Sum):

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah rumah-rumah awam yang telah siap dibina oleh Kerajaan di bawah rancangan perumahan awam dari 1-1-1975 hingga 30-6-1975 adalah sebanyak 2,850 yunit dan butir-butirnya adalah seperti berikut:

<i>Negeri</i>			<i>Daerah</i>			<i>Bilangan Yunit</i>
Perlis	...	...	—	—	—	—
Pulau Pinang	...	...	—	—	—	—
Negri Sembilan	...	...	—	—	—	—
Kedah	...	...	Kuala Nerang	...	...	32 (rumah kayu)
			Bandar Bahru	...	...	35 (" ")
			Yan	...	...	34 (" ")
Perak	...	...	Batu Kurau	...	...	32 (rumah teres)
			Slim River	...	...	50 (" ")
			Sungei Siput Utara	...	...	60 (" ")
Selangor	...	...	Banting	...	...	153 (" ")
			Jenjarom	...	...	78 (" ")
			Sungei Chuak	...	...	53 (" ")
			Kpg. Idaman Pandamaran	...	...	101 (" ")
Melaka	...	...	Alor Gajah	...	...	32 (" ")
			Merlimau	...	...	50 (" ")
Pahang	...	...	Paya Besar	...	...	138 (" ")
						(siap 80%)
Pahang	...	...	Peramu, Pekan	...	...	96 (" ")
			Bandar Pusat Jengka	...	...	100 (" ")
Projek-projek penempatan semula mangsa-mangsa banjir			{			
			Bt. Seding			35 (" ")
			Batu 9, Jalan Keretapi Lipis			34 (" ")
			Batu 55, Jln. Maran			131 (" ")
Trengganu	...	...	Batu 8, Jalan Besua, Kuala Trengganu			30 (rumah teres)
Kelantan	...	...	Jalan Bayam, Kota Bharu	...	...	168 (rumah pangsa)
Johor	...	...	Tebrau	...	...	424 (rumah kayu)
Wilayah Persekutuan	...	...	Jalan Bangsar III	...	...	804 (rumah pangsa)
Sabah	...	...	—	—	—	—
Sarawak	...	...	Piasau, Miri	...	...	180 (rumah kayu)
			Jumlah	...	2,850	

- (ii) Jumlah rumah-rumah kayu yang telah disiapkan pula ialah sebanyak 1,239 yunit, seperti mana yang ternyata di atas.
- (iii) Saya sukacita kerana negeri-negeri yang berkenaan telahpun mulai menyambut seruan untuk mempergiatkan lagi pembinaan projek-projek permumahan awamnya. Walau bagaimanapun saya masih memerlukan agar mereka akan melipat gandakan lagi usaha mereka itu supaya matlamat Rancangan Malaysia Kedua akan tercapai.

TEKSI MALAYSIA MULTI-PURPOSE CO-OPERATIVE SOCIETY

43. Tuan Oh Keng Seng minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan apakah penyiataan yang telah dibuat berhubung dengan bantahan beliau terhadap Malaysia Multi-Purpose Co-operative Society yang nampaknya tidak pun menjalankan perusahaan teksis atau memiliki sebarang teksis walaupun Kementerian telah meluluskan 50 lesen teksis kepada syarikat ini.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Penyiataan awal yang mana telah dijalankan oleh Pegawai-pegawai dari Jabatan Pengangkutan Jalan tidak menunjukkan setakat ini bukti-bukti tentang kesalahan-kesalahan yang serious telah dilakukan oleh 52 buah teksis yang dikeluarkan kepada syarikat tersebut. Sekiranya penyiataan-penyiataan lanjut yang mana kini sedang dijalankan menunjukkan bukti-bukti yang syarikat itu telah melakukan kesalahan-kesalahan yang serious, maka syarikat itu akan diminta untuk memberi penjelasan mengenai kesalahan-kesalahan yang dilakukan itu dan jika sekiranya didapati bersabit kesalahannya maka tindakan membatalkan lesen-lesen mereka akan diambil oleh pihak Lembaga Pelesenan.

DASAR PELAJARAN— PERLAKSANAAN

44. Dr Chen Man Hin minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau akan menjalankan pemungutan suara untuk menentukan bahawa dasar-dasar pelajaran sekarang mencerminkan aspirasi-aspirasi kebudayaan rakyat dan keperluan tenaga rakyat negara.

Dr Mahathir bin Mohamad: Seperti yang telah diumumkan, Kerajaan telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Menteri-menteri Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran. Untuk membolehkan Jawatankuasa itu mengkaji dengan lebih mendalam Pelaksanaan Dasar Pelajaran, tiap-tiap orang perseorangan dan pertubuhan-pertubuhan telah di-

beri peluang untuk mengemukakan pandangan-pandangan dan syor-syor mereka untuk perbincangan Jawatankuasa itu.

Negara ini tidak mengamalkan cara pemungutan suara kerana pemilihan wakil-wakil rakyat memberi hak kepada Kerajaan yang dibentuk daripada wakil-wakil yang dipilih untuk menentukan polisi-polisi negara. Rakyat berhak menyingkir Kerajaan yang mengamalkan polisi yang tidak diterima oleh mereka di dalam pilihan-pilihan raya.

VIETNAM SELATAN—SENJATA PENINGGALAN PEPERANGAN

45. Dr Chen Man Hin minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada beliau sedar tentang kemungkinan bahawa sebilangan senjata-senjata yang banyak yang ditinggalkan di Vietnam Selatan mungkin akan jatuh ke tangan gurila-gurila yang sedang menjalankan kegiatan-kegiatan mereka di Sempadan Malaysia/Thai.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Kerajaan memang sedia sedar bukan sahaja akan kemungkinan saki-baki senjata-senjata peninggalan dari peperangan di Vietnam Selatan jatuh ke tangan pengganas Parti Komunis Malaya tetapi juga maklum bahawa sebelum jatuhnya Pemerintah Vietnam Selatan memang sudah ada diseludup senjata-senjata kepada pengganas-pengganas oleh orang-orang yang mengambil kesempatan untuk meniagalaba, tetapi jumlahnya tidaklah membimbangkan. Untuk membentaras kegiatan ini Kerajaan telah mengambil langkah berunding dengan Kerajaan Thailand mencari titik kerjasama erat mengatasi masalah ini. Mereka juga sedia sedar akan implikasinya jika penyeludupan terus berleluasan. Di samping itu semua agensi Kerajaan telah diarah supaya berwaspada akan kegiatan-kegiatan ini. Di sini sukalah saya menggesa Yang Berhormat sekalian sebagai Wakil Rakyat di tempat masing-masing untuk bersama menyeru rakyat bekerjasama dengan agensi-agensi

Kerajaan bagi menjaga keselamatan negara yang tercinta kerana keselamatan adalah kunci kepada Kerajaan dan juga rakyat melaksanakan rancangan pembangunan negara.

SEKOLAH MENENGAH SWASTA

46. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Menteri Pelajaran menyatakan berapa-kah bilangan sekolah-sekolah menengah swasta yang menggunakan Bahasa-bahasa Melayu, Inggeris, China dan lain-lain sebagai bahasa pengantar tiap-tiap satu hingga 31-1-1975.

Dr Mahathir bin Mohamad: Bilangan Sekolah-sekolah Menengah Swasta di Semenanjung Malaysia pada 31-1-1975 ialah 160 buah.

Bahasa pengantar sekolah-sekolah tersebut adalah seperti berikut:

Bahasa Malaysia	...	...	28
Bahasa Inggeris	...	...	93
Bahasa China	...	...	39

JUMLAH	...	...	160
--------	-----	-----	-----

PERAJURIT MENINGGAL DUNIA— SAGUHATI

47. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat minta Menteri Pertahanan menyatakan samada penambahan bayaran saguhati untuk perajurit-perajurit yang meninggal dunia itu akan disusuli dengan kenaikan elaun bulanan mereka; atau sekurang-kurangnya kenaikan elaun yang dibayar semasa mereka bertugas dalam sesuatu operasi.

Tun Haji Abdul Razak: Penambahan bayaran saguhati untuk keluarga perajurit-perajurit yang meninggal dunia semasa menjalankan tugas operasi tidak berkaitan dengan elaun. Elaun adalah suatu perkara yang telah dimasukkan dalam Lapuran Suruhanjaya Tan Sri Ibrahim Ali yang masih lagi dalam pertimbangan.

PEMBAJAK MOTOR (MOTOR CULTIVATORS)

48. Datuk Peter Lim Pui Ho minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) samada beliau sedar bahawa pembajak-pembajak motor yang kurang daripada lima kekuatan kuda apabila diimpot ke

Sabah telah dikenakan duti cukai sebanyak 35% + 4% + 5% tetapi mesin pemotong rumput yang tidak menyumbang kepada pengeluaran makanan pula tidak dikenakan cukai impot; dan

- (b) samada Kerajaan akan menimbang pengecualian duti impot atas pembajak-pembajak motor yang didapati amat sesuai dan dimampui oleh pemunya-pemunya estet atau pekebun-pekebun.

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Saya suka hendak menerangkan bahawa duti impot sebanyak 35% ke atas pembajak-pembajak motor yang dikenakan dalam tahun 1970 ialah bertujuan melindungi perusahaan tempatan kita oleh kerana pada masa ini beberapa syarikat ada membuat pembajak-pembajak ini. Perlindungan tarif tidak pula diberi ke atas mesin pemotong rumput oleh kerana keperluan itu masih belum timbul. Walau bagaimanapun mesin pemotong rumput dikenakan juga 4% cukai tambahan dan 5% cukai jualan.

Oleh kerana pembajak-pembajak sekarang boleh didapati di negeri ini, saya cadangkan pembajak-pembajak ini dibeli sahaja di sini dan tidak diimpot. Dengan itu soal mengecualikan cukai impot tidak akan timbul.

PENCEN BAGI PESARA-PESARA

49. Datuk Albert Mah minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) bilangan pesara-pesara Kerajaan yang belum pernah dibayar pemulehan suku pencen dan elaun sementara semenjak kelulusan yang diberi di dalam bulan Oktober, 1973;
- (b) adakah Perdana Menteri sedar bahawa pesara-pesara mengalami kesusahan untuk mendapat pembayaran pencen mereka tepat pada masanya;
- (c) apakah langkah-langkah positif sedang diambil untuk membetulkan perkara ini.

Perdana Menteri:

- (a) Kebanyakan pesara-pesara yang layak menerima pencen penuh telahpun dibayar kepada mereka. Hanya sebilangan kecil sahaja yang belum dibayar pemulehan pencen mereka dan Jabatan Perkhidmatan Awam berharap akan dapat menyelesaikan pembayaran kepada mereka seberapa cepat yang boleh.

Sungguhpun begitu mereka sekarang adalah terus menerima pencen asal mereka serta Elaun Bantuan Khas jua dibayar kepada yang layak.

(b) kebanyakan pesara-pesara telah dapat menerima pembayaran pencen mereka dalam masa yang singkat. Jika kelewatan yang berpanjangan berlaku atas sesuatu kes tertentu, ini adalah disebabkan oleh salah satu masaalah yang dihadapi oleh Jabatan Perkhidmatan Awam mengenai kes pesara yang berkenaan. Saya telahpun menerangkan dengan panjang lebar sebab-sebab kelewatan ini apabila menjawab soalan daripada Ahli Yang Berhormat daripada kawasan Silam dalam Dewan ini pada 31hb Mac, 1975.

(c) dengan tujuan mempercepatkan lagi proses pembayaran pencen Jabatan Perkhidmatan Awam telah mengambil tindakan-tindakan seperti berikut:

- (1) Jabatan Perkhidmatan Awam telah mengambilalih tugas membuat perkiraan pencen bagi persaraan pegawai-pegawai Persekutuan.
- (2) Kerajaan-kerajaan Negeri telah diminta untuk memulakan proses menyediakan kertas-kertas pencen mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 1974.
- (3) Jabatan Perkhidmatan Awam sentiasa mengkaji sistem dan cara pentadbiran pencen guna untuk mempercepatkan lagi proses pembayaran.
- (4) Proses menyediakan dan mengeluarkan waran pos dan waran cek sekarang ini telah dijalankan dengan menggunakan komputer.
- (5) Suatu Yunit Pengakaunan Sendiri sedang dibentuk di Bahagian Pembayaran, Bahagian Pencen, Jabatan Perkhidmatan Awam.

PINJAMAN BUMIPUTRA YANG TIDAK BERBAYAR

50. Tuan Shaari bin Jusoh minta Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam menyatakan:

(a) sejak dari bila pinjaman sebanyak \$14 juta yang telah tidak dibayar balik itu telah dikeluarkan sebagai yang telah diumumkan oleh MARA baru-baru ini;

(b) adakah pinjaman-pinjaman untuk bumiputra ini akan direntikan mulai dari sekarang; dan

(c) jika pinjaman ini hendak diteruskan mengapa ada setengah-setengah pinjaman yang telah diluluskan belum lagi diberikan kepada peminjam-peminjamnya sebab setengah-setengah Pejabat MARA Negeri sudah tidak ada peruntukan lagi untuk tujuan ini.

Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam (Datuk Hussein bin Datuk Onn):

(a) Pinjaman sebanyak \$14 juta yang telah tidak dibayar balik itu adalah sebagai tunggakan yang terkumpul semenjak rancangan pinjaman ini berjalan iaitu semenjak RIDA ditubuhkan dahulu.

(b) Tidak. Pinjaman masih dikeluarkan dan dari 1hb Januari, 1975 sehingga 31hb Mei '75 sebanyak \$9,674,419 telah dipinjamkan kepada 2075 peminjam-peminjam.

(c) pengeluaran pinjaman setengah-setengahnya terlewat kerana kekurangan peruntukan wang pusingan pinjaman MARA yang mana bergantung kepada pembayaran balik. Walau bagaimanapun, pihak MARA adalah sedang berusaha membuat bayaran-bayaran terhadap pinjaman-pinjaman yang telah diluluskan itu supaya tidak menimbulkan apa-apa kesulitan kepada peniaga-peniaga dan pengusaha-pengusaha bumiputra.

PERATURAN PERTAHANAN LIMA NEGARA

51. Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin minta Menteri Luar Negeri menyatakan samada benar Perjanjian Pertahanan Lima Negara yang mengandungi Britain, Australia, New Zealand, Malaysia dan Singapura akan dimansuhkan, jika ya, nyatakan samada Malaysia bercadang mengadakan suatu perjanjian pertahanan yang lebih besar mengandungi negara-negara ASEAN.

Menteri Luar Negeri (Tun Haji Abdul Razak): Adalah pendirian Kerajaan, bahawa Peraturan Pertahanan Lima Negara akan dimansuhkan apabila sahaja Kawasan Aman, Bebas dan berkecuali di Asia

Tenggara dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya. Pada masa itu Peraturan Per-tahanan Lima Negara tidaklah lagi diper-lukan.

Berhubung dengan suatu perjanjian per-tahanan yang lebih luas di antara negara-negara ASEAN, cadangan seperti itu tidak pernah dikemukakan.

PAKAR-PAKAR ASING DI MALAYSIA

52. Tuan Luhut Wan minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) bilangan pakar-pakar asing yang sedang berkhidmat di Malaysia se-karang;
- (b) nama-nama negara asal mereka; dan
- (c) samada gaji mereka dibayar oleh Kera-jaan Malaysia ataupun oleh Kerajaan-kerajaan mereka masing-masing.

Perdana Menteri:

- (a) Bilangan pakar-pakar asing yang sedang berkhidmat di Malaysia di bawah Rancangan Bantuan Teknik ialah 245 orang. Dari jumlah ini 126 dibiayai di bawah Rancangan Pem-bangunan Bangsa-bangsa Bersatu, sementara yang lainnya di bawah kerja-sama dua-hala di antara Kerajaan Malaysia dengan Negara-negara ber-kenaan.
- (b) Negara-negara asal mereka adalah seperti berikut:

<i>Negara Asal</i>	<i>Jumlah</i>
Australia	42
United Kingdom	40
Belgium	2
Canada	14
Germany	20
India	9
Japan	14
New Zealand	29
Poland	3
Ireland	3
Finland	2
Sweden	10
Egypt	4
U.S.A.	18
Norway	2
Algeria	1

<i>Negara Asal</i>	<i>Jumlah</i>
Italy	1
Sri Lanka	4
Pakistan	2
Thailand	2
Bangladesh	3
Korea	3
Philippines	2
Netherland	5
Austria	1
Denmark	2
Iceland	2
Czekoslavakia	1
Taiwan	2
Yugoslavia	1
Switzerland	1
Jumlah ...	245

- (c) Gaji mereka dibayar dengan penuh oleh Negara-negara dan Ajensi-ajensi Antarabangsa yang menghantar mereka ke Malaysia. Kerajaan Malay-sia pula membayar kos-kos tempat yang berkaitan dengan tugas-tugas mereka termasuk penyediaan ruangan pejabat, perumahan dan kemudahan perubatan.

PENCEN BAGI PESARA-PESARA

53. Dr Tan Chee Khoo minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau sedar bahawa:

- (a) pesara-pesara masih belum mendapat pencen yang mencukupi;
- (b) 10,000 pesara yang bersara selepas perlaksanaan Lapuran Suffian tidak mendapat elaun tambahan dan mereka juga tidak mendapat sebulan bonus pada tahun lepas.

Jika sedar, nyatakan samada Kerajaan ada suatu rancangan untuk meringankan ke-sulitan pesara-pesara di tanahair kita.

Perdana Menteri:

- (a) Kerajaan sedar akan keadaan ekonomi pesara-pesara, maka itulah diluluskan pembayaran seperti berikut:
 - (i) Elaun tambahan telah dibayar mulai 1-1-73 kepada mereka

yang disarankan, sebelum Sekim Gaji Suruhanjaya Suffian dilaksanakan.

- (ii) Elaun Bantuan Khas mulai 1-10-73 untuk menampung pendapatan pesara-pesara yang menerima pencen kurang daripada \$500.
- (iii) Pemulihan pencen penuh mulai 1-1-73 kepada semua pesara Kerajaan. Pembayaran ini adalah semata-mata bertujuan untuk menampung pendapatan pesara-pesara.
- (b) Semua pesara-pesara selepas pelaksanaan Lapuran Suffian tidak layak menerima elaun tambahan (dahulunya C.O.L.A.) tetapi mereka yang menerima pencen kurang daripada \$500 adalah layak menerima Elaun Bantuan Khas. Pesara-pesara tidak diberi bayaran bonus kerana pembayaran bonus hanyalah dibuat bagi perkhidmatan semasa (current service). Oleh kerana pencen pesara-pesara adalah merupakan penghargaan bagi perkhidmatan yang lampau maka pesara-pesara tak harus diberi bonus mengikut dasar yang sama.

MARA—PINJAMAN KEPADA BUMIPUTRA

54. Tuan Abu Bakar bin Arshad meminta Menteri Penyelaras Perbadanan Awam menyatakan samada beliau sedar tentang lambatnya MARA memberikan pinjaman kepada kaum Bumiputra yang telah membuat permohonan bagi pinjaman tersebut untuk menceburkan diri dalam perniagaan, walaupun kelulusan pinjaman tersebut telah lama diberitahu oleh MARA.

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Kelambatan membayar pinjaman-pinjaman yang telah diluluskan oleh MARA ialah kerana MARA menghadapi sedikit kesulitan mendapatkan balik wang-wang pinjaman yang telahpun diberi kepada peminjam-peminjam. Bagaimanapun kedudukan ini telahpun bertambah baik dengan usaha-usaha yang sedang dijalankan oleh pihak MARA bagi mendapatkan balik wang-wang pinjaman itu. Ini bermakna wang pusingan pinjaman akan bertambah dan dengan itu dapatlah pihak MARA membuat bayaran-bayaran terhadap

pinjaman-pinjaman yang telah diluluskan itu supaya tidak menimbulkan apa-apa kesulitan kepada peniaga-peniaga dan pengusaha-pengusaha Bumiputra.

PETRONAS—MENCARIGALI MINYAK

55. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Perdana Menteri menyatakan apakah sebabnya penyelesaian tidak dapat dicapai di antara PETRONAS dengan Syarikat yang mencarigali minyak di lautan Malaysia, dan apakah rancangan selanjutnya.

Perdana Menteri: PETRONAS telahpun memberi kebenaran kepada tujuh syarikat minyak untuk menjalankan usaha mencari-gali di lautan Malaysia, tetapi kebenaran itu adalah kebenaran sementara sebelum perjanjian yang tetap dapat ditandatangani di antara PETRONAS dengan syarikat-syarikat minyak itu. Kebenaran juga diberi kepada dua syarikat minyak untuk mengeluarkan minyak di lautan Malaysia. Pada masa ini PETRONAS sedang giat menyediakan draf perjanjian yang bukan sahaja meliputi mencarigali tetapi adalah juga meliputi pengeluaran minyak oleh syarikat-syarikat yang berkenaan. Oleh sebab perjanjian itu mengandungi beberapa aspek yang rumit dan pihak PETRONAS terpaksa mengkaji beberapa faktor seperti perbelanjaan mencarigali, perbelanjaan pengeluaran (cost of production), peratusan perkongsian (percentage of sharing), implikasi cukai dan sebagainya, maka rundingan-rundingan dengan syarikat-syarikat minyak tidaklah dapat diselesaikan lagi. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kesemua syarikat-syarikat minyak telah bersetuju pada dasarnya dalam usaha mencari-gali dan mengeluarkan minyak di negara ini dengan cara yang baharu iaitu cara berkongsian (production sharing) dan bukanlah cara "concession" sebagaimana yang telah dijalankan pada masa-masa yang lepas. Apa yang belum dipersetujui ialah peratusan perkongsian (percentage of sharing).

KEMBOJA/VIETNAM SELATAN—PENGIKTIRAFAN DIPLOMATIK

56. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Luar Negeri menyatakan langkah-langkah yang Kerajaan Malaysia telah ambil untuk mengadakan perhubungan dengan Kerajaan-kerajaan baru Kemboja dan Vietnam Selatan, dan apa persetujuan atau persefahaman Kerajaan

Malaysia telah capai dengan negara-negara ASEAN yang lain tentang mengadakan perhubungan baik antara Kerajaan-kerajaan komunis Indo-China dengan Kerajaan negara-negara ASEAN.

Tun Haji Abdul Razak: Seperti yang diketahui oleh Ahli Yang Berhormat, Malaysia telahpun memberikan pengiktirafan diplomatiknya kepada Kerajaan Kesatuan Kebangsaan Di Raja Cambodia (GRUNK) pada 18hb April, 1975 dan kepada Kerajaan Sementara Republik Vietnam Selatan pada 2hb Mei, 1975. Pengiktirafan-pengiktirafan ini telah dibuat satu atau dua hari selepas kerajaan-kerajaan yang baru itu berkuasa. Ini dibuat melalui kenyataan umum di Kuala Lumpur dan juga melalui taligram yang telah dihantarkan kepada Menteri-menteri Luar negara-negara itu. Di dalam kenyataan-kenyataan pengiktirafan ini kita telah menyatakan hasrat untuk mengadakan hubungan bersahabat dan kerjasama yang erat dengan negara-negara itu.

Semenjak itu kita belum lagi menerima apa-apa pernyataan sikap daripada Kerajaan Cambodia. Bagaimanapun pegawai-pegawai kita telah pun mengadakan pertemuan-pertemuan dengan wakil daripada Kerajaan Vietnam Selatan baik di Kuala Lumpur mau pun di tempat lain. Perjumpaan-perjumpaan itu akan diteruskan dengan tujuan mencapai kata sepakat untuk mengadakan hubungan diplomatik dengan negara itu dalam masa yang singkat. Negara-negara ASEAN pula termasuk Malaysia telah menyatakan persetujuan untuk menghulurkan tangan persahabatan kepada negara-negara komunis di Indo-China. Mereka berpendapat bahawa perbezaan-perbezaan sistem sosial dan politik di antara negara-negara Indo-China dengan negara-negara ASEAN tidaklah harusnya menjadi halangan kepada usaha menjalin hubungan persahabatan di antara mereka. Oleh yang demikian mereka menyuarakan kesediaan mereka untuk mengadakan hubungan persahabatan dan kerjasama yang saling menguntungkan dengan Kerajaan-kerajaan di Cambodia dan Vietnam Selatan berdasarkan perinsip-perinsip damai dan hidup bersama serta tidak mencampuri hal ehwal dalam negara masing-masing. Negara-negara ASEAN telah juga menyatakan kesediaan mereka untuk membantu di dalam usaha membangun semula ekonomi negara-negara di Indo-China jika ini diperlukan.

Berkenaan dengan penjalinan hubungan rasmi, negara-negara ASEAN berpendapat bahawa hal ini adalah terserah kepada kebijaksanaan kerajaan masing-masing.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PROFESYEN UNDANG-UNDANG

Rang Undang-Undang bernama Suatu Akta bagi meminda dan menyatukan undang-undang berhubung dengan Profesyen Undang-undang dalam Semenanjung Malaysia; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Perhubungan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan yang akan datang.

RANG UNDANG-UNDANG KANUN ACARA JENAYAH (PINDAAN DAN PERLUASAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Kanun Acara Jenayah (N.M.B. Bab 6) dan bagi memperluaskan Kanun itu sebagaimana dipinda ke negeri Melaka, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Perhubungan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan yang akan datang.

RANG UNDANG-UNDANG KANUN KESEKSAAN (PINDAAN DAN PERLUASAN)

Rang Undang-Undang bernama Suatu Akta bagi meminda Kanun Keseksaan (N.M.B. Bab 45) dan bagi memperluaskan Kanun itu sebagaimana dipinda ke seluruh Malaysia; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Perhubungan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan yang akan datang.

RANG UNDANG-UNDANG KANUN TANAH NEGARA (PINDAAN) (No. 2)

Rang Undang-Undang bernama Suatu Akta bagi meminda Seksyen 43 Kanun Tanah Negara, 1965 dan bagi maksud-maksud yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-Tugas Khas; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan yang akan datang.

RANG UNDANG-UNDANG KANUN TANAH NEGARA (PINDAAN)

Rang Undang-Undang bernama Suatu Akta bagi meminda Kanun Tanah Negara, 1965; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-Tugas Khas; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1973, 1974 dan 1975)

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN TAMBAHAN (1973, 1974 dan 1975)

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis (8hb Julai, 1975).

Majlis Mesyuarat menjadi Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa)

Perbahasan disambung semula.

Jadual Pertama, Jadual Kedua dan Jadual Ketiga

Kepala B. 1, B. 4, B. 6, B. 7, B. 8, B. 9, B. 11 dan B. 66 (Jadual Kedua)

Kepala B. 5 dan B. 8 (Jadual Ketiga)

Kepala P. 9 (Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil 4), 1973)—

3.40 ptg.

Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri (Datuk Sri Haji Kamaruddin bin Haji Mat Isa): Tuan Pengerusi, saya mohon izin bagi pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengusulkan supaya Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Ketiga Tahun 1974 di bawah Kepala B. 1, B. 4, B. 6, B. 7, B. 8, B. 9, B. 11 dan B. 66 dan Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Pertama Tahun 1975 di bawah Kepala B. 5, B. 7 serta Anggaran Pembangunan Tambahan Keempat Tahun 1973 di bawah Kepala P. 9

diluluskan menjadi sebahagian daripada Jadual Peruntukan-peruntukan. Tambahan di bawah Kepala-kepala yang disebutkan adalah seperti berikut:

A. Mengurus Tambahan Ketiga Tahun 1974

Kepala B. 1—Parlimen

Tambahan sebanyak \$121,300 adalah dikehendaki di bawah "Perkhidmatan dan Bekalan" oleh kerana peruntukan yang disediakan sebanyak \$174,100 adalah didapati tidak mencukupi bagi membiayai perbelanjaan-perbelanjaan Tahun 1974. Ini termasuklah perbelanjaan yang diperlukan untuk membayar sewa tambahan mengikut kehendak Jadual ke 15 Akta Saraan Ahli Parlimen, perbelanjaan ke atas lawatan rasmi Perwakilan Parlimen Indonesia, rombongan USSR dan perbelanjaan ke atas pembukaan persidangan Parlimen 1974.

Kepala B. 4—Suruhanjaya Pilihanraya

Tambahan sebanyak \$3,460,095 adalah dikehendaki. Sebanyak \$12,500 adalah dikehendaki bagi membayar Elaun Bantuan Khas kakitangan oleh kerana peruntukan yang disediakan sebanyak \$907,130 telah didapati tidak mencukupi bagi membiayai perbelanjaan tersebut. Perbelanjaan bersangkutan dengan kajian semula kawasan pilihanraya, membayar gaji Kerani Sementara dan membeli perabot pejabat bagi kegunaan Pilihanraya Umum dalam tahun 1974 adalah memerlukan sebanyak \$238,595 dan sebanyak \$3,100,000 adalah dikehendaki bagi membiayai perbelanjaan berkaitan dengan Pilihanraya Umum 1974 yang telah diadakan pada 24hb Ogos, 1974 lalu.

Kepala B. 6—Suruhanjaya Perkhidmatan Keretapi

Tambahan sebanyak \$1,993 adalah dikehendaki bagi membayar bonus kepada kakitangan Suruhanjaya mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bil. 29/1974.

Kepala B. 7—Perdana Menteri

Tambahan sebanyak \$3,124,102 adalah dikehendaki untuk menambah peruntukan yang tidak mencukupi. Sebanyak \$2,379,550 adalah dikehendaki bagi menambah Belanja Mengurus oleh

kerana peruntukan yang disediakan sebanyak \$25,585,938 adalah didapati tidak mencukupi. Perbelanjaan ini termasuklah mencetak semula tafsir Al-Quran, lawatan-lawatan rasmi dan membeli alat-alat perabut. Sebanyak \$744,552 pula adalah dikehendaki bagi membiayai Belanja Mengurus Lembaga Urusan dan Tabung Haji.

Kepala B. 8—Jabatan Perkhidmatan Awam

Tambahan sebanyak \$62,500 adalah dikehendaki bagi membeli sebuah bas dan dua buah van untuk kegunaan INTAN (Institusi Tadbiran Awam Negara).

Kepala B. 9—Jabatan Kehakiman

Tambahan sebanyak \$1,423,636 adalah dikehendaki. Sebanyak \$1,319,873 adalah dikehendaki bagi menambah belanja mengurus Jabatan ini kerana peruntukan yang disediakan sebanyak \$7,768,000 adalah tidak mencukupi. Daripada jumlah \$1,319,873 itu sebanyak \$1,159,874 adalah dikehendaki untuk membiayai pembayaran bonus dan Elaun Bantuan Khas kakitangan, membayar elaun tempatan bagi kakitangan Jabatan tersebut yang berkhidmat di Sabah dan Sarawak. Di samping itu peruntukan ini juga termasuklah bayaran untuk membeli 6 buah kereta bagi kegunaan Ketua Hakim Negara, Hakim Persekutuan dan Hakim-hakim Mahkamah Tinggi. Perbelanjaan ini tidak dapat diramalkan semasa anggaran belanjawan tahunan dilakukan.

Kepala B. 11—Pejabat Setiausaha Persekutuan Sabah

Tambahan sebanyak \$159,890 adalah dikehendaki bagi menambah belanja mengurus Pejabat Setiausaha Persekutuan Sabah oleh kerana peruntukan yang disediakan sebanyak \$357,275 adalah didapati tidak mencukupi bagi membiayai perbelanjaan dalam tahun 1974. Ini termasuklah pembayaran tunggakan api dan air yang tidak dapat dijelaskan dalam tahun 1973, dan bayaran-bayaran elaun memangku yang tidak dapat diramalkan.

Kepala B. 66—Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran

Tambahan sebanyak \$8,257 adalah dikehendaki bagi membeli sebuah kereta pejabat oleh kerana peruntukan yang disediakan sebanyak \$21,500 telah didapati tidak mencukupi bagi membiayai perbelanjaan dalam tahun 1974.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

B. Mengurus Tambahan Pertama Tahun 1975

Kepala B. 5—Suruhanjaya Perkhidmatan Awam

Tambahan sebanyak \$177,990 adalah dikehendaki untuk menambah Belanja Mengurus Cawangan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam di Sabah yang baru ditubuhkan bagi tahun 1975. Ini termasuklah pembayaran gaji, elaun dan bonus, alat-alat perabut pejabat, alat tulis dan sebagainya bagi 2 orang pegawai dan 6 kakitangan di Suruhanjaya tersebut.

Kepala B. 8—Perdana Menteri

Keseluruhannya tambahan sebanyak \$3,007,926 adalah dikehendaki.

Tambahan sebanyak \$1,398,078 adalah dikehendaki bagi menambah Belanja Mengurus Bahagian Penyelarasan, Pelaksanaan dan Kemajuan Pentadbiran. Dengan tertubuhnya Kementerian Penyelarasan Perbadanan Awam, maka sebahagian besar peruntukan yang telah diluluskan semasa Anggaran Belanjawan 1975 dilakukan telah dikurangkan untuk Bahagian ini. Tetapi setelah dikaji semula maka peruntukan sebanyak \$1,398,078 ini adalah diperlukan. Daripada jumlah \$1,398,078 ini sebanyak \$42,714 merupakan perbelanjaan Kerajaan berkaitan dengan Rancangan Buku Hijau.

Peruntukan sebanyak \$376,872 adalah dikehendaki untuk melaksanakan Rancangan Perhubungan Masyarakat. Kerajaan telah bersetuju untuk melancarkan Rancangan Perhubungan Masyarakat bagi menyatu-padukan masyarakat bandar yang berbilang kaum dan keturunan dan perhubungan Kerajaan dengan rakyat berdasarkan saling hormat-menghormati, kepercayaan dan keyakinan.

Peruntukan sebanyak \$742,796 adalah dikehendaki bagi membiayai Belanja Mengurus Suruhanjaya Gaji Di Raja. Kerajaan telah bersetuju menubuhkan sebuah Suruhanjaya Gaji Di Raja dalam bulan Oktober, 1974 bagi mengkaji dan menyelaraskan semua perakuan-perakuan yang dibuat oleh Suruhanjaya Gaji Suffian, Suruhanjaya Gaji Aziz, Suruhanjaya Gaji Harun, Jawatankuasa Sheikh Abdullah dan Jawatankuasa Tun Abdul Aziz.

Tambahan sebanyak \$240,000 adalah dikehendaki bagi membeli 3 buah kereta "armour-plated" jenis Daimler untuk kegunaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Tetamu-tetamu Negara.

Tambahan sebanyak \$250,000 adalah dikehendaki di bawah Pecahan-kepala 4100—pemberian subsidi dan carum-carum oleh kerana peruntukan yang disediakan sebanyak \$380,000 adalah didapati tidak mencukupi bagi membiayai perbelanjaan dalam tahun 1975.

C. Pembangunan—Tambahan Keempat Tahun 1973

Kepala P. 9—Jabatan Kehakiman

Tambahan sebanyak \$11,000 adalah dikehendaki bagi menyiapkan Bangunan Mahkamah baru. Dalam tahun 1973 kelulusan telah diberi terhadap pembinaan sebuah Mahkamah Rendah baru di Ipoh, berharga \$596,000 untuk menggantikan mahkamah yang ada.

Tuan Pengerusi, saya usulkan supaya semua peruntukan tambahan yang disebutkan tadi diluluskan.

Tuan Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B. 1, B. 4, B. 6, B. 66, B. 7, B. 8, B. 9 dan B. 11 bagi tahun 1974 di bawah Jabatan Perdana Menteri dan Kepala B. 5 dan B. 8 bagi tahun 1975 di bawah Jabatan Perdana Menteri juga sekarang terbuka untuk perbincangan.

3.53 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk membahaskan Kepala B. 1 mengenai Parlimen, B. 4, Suruhanjaya Pilihanraya, B. 6, Suruhanjaya Perkhidmatan Keretapi dan saya minta izin bercakap campur bahasa Inggeris.

Tuan Pengerusi: Ya, kalau campur, boleh.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Pengerusi, di dalam mesyuarat Parlimen yang diadakan pada bulan November tahun 1974 Dewan ini diberitahu bahawa Kerajaan akan menubuhkan satu jawatankuasa yang dinamakan Parliamentary Service Advisory Committee untuk menyemak semula skim gaji untuk kakitangan Parlimen. Memandangkan hal ini,

saya ingin dapat tahu daripada Menteri berkenaan apa kemajuan yang telah dicapai setakat ini, bila pemeriksaan semula ini dapat siap dan bila laporan boleh dibentangkan ke dalam Dewan ini? Saya ingin menyeru Kerajaan supaya mengambil perhatian dalam perkara ini dan juga mengambil langkah untuk mengadakan satu skim gaji yang lebih menarik hati untuk semua kakitangan Parlimen memandangkan hakikat bahawa Parlimen merupakan apa yang disifatkan sebagai closed service.

Tuan Pengerusi, dengan dukacitanya saya terpaksa menyatakan bahawa keadaan keselamatan di dalam kawasan Parlimen tidak memuaskan.

(Dengan izin) Tuan Pengerusi, the problem of security maintenance in the compound of Parliament leaves much to be desired. The compound of this august House is supposed to be a security area but of late it would appear that things have been so much relaxed that it has given rise to thefts. Only four months ago a car belonging to a member of the Parliamentary staff was stolen and last week another attempt was made to steal a car from the same compound. This is a highly deplorable state of affairs and I call on the Minister concerned to tighten security measures within the compound of the Parliament Building.

Tuan Pengerusi, atas Kepala B. 4 Suruhanjaya Pilihanraya. Tuan Pengerusi, di dalam mesyuarat Parlimen yang lepas Tun Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa satu jawatankuasa telah ditubuhkan untuk mengkaji kemungkinan menjalankan pendaftaran dan penyemakan semula pendaftaran sepanjang tahun. Lapan bulan yang lepas semenjak pengumuman itu dibuat tetapi hari ini kita di dalam Dewan dan juga rakyat belum tahu apa kemajuan yang telah dicapai oleh jawatankuasa tersebut.

Saya harap Menteri yang berkenaan akan dapat menerangkan kepada Dewan ini apa yang telah berlaku dan samada jawatankuasa ini akan memperkenalkan sistem menjalankan pendaftaran dan penyemakan semula pendaftaran sepanjang tahun.

Tuan Pengerusi, if you want to make democracy in our country meaningful, then every citizen must be given the opportunity to register himself as a voter to vote in elections. Such an opportunity should be made available

all the year round and not limited to a month's period as is the case now. Malaysians today are dissatisfied with the present one-month system of voters' registration, as this only serves to register the minimum number of voters. I, therefore, urge the Committee to look into this matter and let this House know what are its recommendations and how soon voters' registration can be carried on an all-year round basis.

Sekarang saya merujuk Kepala B. 6—Suruhanjaya Perkhidmatan Keretapi. Mengenai Perkara ini saya ingin berucap sedikit atas Perkhidmatan Keretapi di negara Malaysia. Saya ingin menggunakan kesempatan ini untuk membangkitkan suasana tidak puas hati di kalangan orang ramai mengenai Perkhidmatan Keretapi.

Tuan Pengerusi, complaints are still rampant about the poor services of the Malayan Railways. Passengers who buy tickets often find that they do not have seats and have to stand most of the way through to their destination. This is especially so during festival days like the Hari Raya. The present coaches used by the Malayan Railways are old and need to be replaced by new ones. The third class coaches are dirty and steps should be taken to overcome this problem.

Pada akhirnya saya harap pihak berkuasa akan mengambil langkah yang sesuai untuk membaiki Perkhidmatan Keretapi dalam keseluruhannya supaya orang ramai akan puas hati dengan perkhidmatan ini.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, tadi saya menyebutkan hanya Kepala-kepala di bawah Anggaran Belanja Mengurus, tetapi Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah mengemukakan juga Kepala Pembangunan P. 9 iaitu bagi tahun 1973. Jadi, ini juga boleh dibahas sekarang.

4.00 ptg.

Dr Tan Chee Khoo (Kepong): Tuan Pengerusi, saya bangun bercakap sedikit atas perkara-perkara yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri dan di samping saya bercakap dalam Bahasa Malaysia, saya mohon izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Pengerusi, saya hendak menyentuh tentang Kepala B. 4—Suruhanjaya Pilihanraya. Kita di dalam Dewan ini semua sedar pada Pilihanraya Umum yang lalu iaitu pada bulan Ogos, 1974 beratus-ratus dan beribu-beribu penduduk di tanahair kita ini telah hilang peluang untuk mengundi—telah hilang kuasa untuk mengundi. Dan selepas pilihanraya seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar, Kerajaan telah menubuhkan satu high-powered Committee untuk menyiasat perkara ini, malangnya selepas itu kita langsung tidak dengar apa-apa berita tentang Jawatankuasa itu, tidor atau bangun kita tidak tahu. Sekarang ini sudah hampir 10 bulan, berapa lamakah lagi? Saya hendak tanya kepada Kerajaan bila Jawatankuasa ini boleh bangun dan menjalankan tugasnya dan memberi laporan kepada bukan sahaja Dewan ini bahkan kepada penduduk-penduduk di tanahair kita. Oleh sebab mereka semua tidak puas hati tentang pendaftaran pengundi di tanahair kita. Seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar juga, saya di dalam Dewan ini bukan sahaja masa ini sahaja bahkan lima tahun dahulu telah mencadangkan supaya Suruhanjaya Pilihanraya mengadakan pendaftaran pengundi-pengundi sepanjang tahun (all-year-round registration). Saya hendak bertanya kepada Kerajaan, apa susahnya Kerajaan mengadakan Pendaftaran yang dicadangkan oleh bukan saya sahaja bahkan oleh semua orang, bukan sahaja orang-orang politik tetapi juga orang ramai.

Tidak berapa lama lagi, Tuan Pengerusi, ini bulan Julai, barangkali bulan September atau bulan Ogos Suruhanjaya Pilihanraya akan menjalankan pendaftaran pengundi-pengundi selama satu bulan sahaja. Saya hendak bertanya kepada Suruhanjaya Pilihanraya apakah kakitangannya boleh menyiapkan di dalam masa sebulan sahaja, tetapi kalau sekiranya peluang untuk mendaftarkan pengundi-pengundi di sepanjang tahun, maka saya percaya tiap-tiap penduduk di tanahair kita yang ada hak untuk mengundi mereka boleh pergi mendaftarkan namanya di dalam mana-mana tempat yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Pilihanraya. Saya berharap, Tuan Pengerusi, Kerajaan kita dan khasnya Suruhanjaya Pilihanraya janganlah membuang masa, tetapi mengambil langkah supaya

pengundi-pengundi atau penduduk-penduduk di tanahair kita ini boleh mendaftarkan nama sebagai pengundi sepanjang tahun.

Tuan Pengerusi, saya hendak menyentuh sedikit tentang Kepala B. 9—Jabatan Kehakiman.

(Dengan izin) We all know, Mr Chairman, Sir, that all the Courts are cluttered up with cases and one of the measures that the Government can take to reduce the backlog of cases, whether it be in the Lower Courts or the High Court, is to increase the number of Magistrates or Presidents of the Sessions Court or, in the case of the High Court, the Judges. I hope, Mr Chairman, Sir, that the Government will, in view of the fact that there is a very big backlog of cases queueing up for a chance to be heard in the High Courts, increase the number of Judges for our High Courts. I hope also that the Government will not, for the Lower Courts, just take people who do not have legal qualifications and train them to be Magistrates. I dare say that there are quite a number of young lawyers, be they having qualified from Singapore or from our own University—and next year about 50 of them will graduate—and they will be looking around for jobs. This is an opportunity whereby the Government can say, “we can take you in and train you to be Magistrates” on a month-to-month basis or a year-to-year basis, if it is necessary, so that we can fill up all the vacancies in the Judiciary and reduce the backlog of cases because “justice delayed is justice denied” to the people.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, saya suka hendak mengingatkan iaitu kita sekarang di dalam Jawatankuasa dan Yang Berhormat kalau hendak bercakap tak usahlah sentuh perkara dasar lagi. Mengikut Peraturan Tetap kita hanya boleh menyentuh perkara butir-butir sahaja, sekarang kita di dalam Jawatankuasa, kalau hendak bercakap perkara dasar itu boleh pada hari semalam semasa usul ini dikemukakan. Jadi, sekarang tolonglah tumpukan kepada butir-butir mengikut Kepala dan Pecahan-kepala yang ada dibentangkan dalam Dewan ini.

4.08 ptg.

Tuan Edmund Langgu anak Saga (Saratok): Tuan Pengerusi, saya hendak bercakap atas Kepala B. 4, Pecahan-kepala 2800—Suruhan-

jaya Pilihanraya, (2) Pendaftar Tahunan Pemilih dan Penyemakan Daftar-daftar Pemilih.

Tuan Pengerusi, exercise pendaftaran Tahunan Pemilih dan Penyemakan Daftar-daftar Pemilih yang dilakukan pada tahun lalu adalah amat tidak memuaskan. Dasar dan tarikh Pegawai-pegawai Pendaftaran melawat ke rumah-rumah panjang tidak diumumkan terlebih dahulu di negeri Sarawak. Oleh yang demikian, Tuan Pengerusi, ramai pengundi-pengundi yang layak tidak dapat mendaftarkan diri mereka. Pegawai pendaftaran pula menjalankan tugas mereka biasanya pada waktu pejabat dan pada masa itu pengundi-pengundi yang layak tidak ada di rumah mereka. Pada waktu itu mereka sedang bekerja di kebun-kebun atau di ladang-ladang mereka dan yang demikian, tidak dapat mendaftarkan diri mereka sebagai pengundi.

Saya menggesa Suruhanjaya Pilihanraya ini memberikan borang-borang kepada parti-parti politik supaya kita dapat membantu mendaftarkan pengundi-pengundi di dalam kempen pendaftaran tersebut. Sarawak adalah negeri yang luas dan pegawai-pegawai Pendaftaran tidak boleh menjalankan tugas pendaftaran mereka. Oleh sebab itu, Tuan Pengerusi, saya berharap cadangan saya ini akan diberikan pertimbangan yang serious oleh pihak yang berkuasa.

Dalam masa Pilihanraya Umum Tahun 1974 terdapat sebilangan besar pengundi-pengundi yang layak untuk mengundi tetapi nama mereka tidak tercatat di dalam buku-buku pemilih pengundi-pengundi. Sekiranya saya tidak salah terdapat 260,000 orang telah hilang hak mereka untuk mengundi. Jadi selepas sahaja tamatnya pilihanraya umum, sebuah jawatankuasa yang dianggotai oleh beberapa orang Menteri telah dibentuk untuk menyiasat dan mengkaji serta membuat recommendation untuk memperbaiki sistem pendaftaran pengundi. Saya berharap kita akan diberi satu laporan mengenai hasil dan kemajuan yang telah diperolehi oleh Jawatankuasa tersebut. Saya juga mengesyorkan bahawa pendaftaran pengundi-pengundi dilakukan di sepanjang tahun, whole year round registration system supaya membolehkan setiap orang yang layak mendaftarkan diri mereka sebagai pengundi.

4.12 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Pengerusi, di samping saya menyokong apa yang dikemukakan oleh Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, saya suka mengesyorkan beberapa perkara terutamanya dalam Kepala B. 4—Suruhanjaya Pilihanraya.

Suruhanjaya Pilihanraya adalah satu suruhanjaya yang besar di dalam negara kita yang mana yang kita tahu, pilihanrayalah membawa satu-satu parti itu dapat memerintah dalam negara kita ini. Dan kita tahu

Tuan Pengerusi: Tolong tumpukan perbincangan atas butir-butir yang tepat.

Tuan Shaari bin Jusoh: Jadi, dengan sebab itu perkara pilihanraya ini amatlah mustahak. Di sini saya juga bersetuju dengan setengah-setengah daripada kawan-kawan saya mengatakan yang pendaftaran pilihanraya ini patut diadakan selalu dan di sini saya mengesyorkan untuk lebih senang dan teratur kepada Suruhanjaya Pilihanraya dan masyarakat kampung akan lebih baik patutlah ketua-ketua kawasan, misalnya, seperti di Perlis dan boleh jadi di setengah-setengah tempat dikatakan Ketua-ketua Kampung diambil khas untuk menjadi pegawai yang berkenaan, dan kita berikan elaun. Saya berpendapat kalau elaun mereka itu dijadikan elaun bulanan, yang pada pendapat saya tidak payahlah tinggi, sekadar \$40 sebulan di samping mereka menjalankan tugas-tugas lain mereka juga dapat ambil tahu anak-anak kampung mereka pada tiap-tiap ketika dan mereka juga dapat tahu yang mana baik dan yang mana jahat dan yang mana tidak mendaftar bila sudah cukup umur. Dengan diberi saaraan yang berpatutan, maka Ketua Kampung akan lebih bersemangat dan cara pendaftaran pilihanraya juga bertambah rapi kerana merekalah yang lebih tahu berkenaan dengan orang-orang tempatnya sendiri. Kerana di masa yang lepas kita dapati banyak orang yang tidak dapat mendaftar. Orang yang masuk mendaftar itupun, itulah kali yang pertama, masanya sebulan dia masuk ke kampung itu dia tidak tahu samada orang itu cukup umur dan yang mana yang tidak cukup umur. Kadangkala hari ini dia datang, orang itu ada; esok, orang ini tidak ada. Tetapi kalau mengadakan Ketua Kampung atau Ketua

Kawasan yang berkenaan saya ingat tidak ada orang yang tidak mendaftar kerana Ketua-ketua kampung itu dia tahu tempat dia sendiri. Ini lebih baik dari segi masyarakat yang kita tahu saya yakin Tuan Pengerusi yang pernah menjadi Menteri Besar tahu tugas-tugas Ketua-ketua Kawasan ini, amat baik

Tuan Pengerusi: Tidak payahlah kaitkan saya.

Tuan Shaari bin Jusoh: Saya katakan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang membawa usul itu tadi. Dengan sebab itu, saya berharap patutlah cadangan saya ini dijadikan satu asas dan patut dijalankan oleh Suruhanjaya Pilihanraya.

Yang kedua, negeri Perlis walaupun kecil, tetapi tetap negeri

Tuan Pengerusi: Ini sudah selalu Yang Berhormat mengatakan negeri Perlis ini kecil. Tidak payah ulang lagi.

Tuan Shaari bin Jusoh: Walau macam manapun, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Jabatan-jabatan Kerajaan Malaysia terutama yang menempatkan Ketua-ketua Jabatan di negeri Perlis. Kalau pada masa yang lepas RIMV misalnya ada di Alor Star, begitu juga Pengarah Pelajaran ada di Alor Star, tetapi sekarang telah diadakan di Perlis. Jadi, saya merayulah kepada Suruhanjaya Pilihanraya kerana telah sampai pada masa dan ketikanya bahawa negeri Perlis diadakan seorang Pengarah yang berasingan, janganlah buat seolah-olah kami ini satu jajahan daripada negeri lain. Tidak payahlah saya sebutkan mana negeri yang saya maksudkan. Tetapi saya berharap Perlis juga patut mengadakan satu jabatan khas atau Pengarah Jabatan sebagaimana yang diadakan di negeri lain.

Kepala B. 6—Suruhanjaya Perkhidmatan Keretapi

Kadang-kadang saya rasa sedih dan kadang-kadang rasa lucu akan hal keretapi ini. Sudahlah rugi, tambahan pula perbelanjaannya tidak cukup. Tetapi walau bagaimanapun kita patut menyokong juga supaya perbelanjaan ini diterima oleh Dewan ini. Saya hairan sangat apabila saya tengok perjalanan keretapi yang mana perbelanjaannya tidak cukup.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Kepala B. 6 ialah Suruhanjaya Perkhidmatan Keretapi. Suruhanjaya ini berkehendakkan hanya \$1,993 sahaja tambahan.

Tuan Shaari bin Jusoh: Maaf, Tuan Pengerusi, saya tidak dengar.

Tuan Pengerusi: Duduk dahulu, baru dengar. Kalau berdiri tidak dengar pembesar suara ini. Kepala B. 6 ialah Suruhanjaya Perkhidmatan Keretapi, dan berkehendakkan tambahan hanya sebanyak \$1,993. Jadi tidak payah panjang sangat dengan hal kerugian keretapi dan lain-lainnya.

Tuan Shaari bin Jusoh: Terima kasih. Saya berharap, mengikut keadaan zaman sepatutnya Suruhanjaya Perkhidmatan Keretapi mengubah corak sedikit. Yang saya tengok, hari ini saya tidak tahulah, saya hala ke selatan—saya tidak pernah naik keretapi, tetapi kalau naik keretapi ke utara, saya berasa sedih kerana di setesyen keretapi masa sekarang boleh dikatakan tiap-tiap tempat ada letrik, di tempat yang tidak ada letrik itu saya tidak berasa hairan. Tetapi tempat yang berhampiran, Ketua Setesyen itu masih bawa lampu suluh apabila keretapi datang. Jadi masa ini tidak sesuai benar. Kalau tempat itu dapat diadakan letrik, maka hendaklah diadakan api letrik.

Kepala B. 7

Tuan Pengerusi, saya mengucapkan tahniah kepada Jabatan Perdana Menteri khasnya kepada Tuan Pengerusi sendiri yang saya percaya menjadi Pengerusi Pertandingan Membaca Al-Quran dan Menteri yang berkenaan yang bertanggungjawab membawa usul ini tadi, setahu saya perkara-perkara yang banyak seperti kata Menteri yang berkenaan ialah mengecap atau menerjemah Al-Quran dalam Bahasa Malaysia dan bahasa-bahasa lain. Ini adalah satu rancangan yang baik yang dijalankan oleh Kerajaan walaupun menurut perbelanjaan tambahan yang lebih, tetapi yang saya berharap biarlah terjemahan itu diterjemahkan kepada tiap-tiap bahasa dan saya yakin hal ini walaupun diterjemah tetapi biarlah disebarkan, kena pada tempatnya. Sebab saya katakan begitu, kadang-kadang saya takut, kita selalu menyebarkan sebaran-sebaran ataupun siaran-siaran yang dikeluarkan oleh Kerajaan kepada orang yang tidak kena

pada tempatnya. Sebagai contoh, malam pertunjukan wayang gambar perhubungan raya. Ada kalanya diberi oleh pengedar kepada orang-orang yang tidak berkenaan. Begitu juga kadang-kadang seperti dalam satu-satu majlis dan sebagainya, disebarkan kertas-kertas itu seolah-olah tidak berharga langsung. Kita semua tahu ada setengah orang dia tidak begitu menghargai satu-satu benda walaupun kita beri sekalipun kertas itu dia tidak ambil peduli dan tidak ambil hirau. Jadi dengan sebab itu, saya berharap kepada Jabatan Perdana Menteri dan saya percaya Timbalan Menteri yang membawa usul ini juga telah menjadi seorang juara baru-baru ini sebagai pengembang ugama Islam. Saya dengar sendiri ucapan beliau pada 22 haribulan yang lepas seolah-olah sebagai seorang pensyarah atau mubaligh di dalam Persidangan Agong UMNO di Merlin Hotel itu, kita mengucapkan tahniah kerana telah mengecap banyak buku-buku. Jadi, saya berharap hendaklah.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, saya minta maaf, saya tidak suka mengganggu Yang Berhormat selalu, tetapi yang disebabkan ini di bawah Pecahan-kepala berapa?

Tuan Shaari bin Jusoh: Jabatan Perdana Menteri, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Jabatan Perdana Menteri itu betul, tetapi di bawah Pecahan-kepala mana, wang yang berjumlah \$124,102 ini hanya terbahagi kepada empat sahaja pecahannya, tidak termasuk apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Pengerusi, maafkan saya.

Tuan Pengerusi: Tolong tumpukan kepada Kepala atau Kertas yang dibentangkan di dalam Dewan ini.

Tuan Shaari bin Jusoh: Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Sila teruskan.

Tuan Shaari bin Jusoh: Kalau tidak silap saya selain daripada saya teringat dalam Kepala B. 7, Jabatan Perdana Menteri di dalam pengulasan ataupun Usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri tadi berkenaan dengan tafsir Quran, sebab itulah saya bercakap berkenaan perkara itu.

Tuan Pengerusi: Tafsiran itu saya tidak sebut tadi, tetapi berkenaan dengan fasal dakwah pada 22hb dan sebagainya.

Tuan Shaari bin Jusoh: Fasal tafsiran Quran saya sebutkan.

Tuan Pengerusi: Yang itu saya tidak tegur tadi.

Tuan Shaari bin Jusoh: Saya maksudkan ialah tafsir Quran yang saya sebut, jadi untuk meringkaskan ucapan saya, Tuan Pengerusi, sekali lagi saya berharap kepada pihak yang berkenaan supaya sebaran-sebaran ini dibanyakkan lagi dan diberikan kepada orang-orang yang berkenaan. Saya harap kalau boleh dikhaskan kepada ketua-ketua kawasan, Wakil-wakil Rakyat dan kepada guru-guru KEMAS yang kita tahu menyeluruh di serata kampung dikhaskan kepada segenap peringkat dan juga Imam-imam yang berada di seluruh Malaysia pada hari ini. Saya fikir lebih berkesan lagi apa yang dibuatkan oleh Jabatan Perdana Menteri.

4.23 ptg.

Tuan Lim Cho Hock (Ipoh): Tuan Pengerusi, saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Pengerusi: Mula-mula sahaja tidak boleh. Gunakan dalam Bahasa Malaysia dahulu.

Tuan Lim Cho Hock: Sangat susah.

Tuan Pengerusi: Tidak susah.

Tuan Lim Cho Hock: Sedikit-sedikit sahaja.

Tuan Pengerusi: Belum cuba, dahulu sudah mencuba, boleh. Campur pun boleh.

Tuan Lim Cho Hock: Saya hendak berucap sedikit mengenai Jabatan Kehakiman. Yang Berhormat Menteri tadi minta tambahan \$11,000 lebih untuk membuat bangunan mahkamah di Ipoh. Itu saya setuju, tetapi buat bangunan banyak pun tidak guna kalau sekiranya kes-kes tidak diselesaikan dan memakan masa yang lama.

(*Dengan izin*) Mr Chairman, Sir, there is no point in building many Court houses if the problem of backlog of cases is still there. A

lot of people who have got lawful claims could not pursue their claims because they knew that if they filed their action in court then their cases would be hanging in court for a number of years. So they preferred to drop their lawful claims. Who gets away with it? Those people who cheat, those people who are not honest are the people who gain by the delays in court. Therefore, I suggest that the Government should seriously consider increasing the number of Judges, Magistrates and Presidents, especially increasing the number of interpreters because many cases are delayed or postponed in court because of a shortage of interpreters. Sad to say, although we are in the modern electronic and rocket age, we are not using modern equipment such as tape-recorders, trained stenographers and so on and so forth. The courts should engage the services of stenographers—whether they are beautiful or not does not matter—because stenographers are very useful in speeding up the work of court cases. Even in this very House tape-recorders are used and why not buy some tape recorders for the court's use and if it is done, then I am sure the court cases can be disposed of much easier and quicker.

Furthermore, I would like to suggest that the Lower Courts should be given wider jurisdiction. For instance, trial cases involving a sum of \$10,000 up to a limit of \$20,000 could be brought within the jurisdiction of the Special Sessions Court, thereby lightening the work of the High Court. Furthermore, special tribunals of courts should be set up to try the running-down cases or accident cases, and senior lawyers should also be appointed to sit on such specific cases.

I would like also to suggest to the Government that the Court Houses should have good legal libraries. Sad to say, a lot of our courts do not have libraries, particularly those Lower Courts; and without the libraries, no cases can be conducted in the proper manner. If cases are delayed then justice will be denied and somehow or other witnesses will disappear or die; and, on top of that even if you can manage to get the witnesses, the witnesses tend to lose their memory, so that evidence given will be of very little value.

I would like also to touch on the Election Commission very briefly. As suggested by two previous speakers, the registration of voters should be open all year round. I would

say this is a very good idea. On top of that I would also venture to say that there should be a system of automatic registration, i.e. citizens reaching the age of 21 should have their names entered into the electoral rolls thereby saving a lot of expense and trouble to people. I am sure the Government has got records of citizens reaching the age of 21. The Government can easily check up those citizens who have reached the age of 21 and then can put their names in the electoral rolls and then inform the citizens concerned that they have been registered as voters and that it is their duty to go and vote when the time for election comes along.

4.27 *ptg.*

Tuan Embong bin Yahya (Ledang): Tuan Pengerusi, saya juga turut menyokong Usul pertambahan perbelanjaan bagi Jabatan Perdana Menteri, dan saya suka lah menyentuh Kepala B. 4—Suruhanjaya Pilihanraya berkenaan dengan pecahan-kepala 2800 mengenai pendaftaran.

Sebagaimana yang kita tahu sudah banyak teguran dan kritik terhadap cara Suruhanjaya Pilihanraya ini menjalankan pendaftaran pengundi-pengundi, cara menyemak dan juga cara mengundi terutama sekali di kawasan luar bandar. Banyak kita dapati sungutan orang-orang yang hendak mendaftar sebagai pengundi-pengundi baru sangat susah, dan kadang-kadang habis tempoh mereka tidak tahu pegawai ataupun pendaftar yang datang ke kampung mereka untuk mendaftar, kerana kita tahu sebahagian besar orang-orang luar bandar tidak dapat duduk di rumah tetap, ada yang pergi menoreh getah, bekerja, kadang-kadang petang baru balik, dan kadang-kadang pula pegawai ini tidak sampai ke rumah itu. Kesusahan yang kita nampak ialah disebabkan pegawai pendaftar yang dilantik itu bukan daripada anak tempatan di situ yang tidak tahu di mana rumah pengundi itu, mengapa rumah ditutup dan ke mana perginya. Ini adalah disebabkan kebanyakan mereka dilantik daripada kerani-kerani di pejabat-pejabat dan orang-orang luar kawasan. Saya rasa patutlah juga di lain kali apabila hendak melantik pendaftar-pendaftar yang pergi ke kampung ambillah daripada pemuda-pemuda ataupun, wanita kita yang duduk di kawasan itu sendiri. Selain daripada mereka tahu masalah penduduk kampung itu, dia juga tahu ke mana pen-

duduk itu pergi kalau sekiranya rumah itu ditutup. Mereka juga akan dapat peluang belanja sekiranya mereka bertugas di tempat mereka sendiri, bayaran kerana kerja mendaftar itu. Kiranya diambil daripada orang-orang luar daripada kawasan itu kita dapati kebanyakan pendaftar itu duduk di kedai kopi atau duduk di Balai Raya dan menunggu orang kampung datang mendaftarkan diri. Bagaimana orang kampung hendak datang kerana mereka tidak tahu kedatangan pegawai itu sendiri, dan sibuk dengan kerjanya.

Sepatutnya pegawai itulah pergi dari rumah ke rumah sebab mereka itu dibayar tetapi sebaliknya menunggu orang kampung datang berjumpa dia di balai raya atau di kedai kopi. Kalau tidak ada orang datang disifatkan tidak ada orang yang hendak mendaftar dari kampung itu dan dia pun balik. Dan setengahnya apabila dia pergi ke rumah ditengoknya rumah orang itu bertutup maka dianggapnya tidak ada pengundi di kampung itu dan terus dicancel namanya, dan apabila sampai masa mengundi kita dapati ada orang yang sudah mengundi tiga empat kali tetapi pada kali itu namanya tidak ada, dengan sebab sudah dicancel oleh pegawai yang mendaftar. Saya rasa kerja yang seperti ini satu kelemahan dan patutlah Suruhanjaya memperbaiki keadaan pendaftaran ini.

Selain daripada itu Suruhanjaya Pilihanraya patut mengambil langkah yang lebih ketat lagi supaya tidak seseorang itu mendaftar lebih daripada sekali. Kita tahu pihak Suruhanjaya sendiri telah berkali-kali menyatakan bahawa ada pendaftar yang telah mendaftar dirinya lebih daripada sekali, sampai dua tiga kali pun ada. Ini dengan sebab, barangkali, tidak ada satu peraturan yang ketat dibuat yang boleh menahan dan mencegah daripada seseorang rakyat itu mendaftar lebih daripada sekali umpamanya dia sudah mendaftar di Kuala Lumpur dia tidak boleh lagi mendaftar di Kuala Langat. Tetapi yang ada pada hari ini dia boleh buat begitu—dia mendaftar sekali di Kuala Lumpur dengan alamat Kuala Lumpur, barangkali dia boleh pergi ke Ipoh mendaftar lagi sekali dan barangkali dia boleh pergi pula ke Kuala Selangor mendaftar lagi sekali. Hendaknya mestilah ada satu cara atau satu langkah yang lebih ketat supaya seseorang pengundi tidak boleh mendaftar lebih daripada sekali, dan sekiranya didapati begitu

maka hendaklah dihukum dengan seberat-beratnya kerana ini merupakan gejala yang buruk dan tidak sihat, satu penipuan dan kecurangan dalam pilihanraya kita.

Selain daripada itu, saya suka menegurkan selain daripada pendaftaran, maka begitu juga sewaktu pengundian di pilihanraya. Apabila seseorang boleh mendaftar lebih daripada sekali, dia tentu boleh mengundi lebih daripada sekali. Dia boleh mengundi di tempat pendaftarannya di Kuala Lumpur dan dia boleh mengundi lagi sekali di mana dia mendaftar misalnya di Ipoh. Barangkali tidak ada siapa yang tahu pada hari itu. Ini suatu kerja yang tidak sihat, satu penipuan yang besar dalam pilihanraya. Suruhanjaya Pilihanraya patut mengawasi dengan cukup cermat. Kita tidak mahu satu-satu parti menang dengan cara penipuan yang semumpama ini, terutama sekali dalam kawasan bandar di mana tempat pengundiannya ramai, sebok, susah hendak dicari alamatnya.

Satu daripada caranya yang saya suka mengesyorkan apabila sampai pada masa mengundi hendaklah ada satu peraturan yang tegas yang boleh dikesan. Seseorang pengundi itu tidak boleh mengundi lebih daripada sekali walaupun didaftarkan namanya tiga kali, tetapi sekarang tidak ada. Hanya kita berpanduan kepada kad pengenalan, tetapi tidak ada satu catitan kepada kad pengenalan mengatakan orang itu sudah mengundi di Kuala Lumpur dan apabila dia pergi ke Ipoh dia tidak boleh mengundi lagi pada hari itu.

Kalau saya seorang yang menipu, saya boleh mengundi pada sebelah pagi di Kuala Lumpur, dan pada tengahari saya boleh pergi ke Ipoh. Pada masa itu tidak ada satu kesan pun dalam kad pengenalan sebab dia berlainan daerah. Sepatutnya Kerajaan atau Suruhanjaya Pilihanraya ini memikirkan suatu cara tindakan yang paling halus, tegas dan berkesan kepada kad pengenalan itu sendiri. Sebab nampaknya pada hari ini kad pengenalan itu menjadi satu tanda yang mesti diberi sewaktu kita hendak mengundi. Mestilah diikhtiarkan mencari satu jalan supaya dapat diberi tanda kepada seseorang yang telah mengundi sekali, samada dicop kad pengenalannya supaya boleh menjadi tanda apabila dia masuk ke tempat yang kedua, dia telah mengundi sekali tadi, dia tidak akan boleh mengundi dua kali. Tetapi pada hari ini saya percaya oleh sebab sudah berlaku pendaftaran lebih daripada satu, dua dan tiga kali, maka sudah tentu ada orang yang

mengundi lebih daripada sekali. Ini saya rasa walaupun nampaknya rengkas dan mudah, ini satu perkara yang amat berat. Kita tidak mahu negara kita berlaku penipuan dalam pilihanraya pada lain kali atau ada orang yang boleh membuat sewenang-wenangnya suatu penipuan sewaktu pengundian berlaku di negeri kita.

Saya suka menyentuh sedikit lagi berkenaan dengan Kepala Bekalan dalam Kepala-kecil 4100—Tabung Haji. Baru sebentar tadi kita dengan Menteri yang berkenaan telah menghuraikan kepada kita cara, peraturan baru orang-orang kita yang hendak menunaikan Haji ke Mekah dan setiap tahun kita dengar sungutan-sungutan, kecaman-kecaman dan teguran daripada ahli-ahli, orang-orang kita yang naik Haji kepada pihak Kerajaan khususnya kepada Tabung Haji. Oleh sebab layanannya barangkali tidak begitu sesuai dan tidak begitu baik maka Tabung Haji mendapat teguran-teguran yang hebat. Saya rasa patutlah pihak Tabung Haji yang menjadi badan yang mengurus hal ehwal orang-orang kita naik Haji memikirkan satu cara untuk mengelakkan kerumitan-kerumitan orang-orang kita semasa tinggal di Mekah iaitu supaya dapat orang-orang kita tinggal dalam satu kawasan yang tetap, berkumpul.

Umpamanya, pihak Tabung Haji sudah boleh berunding siang-siang. Kalau ada 5,000 orang kita yang hendak menunaikan Haji, di mana tempat kita hendak tempatkan orang-orang kita yang 5,000 orang. Seperti kita nampak ada negeri-negeri yang menempatkan orang-orangnya secara berkumpul seperti Indonesia, umpamanya, kita nampak block Indonesia, orang-orang Parsi dan orang-orang Turkey. Jadi dapat pihak jumaah Haji ataupun Badan Kebajikan Haji kita samada daripada segi perubatan, doktor dan sebagainya dapat melayan orang kita. Apa yang kita nampak pada hari ini yang menjadi kerumitan dan menjadi sungutan besar ialah sebab orang kita tinggal bersepah-sepah di Mekah. Tidak ada seorang yang mengambil tahu nasib orang kita apabila naik Haji, misalnya, hanya dia dengan Sheikhnya dan orang kita tinggal bersepah-sepah mengikut sesuka hati. Tetapi apabila berlaku kemalangan, kematian, sakit, susah pihak Tabung Haji ataupun hospital, hendak tahu di mana orang kita yang sudah sakit, di mana orang kita yang sudah mati dan apa pertolongan yang kita hendak berikan. Itulah

yang selalu berlaku. Kadang-kadang ada orang-orang kita yang mati pihak hospital kita tidak tahu. Sebab manusia begitu ramai dan orang kita tidak tinggal sekumpul. Tetapi kalau sekiranya diuruskan dengan pihak Saudi Arabia, pegawai perhubungan kita pergi lebih dahulu, berunding yang kita hendak tempatkan orang-orang kita di satu tempat yang khas yang agak-agak dekat, sekumpul, saya rasa lebih senang kita dapat mengawal orang-orang kita dari segi kebajikan ataupun dari segi urusan-urusan Haji yang lain seperti yang ada dibuat oleh negeri-negeri lain.

Saya rasa itulah sedikit pandangan saya terhadap perbelanjaan tambahan ini dan saya harap pihak yang berkenaan akan mengambil perhatian atas apa yang ditegurkan tadi.

4.40 ptg.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir (Ulu Nerus): Tuan Pengerusi, saya suka mengambil bahagian sedikit dalam perbahasan ini. Yang pertama mengenai Kepala B. 4—Suruhanjaya Pilihanraya. Walaupun banyak telah kita dengar teguran-teguran yang telah disampaikan oleh rakan-rakan saya di dalam Dewan ini, suka juga saya menambah sedikit dalam perlaksanaan pendaftaran pengundi-pengundi di dalam negeri kita ini.

Tuan Pengerusi, sebagaimana kita dapati di dalam pilihanraya yang lepas bahawa banyak pengundi-pengundi di dalam negeri kita ini yang tidak dapat mengundi walaupun sebab-sebab tidak dapat mengundi itu adalah amat banyak, tetapi di antara sebab-sebabnya ialah kekurangan kenderaan misalnya. Kekurangan pengangkutan ini sepatutnya tidak berlaku. Misalnya, sebuah kampung yang mempunyai tempat mengundi di kampungnya tetapi oleh kerana kecuaiannya ataupun disebabkan pendaftar-pendaftar itu sebagaimana yang dikatakan oleh saudara saya tadi orang yang tidak kena-mengena ataupun tidak tahu menahu dengan kedudukan di kampung itu maka dipindahkan pengundi di kampung ini pergi mengundi di kampung yang lain sehingga sampai tiga empat batu daripada kampungnya sedangkan di kampungnya itu mempunyai tempat mengundi. Apabila dipindahkan nama itu di dalam buku pengundi ke tempat yang lain maka ia terpaksa mengundi di tempat yang lain. Jadi dalam hal yang demikian, adalah

menjadi satu masalah yang besar dan saya berharap benar kepada Jabatan ini agar pada masa-masa yang akan datang supaya lebih bercermat, lebih menghalusi dari segenap segi, segenap sudut baik sudut pegawai-pegawainya yang mesti diteliti yang hendak diberi kepercayaan kepada orang yang tertentu untuk mendaftarkan pengundi-pengundi ini. Jadi supaya tidak akan berlaku lagi di kampungnya sendiri yang ada tempat mengundi dan dipindah namanya pergi mengundi sampai tiga empat batu daripada kampungnya. Saya mengharapkan benar-benar supaya perkara ini tidak akan berlaku dan supaya tidak memberi kekecewaan kepada penghuni.

Tuan Pengerusi, walaupun masalah ini telah berlaku lama dan tidak dapat dibuat pindaan dengan segera, tetapi untuk memberi teguran dan ingatan kepada pihak yang berkenaan ialah masalah penentuan kawasan pilihanraya.

Tuan Pengerusi, saya dapati banyak kawasan-kawasan pilihanraya ini yang telah dibuat barangkali mengikut apa yang ternampak di dalam peta-peta di meja sahaja tetapi tidak diselidiki dengan betul-betul, sebab setengah-setengah kawasan pilihanraya itu bagaimana wakil-wakilnya hendak melancarkan ataupun hendak meneruskan ataupun Wakil-wakil Rakyat ini hendak menjalankan kerja-kerjanya dengan lancar sedangkan di antara satu kawasannya dengan satu kawasannya juga terpaksa putus ataupun terpaksa menyeberangi kawasan-kawasan yang lain sampai 5-10 batu barulah sampai ke kawasannya pula. Saya dapati perkara ini banyak berlaku di dalam negara kita ini. Masalah-masalah ini terpaksa kita memerlukan masa yang banyak sebab kadang-kadang satu kawasan itu terpaksa mengharungi dua kawasan orang lain, misalnya sampai 10 batu atau 20 batu. Jadi inilah satu masalah barangkali mengikut peta yang ditunjukkan di atas meja sahaja memang tanah kawasan itu, selari tetapi mengikut keadaannya tidak dapat kita hendak pergi ke kawasan itu melainkan kita melalui kawasan-kawasan orang lain kerana jalanraya tidak ada atau sebagainya. Ini adalah satu masalah yang rumit dan tidak kena pada saya sahaja dan barangkali kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain banyak juga kena masalah-masalah yang seperti ini.

Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh sedikit Kepala B. 7 Pecahan-kepala 4100 mengenai Lembaga Urusan dan Tabung Haji. Walaupun baru sekejap tadi kita telah mendengar kenyataan daripada Menteri yang berkenaan dan kemungkinan bakal-bakal haji kita pada tahun ini tidak dapat menunaikan fardu haji yang agak besar iaitu lebih kurang separuh daripada permohonan-permohonan yang telah dikemukakan dan masalaah perbelanjaan yang begitu tinggi baik perbelanjaan di tanah suci ataupun perbelanjaan tambang pergi ke tanah suci. Dalam hal ini, saya suka mengesyorkan pada Lembaga Urusan dan Tabung Haji ini supaya lebih banyak bekerjasama dengan pihak syarikat-syarikat swasta untuk menguruskan bakal-bakal haji pergi ke Mekah pada masa-masa yang akan datang.

Tuan Pengerusi, saya kurang jelas dengan penerangan yang telah diberi mengenai tambang kapalterbang pergi ke Mekah. Jadi sejauh mana tambang kapalterbang pergi ke Mekah ini dapat diberikan semurah-murahnya kepada bakal-bakal haji itu, sebab apa yang diberi kenyataan kepada saya oleh setengah-setengah daripada syarikat swasta, beliau mengatakan bahawa tambang kapalterbang pergi ke Mekah ini tidak dapat dikurangkan daripada apa yang ditetapkan oleh Lembaga Urusan dan Tabung Haji ini. Jadi saya bertanya, kenapakah tidak dapat dikurangkan lagi supaya syarikat ini lebih maju? Jadi inilah satu jawapan katanya kita tidak dapat mengurangkan daripada yang telah ditetapkan oleh Lembaga Urusan dan Tabung Haji ini.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Atas masalaah ini, saya rasa lebih baik Lembaga Urusan dan Tabung Haji ini memberi peluang yang seluas-luasnya kepada syarikat-syarikat swasta ataupun mana-mana syarikat yang sanggup menguruskan bakal-bakal haji ini pergi ke Mekah dengan seberapa murah dan dapat mereka itu mencari peluang dan memberi tambang kepada bakal-bakal haji ini. Janganlah kita menyekat ataupun sebagainya. Kalaulah pihak swasta ataupun syarikat-syarikat swasta yang sanggup menguruskan urusan pergi haji ataupun menguruskan kapalterbang pergi ke Mekah ini dapat menawarkan tambang yang lebih murah dan lebih menguntungkan bakal-bakal haji, maka hendaklah pihak

Lembaga urusan dan Tabung Haji ini memberi peluang dan memberi kerjasama kepada syarikat-syarikat yang menawarkan tambang lebih murah daripada apa yang dikemukakan oleh Lembaga Urusan dan Tabung Haji.

Tuan Pengerusi, satu lagi perkara yang saya ingin juga menyentuh iaitu mengenai Kepala B. 9—Jabatan Kehakiman. Saya hanya ingin menyentuh sedikit sahaja mengenai sungutan daripada orang-orang ataupun orang yang didakwa di mahkamah dalam masalaah penentuan tarikh perbicaraan. Apa yang kita dapati kebelakangan ini kadang-kadang satu kes yang kecil sahaja, misalnya, terpaksa mereka itu menghadiri diri ke mahkamah sampai 4-5 kali, kadang-kadang sampai setahun 5-6 kali, hanya semata-mata hadir ke mahkamah itu untuk mendengar, kamu akan dibicarakan pada sekian-sekian haribulan. Maka apabila cukup sekian hari bulan, hadir pula mereka itu, maka diberitahu lagi, kamu akan dibicarakan pada sekian-sekian haribulan. Maka baliklah mereka itu. Jadi setengah-setengah daripada kes-kes seperti ini ada juga yang melibatkan ramai yang dipanggil untuk menjadi saksi dan sebagainya sampai 5-10 orang, maka amatlah dukacita kerana perkara ini berlaku terus-menerus dan pihak berkenaan tidak membuat kajian, tidak memikirkan satu cara yang lebih baik supaya tidak merugikan masa rakyat kita untuk membuat pekerjaan. Jadi kalau sampai satu kes itu 5-6 kali menghadiri diri ke mahkamah hanya semata-mata untuk mendengar tarikh pindaan perbicaraan, lebih baiklah pindaan tarikh itu diberitahu dengan surat supaya mereka tidak payah menghadiri atau pergi ke mahkamah 10-15 batu. Beritahu sahaja dengan surat, kes kamu itu dipinda tarikhnya sehingga sekian haribulan. Jadi itulah satu masalaah yang saya fikir patut diperbetulkan dengan segera supaya tidak membuang masa rakyat kita di dalam negeri ini dan perkara seperti itu banyak sangat berlaku.

4.53 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka): Tuan Pengerusi, saya mahu menyentuh dua Kepala sahaja dan di samping saya bercakap dalam Bahasa Malaysia, saya mohon izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

Pertamanya, Kepala B. 4, Kajian Semula Bahagian Pendaftaran Tahunan Pemilihan dan Penyemakan Daftar Pemilih. Banyak

telah ditegur dan diperkatakan oleh semua pihak dalam Dewan ini bukan sahaja dalam mesyuarat ini, tetapi juga dalam mesyuarat yang dahulu. Sungguhpun Kerajaan mengumumkan ada ditubuhkan satu Cabinet Committee dengan dianggotai oleh Menteri-menteri Kabinet, tetapi hasil daripada Cabinet Committee itu sangat tidak memuaskan. Apa yang kita dapat tahu ialah daripada kajian-kajian Cabinet Committee itu dengan Election Commission mengenai kelemahan-kelemahan, kesilapan-kesilapan yang dijalankan dalam kajian atau Pendaftaran Tahunan Pemilih dan Penyemakan Daftar Pemilih tahun demi tahun ialah untuk tahun yang baru. Dalam tahun ini Suruhanjaya Pilihanraya tidak akan menghantar pekerja-pekerja dari rumah ke rumah, tetapi akan mengadakan Static Centres, Pusat Pendaftaran Tetap di mana pengundi-pengundi boleh pergi mendaftarkan nama mereka sebagai pengundi-pengundi. Saya rasa ini satu perubahan yang tidak boleh membetulkan keadaan di mana dapat menjamin setiap warganegara yang berumur lebih 21 tahun boleh didaftarkan namanya dalam buku-buku daftar pemilih.

Pertamanya, Pusat-pusat Pendaftaran Tetap itu sekiranya tidak cukup kakitangan untuk keperluan rakyat kawasan itu tidak akan berkesan.

Keduanya, sekiranya Pusat Pendaftaran Tetap ini dibuka dalam masa pejabat antara 8.00 pagi-4.30 petang, itupun tidak berguna oleh kerana ramai pekerja-pekerja yang mahu mendaftar mempunyai kelapangan selepas masa bekerja. Saya harap dua teguran ini akan dapat pertimbangan pihak yang berkenaan, tetapi saya berani mengatakan bahawa ini pun tidak akan memuaskan hati oleh kerana saya rasa kita sudah sampai kepada satu keadaan di mana boleh dikatakan.

(*Dengan izin*) Every Malaysian is born to an identity card and I think in the same way every Malaysian should be born to a voting right which can easily be based on the identity card system. Just now, the Honourable Member for Kangar raised the question of preventing double voting and he suggested, for instance, that the identity card should have a certain mark after a person has voted to indicate that a person has voted and this would effectively prevent a second voting. I think it is a very good suggestion and the

Election Commission can give serious thought to it, but it also shows that by using the basis of the identity card we can introduce a system whereby every citizen becomes a voter. Every one who holds an identity card holds a voting card with a number as well—it can be the same card number—and whoever moves about will have to notify the change of address, as required by law, to the Registration Department which in turn can notify the change of address to the Election Commission. In any event, although there may be some other little problems, I believe these are all problems which are minor compared to the basic fundamental principle that every Malaysian should have the right to vote, and I hope those concerned can give this a genuine consideration.

I wish here to raise one or two minor matters concerned with the registration of voters and also with regard to the holding of the 1974 General Elections in the hope that these matters can be looked into and that they will not be repeated in the future.

Firstly, it is necessary that the electoral registers should be easily available to the public, to the voters. During an election time there is no easy way of checking the electoral register for those who want to see whether their names are on any particular voting district. I would suggest that during an election campaign, the Election Commission should be responsible to set up various centres in each constituency whereby voters can go and check the electoral register at their convenience to see whether their names are at a particular district or at a particular area, because otherwise invariably there have been instances where voters have had to go from one voting area to another voting area, taking up not only considerable time but expending considerable nervous energy.

Secondly, apart from the election campaign period, during the non-election campaign period the electoral register should also be available and accessible to the public, which is not the case. For instance, at present if anybody wants to check whether his name is on a particular electoral roll there is no way or means of checking at all, which I think is a great defect, and I hope that this can be remedied and that during the period of the registration of voters—until such time that the authorities concerned can see light to introduce automatic registration—during the

period of the registration and revision of voters the electoral register can be made easily accessible as well because while in theory it is accessible during the revision of voters' exercise but in practice it is not.

Kuala Lumpur is a very good instance. A person who wants to check his name on the electoral rolls may live somewhere in Kuala Lumpur but he would have to go all the way to Petaling Jaya to find out and be told that his electoral roll is somewhere in Kepong. To expect an ordinary person to go round all over Kuala Lumpur to look for his electoral book is, I think, ridiculous and the height of inefficiency.

During the 1974 Elections, there were some areas where there was very poor organisation in terms of division of voting centres whereby, as a result, voters, the old and the young, men and women, had to queue up sometimes for 3, 4 or even 5 hours in order to cast their votes. These are very simple organisational problems and after so many years—at least 3 or 4 rounds of General Elections—the Election Commission should be well equipped with all the expertise necessary to see that such things which cause great inconvenience to the people do not occur, that the election should be so organised whereby you do not have to have people queueing up for 4 or 5 hours under the hot sun and some fainting away and having to be sent to hospital.

Tuan Pengerusi, saya sentuh kepada Kepala B. 1—Parlimen. I think it is a most unhappy state of affairs whereby Members of Parliament come to this House everyday very uncertain as to the placement of their oral questions. I think what is needed is that the Administration should be able to guide Members of Parliament as to how questions are being placed. What we need are guidelines—I appreciate probably certain discretions have to be exercised—but there must be certain guidelines as to whether the placement depends on

- (1) how early the questions are sent in;
- (2) on the basis of the seniority or precedence;
- (3) or on what basis the questions are placed.

At present, I would say every Member of Parliament, whether in the Opposition or in the Government Benches, does not know on

what basis questions are being placed. We were given to understand at first that it was on the basis that those who sent in early will have their questions coming up earlier, subject to Cabinet seniority basis. But then we find today, for instance, if we compare the Order Paper that is printed for the whole meeting and today's Order Paper it is just *kelam-kabut*. For instance, if it is on the basis of the Ministry, if that is the case, I just cannot understand why, for instance, my question No. 13 directed to the Minister of Education has gone down to No. 24 whereas another Member's question to the Minister of Education far down has come up taking earlier precedence. This is just to illustrate that we feel very frustrated as to on what basis and what guidelines questions are placed and it would also, I am sure, lighten the work of the Administration by not receiving daily phone calls in order to find out how the questions have been placed. I therefore hope that clear guidelines can be given to Members of Parliament and that no impression of arbitrariness is created and that questions which are nasty, unpleasant but nonetheless relevant, are always found at the end of the slot.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat yang akhir sekali bercakap, selepas itu Yang Berhormat Timbalan Menteri akan menjawab.

5.04 ptg.

Tuan Ariffin bin Haji Daud (Permatang Pauh): Tuan Pengerusi, saya ucapkan ribuan terima kasih kerana membenarkan saya bercakap.

Yang pertama, saya ingin menyentuh di atas Kepala B. 7 iaitu Lembaga Urusan dan Tabung Haji. Kerap kali kita mendengar dan membaca dalam suratkhbar bahawa Lembaga Urusan dan Tabung Haji ada mempunyai ladang kelapa sawit, kilang-kilang dan ini akan memberi satu pendapat bahawa pengurusan Lembaga Urusan dan Tabung Haji cukup cekap dan beres. Akan tetapi malangnya kadangkala ada ketikanya di mana keburukan pengurusan Lembaga Urusan dan Tabung Haji terang-terang terlihat, misalnya apabila kapal haji pulang dan berhampiran dengan dermaga Butterworth, di situ kita tengok, kalau dalam bahasa Inggeris dipanggil sebagai mad house (rumah gila) iaitu tidak ada sistem langsung. Di luar

dekat gate sana ditempatkan penjaga-penjaga, pengawal-pengawal; di dalam sana ada dua-tiga orang kakitangan Lembaga Urusan dan Tabung Haji dan apabila timbul masalah-masalah, pengawal di luar kata dia tak ada kuasa kena pergi berhubung dengan pegawai Urusan dan Tabung Haji di dalam, tetapi dia tak benarkan hamba Allah ini masuk. Ini adalah satu daripada perkara yang pada fikiran saya elok diambil perhatian oleh Lembaga Urusan dan Tabung Haji, elok juga ditempatkan wakil-wakil di luar pagar supaya dapat orang ramai berhubung apabila timbul masalah-masalah.

Lagi satu perkara ada juga saya dapat kesempatan naik ke atas kapal apabila ia hampir dengan dermaga dan di situ juga kadang-kadang hairan, Tuan Pengerusi, bagaimana manusia ini boleh hidup atas kapal apabila kedudukan begitu buruk, ada setengah-setengahnya tidur di tempat simpan barang. Jadi, ini yang saya hendak tahu samada mereka ini naik percuma (free) ataupun bayar duit. Kalau mereka bayar tambang mengapa pula keadaan mereka di biar begitu buruk?

Lagi satu perkara elok juga saya menyeru kepada pihak yang berkenaan supaya mengambil perhatian bahawasanya di tempat-tempat di mana kapal ini berhampiran untuk memindahkan mereka yang pulang dari tanah suci, samada di Port Kelang ataupun Butterworth, saya cuma menumpukan perhatian di Butterworth bahawasanya dalam kawasan itu penjaja-penjaja tidak dibenarkan masuk. Apalah kiranya kalau Lembaga Urusan dan Tabung Haji menempatkan tempat-tempat minuman apabila Lembaga ini telah mendapat begitu besar keuntungan, minuman air sejuk sahaja pun sudah cukup, kerana mereka terpaksa menunggu di situ daripada pukul 7.30 pagi kadang-kadang sehingga pukul 7 atau 8.00 malam. Saya menyeru kepada pihak ini supaya ada kerja rapat dengan Lembaga Pelabuhan Pulau Pinang dengan pihak Polis dan sebagainya untuk melicinkan lagi dan mengurangkan kesusahan dan penderitaan kepada mereka samada mereka yang balik daripada tanah suci ataupun mereka yang datang untuk mengambil mereka ini pulang.

Yang kedua, saya ingin menyentuh sedikit atas Jabatan Perkhidmatan Awam di bawah Kepala B. 8, terutama sekali pegawai-pegawai yang ada berkaitan dengan urusan pencen dan sebagainya. Apabila seorang

yang menerima pencen itu meninggal dunia balunya memerlukan pertolongan janganlah pula sehingga 7-8 pucuk surat dihantar, jangan kata hendak ambil tindakan, jawapan pun tidak ada. Mana salahnya saya tak tahu, tetapi ini telah berlaku sehingga terpaksa hendak kena hantar kepada Perdana Menteri sendiri melaporkan perkara ini pada hal perkara ini tak semestinya timbul.

Saya tahu berkenaan dengan pencen ini satu perkara yang rumit, tetapi sekurang-kurangnya hantarlah surat bahawasanya permohonan si anu-anu dalam pertimbangan. Itu pun cukup. Tetapi itu pun tidak dijalankan.

Dan lagi satu perkara mungkin ini terlibat peraturan dan mungkin juga terlibat undang-undang. Ada ketikanya di mana baki pencen itu kadang-kadang \$200-\$300 kurang daripada \$1,000 janganlah dikehendaki supaya balu yang berkenaan itu dipaksa mengambil surat kuasa harta pusaka iaitu letters of administration, kerana ini akan mengakibatkan court fees, stamp fees, duit peguam dan sebagainya dan sekurang-kurangnya pun perbelanjaan itu sahaja \$200-\$300. Apabila ditolak ini apakah lagi yang tinggal kepada hamba Allah yang memerlukan haknya? Jadi, saya menyeru dan merayu apalah kiranya menggunakan discretion di mana apabila jumlah itu, misalnya, kurang daripada \$1,000 dikecualikanlah daripada pemohon itu mengambil letters of administration dan sebagainya, kerana ini akan memberi faedah yang tidak terhingga 7-8 bulan atau setahun baru hendak dijawab. Mungkin kerana kakitangan tidak cukup. Tetapi kalau kakitangan tidak cukup tindakan mesti diambil supaya perkara ini dapat diatasi kerana mereka yang terlibat ini memerlukan pertolongan, memerlukan wang.

Yang Ketiga, Kepala B. 9—Jabatan Kehakiman. Di Jabatan ini banyak perkara keganjilan berlaku. Saya hendak sebutkan satu tempat sahaja, kerana saya percaya kejadian di satu tempat ini memang standard example dengan lain-lain tempat juga. Misalnya, di Bukit Mertajam—Mahkamah buruk Bukit Mertajam, kalau tidak silap saya, bangunan ini didirikan pada tahun 1936 pada ketika itu bangunan itu memanglah standard memang cantik, tetapi sekarang tahun 1975. Jadi sudah banyak rayuan telah dibuat kepada Jabatan yang berkenaan sehingga Ketua Pendaftar sendiri

kerap kali pergi melawat, tetapi timbul satu masalah pula, kerana ada ura-ura bahawa Jabatan-Jabatan Kerajaan di Bukit Mertajam akan pindah ke Bagan Serai, jadi sebab itulah tidak memerlukan didirikan bangunan mahkamah yang baru. Kalau itu lah lojiknya perkara ini kita boleh terima. Tetapi dalam ketika itu juga bangunan Ibu Pejabat Polis, saya ingat \$2½ juta sedang didirikan dalam kawasan itu juga. Jadi mana ada lojik mengatakan mahkamah baru tidak boleh didirikan, kerana Jabatan Kerajaan akan pindah ke tempat lain, padahal ketika itu juga Ibu pejabat Polis didirikan? Ini saya kata satu perkara ganjil. Sudah banyak kali ketua-ketua daripada Ibu Pejabat datang ke tempat itu, dia sendiri setuju buruk benar tempat ini, tetapi apa tindakan pun tidak dibuat.

Baru-baru ini telah dikemukakan dalam Dewan yang mulia ini bahawasanya kekurangan pegawai-pegawai yang menjalankan kehakiman dan Kerajaan telahpun mengambil satu inisiatif untuk mengambil pegawai-pegawai MAS iaitu Malay Administrative Service, kalau saya tidak silap, untuk jadi pengadil ataupun Mejistret dan mereka ini telah dihantar intensive course satu bulan setengah—lepas itu dikehendaki menjalankan tugas-tugas kehakiman sebagai mejistret. Pada fikiran saya ini bukan masa dahulu, ketika dahulu boleh A.D.O. atau D.O. menjalankan tugas kehakiman, sebab dahulu kes-kes yang dikehendaki dihakimkan ialah kes-kes curi ayam, curi basikal dan sebagainya. Pada ketika ini dalam Dewan ini juga kita telah meluluskan undang-undang yang memberi kuasa lebih luas kepada mereka yang menjalankan tugas-tugas kehakiman dan dengan secara menghantar pegawai berkursus satu bulan setengah intensive course, saya ingat ini bukan boleh melicinkan lagi pentadbiran kehakiman tetapi akan menjadi kelam-kabut lagi. Dan ada pula kata-kata daripada pegawai-pegawai yang menjalankan tugas hakim mengatakan: Tidak mengapa, mereka ini tidak ada pengalaman, sebab kita perlu mengadakan peguam-peguam yang ada pengalaman (experience) sekurang-kurangnya dua tahun di bawah Peguam Kanan kerana peguam-peguam ini boleh memberi bimbingan kepada mejistret-mejistret yang tidak ada experience ini. Saya tidak nampak sedikit lojik dalam perkara ini. Mengapa pula dipertugaskan tugas ini kepada peguam-

peguam untuk menunjuk dan memberi nasihat kepada mereka yang menjalankan kehakiman atau keadilan? Peguam sendiri ada masalaahnya. Jadi, ada pula kata bahawa peguam-peguam yang baru tidak boleh mengamal berseorang, mestilah dalam masa dua tahun menjalankan amalan di bawah peguam-peguam yang berpengalaman, kalau tidak peguam-peguam yang baru ini tidak boleh memberi panduan dan nasihat kepada Pengadil-pengadil. Ini satu perkara yang tidak lojik sebab tugas untuk membolehkan seseorang itu menjalankan tugas kehakiman mestilah datang daripada Jabatan Kehakiman sendiri. Sungguhpun seorang peguam itu ia juga jadi Pegawai Mahkamah, tetapi tugas ini mestilah diberi kepada Jabatan Kehakiman sendiri.

Tuan Pengerusi, sungguhpun kehakiman ini bebas, tetapi pada fikiran saya elok juga kita di Dewan yang mulia ini memberi sedikit teguran. Misalnya, keadaan-keadaan dalam lock-up di mahkamah, saya berani cabar mana-mana Pengadil atau President Sessions Court atau Senior President pergi satu jam cukup dalam lock-up di mahkamah, lebih buruk lagi daripada tempat simpan anjing di mana tempat orang-orang salah sebelum dibicarakan ditahan.

Lagi satu perkara yang elok juga diberi teguran; baharu-baharu ini kerap kali juga kita dengar bahawa pesalah-pesalah telah dibawa ke hadapan keadilan dengan tangannya digari. Pada hal tempat itulah dianggap sebagai sanctuary of justice, tetapi sebelum hendak dibicarakan—semasa kes hendak dibicarakan, belum didapati bersalah, dihadapkan di hadapan pegawai kehakiman dengan tangan digari; manakah perasaan sanctuary of justice ini akan timbul. Kalau pihak Pendakwa merasa ragu-ragu bahawa pesalah ini akan cabut lari, ini bukan tugas Pegawai Kehakiman, ini tugas pihak Polis untuk mengawal rapi di luar kawasan—di luar mahkamah, tetapi bukanlah dengan digari tangan di hadapan mahkamah untuk dibicarakan, kerana sebelum didapati salah seseorang itu mengikut Undang-Undang dia tidak bersalah dan inilah satu konsep yang kita sangat sanjung tinggi dan kalau konsep ini dipecahkan, saya ingat tugas kita khasnya dalam Dewan yang mulia ini untuk membetulkannya.

Saya sokong 100% di atas Anggaran Perbelanjaan Tambahan ini dan saya sudah dengan berbanyak terima kasih.

5.22 ptg.

Datuk Sri Haji Kamaruddin bin Haji Mat

Isa: Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi sokongan kepada peruntukan yang telah kita bentangkan pada awal tadi. Dan ada di antara Ahli-ahli Yang Berhormat itu telah mengambil peluang menyentuh, walaupun perkara-perkara itu agak tidak kena pada tempatnya, tetapi walau macam manapun saya cuba mengambil peluang, mengambil ingatan perkara-perkara ini untuk dirujuk kepada semua jabatan-jabatan yang berkenaan bagi diambil perhatian mengenai perkara-perkara tersebut.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar telah menyentuh berhubung dengan perkara gaji pegawai-pegawai di Jabatan Parlimen ini. Memang telah ada sebuah Jawatankuasa yang membuat kajian dan sedang membuat pertimbangan dengan teliti termasuk perkara-perkara yang difikirkan perlu diberi faedah-faedah ataupun ganjaran-ganjaran yang seimbang dengan tugas-tugasnya.

Ahli Yang Berhormat itu juga menyentuh perkara Suruhanjaya Pilihanraya. Untuk tidak mengambil masa panjang saya rasa saya akan rangkumkan sekali mana-mana Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh perkara ini iaitu Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kepong, Saratok, Kangar, Ipoh, Ledang, Ulu Nerus, Kota Melaka dan juga Permatang Pauh. Memang menjadi hasrat Suruhanjaya Pilihanraya kita untuk memberi peluang yang luas kepada semua rakyat yang berhak menjadi pengundi mendaftar diri masing-masing menjadi pengundi. Dan kitalah sebuah negara yang benar-benar mengamalkan dasar demokrasi yang sungguh-sungguh dengan tidak payah dipaksa-paksa bagi seseorang itu mendaftarkan diri untuk menjadi pengundi, kerana ini bukanlah menjadi tugas bagi Suruhanjaya ini memaksa seseorang itu sehingga mereka itu mesti mendaftar tetapi pemberitahu-pemberitahu yang luas melalui mass-media Kerajaan adalah dijalankan. Apabila tiba masanya, kita umumkan menerusi radio,

bukannya sekali, bahkan diulang berkali-kali. Begitu juga menerusi TV, suratkhbar, Jabatan Penerangan dan lain-lain mass-media Kerajaan.

Berhubung dengan kajian untuk diadakan pendaftaran sepanjang tahun, buat masa ini masih dalam kajian dan pihak Jawatankuasa yang dibentuk telah membuat kajian, mungkin tidak juga akan memberi kesan yang baik dalam masaalah ini. Oleh itu, satu cara yang lebih praktik akan diadakan oleh Suruhanjaya ini dengan mengadakan cara-cara yang memberi lebih efektif dalam usaha-usaha merayu orang ramai mendaftar diri menjadi pengundi-pengundi.

Berhubung dengan perkara meminta supaya badan-badan politik mengambil bahagian, maka ini dikhuatirkan akan menjadi satu keadaan yang kelam-kabut, mungkin masing-masing akan menjalankan pengaruh dan membangkitkan keadaan-keadaan yang tidak begitu tenang. Syor-syor daripada Ahli-ahli Yang Berhormat kepada ketua-ketua kampung, barangkali ini mungkin dapat dipertimbangkan oleh kerana mereka itu sebagai orang bebas dan orang yang benar-benar ada hubungan dengan rakyat di satu-satu kawasan itu.

Begitu juga berhubung dengan pendaftaran dua, tiga atau empat kali yang dikhuatirkan mungkin ada berlaku pada masa yang sudah-sudah, dan perkara ini sudah dikaji oleh Suruhanjaya dan telah didapati perkara ini dan nama-nama mereka itu telah dipotong. Dan mungkin sistem-sistem yang lebih teratur mengikut zaman moden iaitu dengan cara menggunakan sistem computer bahawa satu orang itu walaupun namanya sama tetapi kad pengenalnya tetap tidak sama, maka sudah tentu computer boleh menentukan kalau sekiranya pendaftaran yang kita buat centralise itu kelak dapat diatur dan kita terus boleh tanyakan kepada computer kita samada nama si anu itu kad pengenalan ini ada didaftarkan dalam mana-mana dalam Persekutuan. Jadi, masaalah ini dari satu masa ke satu masa mungkin dapat kita atasi kerana pada masa pilihanraya tahun 1974 yang lalu juga banyak nama-nama yang berdaftar dua kali itu telah dipotong daripada buku daftar pengundi.

Walau bagaimanapun, segala pandangan-pandangan yang diberi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat kiranya ada perkara-perkara yang

agak sesuai akan diberi perhatian dan pertimbangan oleh Suruhanjaya ini. Bagaimana kita faham Suruhanjaya ialah sebuah badan bebas yang menentukan demokrasi dan keadilan di negara kita ini berjalan dengan baik dan tiap-tiap seorang rakyat akan mendapat hak dan peluang mereka dengan cara tidak terganggu dan tidak ada takut atau tidak ada paksaan daripada sesiapa pun.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar ada menyentuh berhubung dengan perkara keretapi. Yang sebenarnya, B. 6 Suruhanjaya Perkhidmatan Keretapi, tetapi beliau telah menyentuh tentang pentadbiran keretapi, orang beli tiket tidak dapat tempat duduk. Ini memanglah ada sekali-sekala berlaku, barangkali ada temasya-temasya yang ramai mungkin ada keadaan begitu, tetapi tidaklah selalu orang yang beli tiket tidak dapat tempat duduk dalam keretapi. Walau bagaimanapun, pihak Jabatan Keretapi sedang memodenkan perjalanan keretapi kita dengan mengoder banyak gerabak-gerabak dan juga kepala-kepala keretapi yang baru termasuk menukarkan landasan-landasan keretapi yang baik bagi mempercepatkan perhubungan dan perjalanan menerusi keretapi kita.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong juga menyentuh perkara Suruhanjaya Pilihanraya, itu saya sudah jawab tadi. Berhubung dengan perkara kesulitan pengundi-pengundi, beliau meminta supaya diadakan pengundian sepanjang tahun, ini akan dijalankan satu sistem yang baru yang boleh memberi lebih peluang lagi kepada rakyat dan orang ramai mendaftarkan diri-diri mereka termasuk juga menyemak bagi tiap-tiap orang yang telah sedia ada.

Ahli Yang Berhormat itu juga menyentuh berhubung dengan Kepala B. 9—Jabatan Kehakiman. Banyak kes-kes yang menimbun-nimbun yang memerlukan pembicaraan ataupun diberi perhatian. Pihak Jabatan Kehakiman memang cuba berusaha untuk mengatasi masaalah-masaalah ini. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, segala backlog yang ada itu sudah diusahakan dengan cara pada masa ini kita telah menambahkan sebanyak 17 orang lagi pegawai-pegawai Perkhidmatan Pentadbiran Am yang mempunyai Ijazah Am (B.A.) telah diberi latihan khas dalam bidang undang-undang dan telah mula berkhidmat sebagai mejistret pada awal bulan ini. Jadi tidak benarlah kalau ada Ahli Yang Berhormat yang me-

ngatakan diambil Pegawai-pegawai Rendah sahaja, Pegawai MAS untuk dilatih 1½ bulan. Yang sebenarnya, pegawai-pegawai yang mempunyai Ijazah B.A. dan diberi kursus khas di bidang undang-undang seramai 17 orang yang telah diambil dan mereka ini telahpun mula menjalankan tugasnya sebagai mejistret di kebanyakan bandar-bandar di negara kita ini.

Berkenaan dengan untuk menambahkan lagi hakim-hakim ini juga sedang dibuat kajian dari masa ke semasa. Jadi ini adalah di bawah kuasa D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk memutuskan samada hendak melantik hakim-hakim yang baru. Pihak Suruhanjaya ini bolehlah mengemukakan dan memohon limpah perkenaan kelulusan dari Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Ahli Yang Berhormat dari Saratok yang mendesak supaya diberi parti-parti politik mendaftar mengundi telah saya jawab pada awal-awal tadi, dan pegawai-pegawai boleh pergi ke rumah-rumah panjang. Ini mungkin akan kita timbangkan seperti yang disyorkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Kangar tadi, iaitu kalau sekiranya ada Ketua-ketua Kampung yang amanah mungkin boleh ditimbangkan, lebih mudah lagi supaya tidak menyusahkan orang kita daripada luar bandar juga dan daripada rumah-rumah panjang ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kangar, saya sudah jawab sebentar tadi berhubung dengan syornya itu.

Berhubung dengan perkara Suruhanjaya Keretapi ini pun yang sebenarnya minta satu peruntukan yang kecil sahaja—\$1,993.00.

Di bawah Kepala B. 7, memanglah Jabatan Perdana Menteri ada Bahagian Ugama. Jadi inilah kita ada peruntukan tafsiran Al-Quran yang kita namakan Pimpinan Al-Rahman, dan sekarang ini sudah kita citak dan sudah kita edarkan dan kita harap Ahli-ahli Yang Berhormat boleh membelinya daripada Pusat Islam kerana jilidnya begitu baik dan berharga \$10 bagi satu jilid.

Berhubung dengan Sebaran Am seperti Ahli Yang Berhormat bayangkan itu memanglah menjadi hasrat pusat Islam kita, Bahagian Sebaran Am ini akan diadakan

lebih banyak lagi. Baru-baru ini kita keluarkan Al-Yakin yang bersiri-siri. Al-Yakin yang pertama ialah berhubung dengan perkara jenayah arak dan ini telahpun didedarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Jadi untuk makluman-makluman Ahli Yang Berhormat kerana rayuan tadi telah diberi, kita akan ambil ingatan untuk menyebarkan perkara ini dengan lebih luas, mungkin kepada Jawatankuasa Kemajuan Kampung, Penghulu ataupun menerusi Jabatan-jabatan Agama Negeri-negeri untuk disalurkan kepada Pegawai-pegawai surau dan madrasah. Jadi memang ada satu Jabatan khas yang mengadakan sebaran am ataupun mentafsirkan ayat-ayat Al-Quran ini.

Ahli Yang Berhormat dari Ipoh musykil perkara tambahan \$11,000 untuk mahkamah. Yang sebetulnya mahkamah di Ipoh itu telah siap. Sebagaimana yang kita sedia maklum oleh kerana bangunan yang kita buat dalam tempoh inflasi ini sudah tentu memerlukan tambahan-tambahan bagi memperlengkapkannya. Jadi itulah diminta peruntukan \$11,000 lagi untuk memperlengkapkan kelengkapan mahkamah tersebut yang mana mahkamah itu berharga \$596,000 hari ini telahpun siap. Jadi, nampaknya Ahli Yang Berhormat itu menegur pula apa guna ada bangunan kalau kes-kes tidak dibawa. Saya rasa pandangan Ahli Yang Berhormat itu tidak lojik dan tidak munasabah, sebab kalau tidak ada bangunan itu Ahli Yang Berhormat itu akan mengkritik pula iaitu perbicaraan ini dijalankan dalam kandang kerbau—sebab rumah bangsal yang dibuat daripada atap, dindingnya buluh—barangkali tentu berkata begitu. Jadi biarlah keadaan kita sesuai mengikut kemampuan. Dengan sebab itu apa yang kita jalankan ini, kita plan, kita rancang dan kita laksanakan mengikut kemampuan peruntukan kita dari tahun ke-tahun. Jadi ini juga menjawab pandangan Yang Berhormat dari Permatang Pauh yang hendak mahkamah cantik. Memanglah bila sampai giliran masanya, kita akan mengadakan mahkamah baru. Ahli Yang Berhormat tadi tegor mengatakan kandang orang salah di kawasan Ahli Yang Berhormat di Permatang Pauh itu sama seperti kandang—tidak patut disebut—disamakan kandang anjing. Yang sebenarnya kandang anjing teruk lagi, dia duduknya di belakang rumah. Ini dalam mahkamah, tempatnya elok, letrik ada, kipas angin, kadang-kadang ada

air-condition. Jadi itulah sebabnya mahkamah di Ipoh ini kita buat moden, cantik dan kita minta \$11,000 lagi supaya keadaan-keadaan lebih selesa, bukan sahaja kepada pihak Tuan-tuan Hakim, Mejistret tetapi juga kepada pihak yang kena dakwa dan pendakwa-pendakwanya sekali.

Berhubung dengan perkara-perkara yang disebutkan itu memang disedari oleh kerana banyak kejadian-kejadian dan kemampuan-kemampuan kakitangan-kakitangan dalam mahkamah-mahkamah agak berkurangan. Walaupun begitu, pihak Jabatan-jabatan Kehakiman sentiasa mengatasi masaalah ini, dan mungkin dalam tempoh yang tidak berapa lama lagi segala yang dimusykilkan oleh Ahli Yang Berhormat ini akan dapat diatasi pada keseluruhannya. Dan memang telah menjadi hasrat Jabatan Kehakiman untuk mengadakan tape-recorder di mahkamah-mahkamah selain daripada stenographer yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu, cantik pun tidak apa tidak cantik pun tidak apa. Itu terpujanglah kepada kepandaianya sahaja bukan kita pilih kepada masaalah cantik, tetapi ketetuliannya selalu cantik. Jadi selain daripada stenographer, tape-recorder juga mungkin akan digunakan dan bahagian khutubkhanah juga akan ditambah di mahkamah-mahkamah di seluruh negara kita.

Ahli Yang Berhormat dari Ledang menyatakan berhubung dengan perkara pendaftaran ini juga, rasa saya sudah saya jawab tadi iaitu berkenaan dengan Suruhanjaya Pilihanraya, terutama sekali bagi penduduk-penduduk luar bandar, mungkin kita akan hubungi menerusi Ketua Kampung ataupun menerusi Jawatankuasa Kampung untuk mengambil initiative supaya tiap-tiap orang luar bandar dapat mendaftar. Sekiranya terjadi keadaan yang sudah-sudah maka orang satu kampung ini terpaksa mengundi jauh dari perkampungannya, ini ialah kerana perpecahan kawasan baru-baru ini. Di masa akan datang setelah pendaftaran semula dijalankan mungkin dapat diatur selaras dengan keadaan baru. Jadi orang-orang yang berada dalam satu kampung itu dapat mengundi di dalam kampung sendiri.

Berhubung dengan pendaftaran dua kali mungkin tidak akan berlaku lagi dan ini mungkin akan menjadi kesalahan besar

kepada orang mendaftar dua kali, dan dengan alat moden yang saya katakan, perkara ini kita akan dapat kesan kelak.

Menyentuh teguran kepada Lembaga Urusan dan Tabung Haji, nampaknya mendapat teguran hebat. Ahli-ahli minta jumaah haji kita dikumpulkan setempat di Mekah, jawapannya tidak boleh. Tambahan pula peraturan baru ini yang telah diadakan oleh Kementerian Haji dan Wakaf Saudi Arabia seperti yang diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas tadi, bahawa jumaah-jumaah haji akan berada di sana hanya dalam tempoh 40 hari sahaja, iaitu 30 hari di Mekah dan 10 hari di Madinah, mereka itu mestilah melalui sheikh-sheikh haji yang telah ditentukan. Jadi tentulah rumah Sheikh itu berasingan misalnya, Sheikh Daud duduk di bukit ini ataupun di kawasan ini dan Sheikh Abdul Rahman Mubarakh pula di kawasan lain. Sheikh-sheikh ini ditentukan di sini sebelum kita bertolak daripada Malaysia apabila pas haji dan visa kita dapat di visa itu akan dicap serta terus ditulis. Jadi, jumaah-jumaah haji dari sini lagi telah ditentukan di mana patut dia duduk di Mekah bagi tahun ini. Ini adalah peraturan baru, pintu soal yang ada di Jeddah itu tidak diadakan lagi. Pihak Lembaga Urusan dan Tabung Haji ada menubuhkan anak syarikatnya sehingga menyewa sebuah bangunan yang cantik di Madinah. Tetapi bangunan itu tidak didiami atau tidak diduduki oleh ahli-ahli daripada Lembaga Urusan dan Tabung Haji sendiri, sehingga boleh dikatakan Lembaga Urusan dan Tabung Haji menghadapi kerugian, kerana menyewa bangunan yang cantik ini. Jadi selaras pula dengan peraturan baru yang dikenakan oleh Kerajaan Saudi Arabia ini, maka sudah tentulah kita tidak dapat hendak menempatkan jumaah-jumaah haji menerusi ahli-ahli Lembaga Urusan dan Tabung Haji kita ini kepada satu tempat sahaja di Mekah dan di Madinah ataupun di Arafah, kerana kita kena melalui Mutawiff ataupun Sheikh-sheikh yang telah ditentukan oleh Kerajaan Saudi Arabia.

Berhubung dengan kapalterbang, bayarnya tahun ini menerusi MASlah yang semurah-murah sekali iaitu dianggarkan \$1,725 dan bukan Lembaga Urusan dan Tabung Haji hendak memonopoli hanya melalui MAS sahaja. Kita ada benarkan tiga buah syarikat

swasta menjalankan daya-usaha untuk menolong membawa jumaah-jumaah haji ini dengan kapal udara ke Mekah dan ke Jeddah. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum Lembaga Urusan dan Tabung Haji dan Kerajaan sendiri tidak dapat membenarkan dengan sewenang-wenangnya syarikat-syarikat ditubuhkan, kerana telah berlaku kegagalan pada tahun lalu. Ada orang-orang yang hendak mengikut pihak swasta katanya lebih murah, akhirnya dibawa sampai ke Bangkok dan terkandas di sana. Ada juga yang terkandas di beberapa tempat lagi yang mana akhirnya melepek orang-orang kita dan hampir-hampir kebuluran. Jadi kita tidak dapat mengizinkan keadaan ini berlaku sekiranya kita tidak dapat bukti yang menyakinkan bahawa satu-satu syarikat itu benar-benar boleh mengambil tanggungjawab. Kalau sekiranya ada orang-orang yang boleh bawa harganya murah daripada ini, mungkin ini satu perkara yang tidak logik, tetapi kalau ada syarikat yang sanggup bawa lebih daripada harga ini barangkali itu munasabah, kerana tambang yang ditentukan oleh MAS ini telah diselaraskan oleh Saudi Arabia Airline dan telah ditentukan harga-harga yang lain-lain yang dikehendaki bersama oleh Saudi Arabia Airline.

Berkenaan dengan pihak-pihak pendakwa yang lambat dibicarakan di mahkamah ini sedang dalam proses Jabatan Kehakiman bagi mempercepatkan pembicaraan dengan adanya tambahan 17 orang mejistret baru seperti yang saya maklumkan pada awal tadi.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka menyatakan berhubung dengan pendaftaran pengundi juga. Ini telah saya jawab tadi dan seolah-olah Ahli yang Berhormat itu menekankan bahawa tiap-tiap rakyat yang ada Kad Pengenalan berhak mengundi—jawabnya benar. Tetapi kita tidak boleh memaksa dia mendaftarkan menjadi pengundi. Mengenai pendaftaran menjadi pengundi ini hanya kita boleh rayu dan umumkan dan terpulanglah kepada dia, samada dia mahu menggunakan hak sebagai rakyat di dalam negara yang demokrasi seperti Malaysia, kerana kita tidak mewajibkan seseorang itu mendaftarkan menjadi pengundi.

Berhubung dengan soalan-soalan Ahli-ahli Parlimen baik daripada pihak Pembangkang atau penyokong tidak ada diskriminasi. Yang sebenarnya, barangkali secara kebetulan

sahaja sekiranya ada dahulu atau yang lain-lain, sepertimana yang telah dibayangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak pernah berlaku dan pernah timbul perkara diskriminasi.

Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh juga ada menyebutkan berkenaan dengan Lembaga Urusan dan Tabung Haji. Sebenarnya dengan tertubuhnya Lembaga Urusan dan Tabung Haji ini telah memberi banyak betul pertolongan dan kemudahan kepada bakal-bakal jumaah haji yang hendak menunaikan Fardu Haji Ke Mekah. Pendek kata, taraf daripada zaman penjajah dahulu dengan zaman sebelum merdeka dengan adanya Lembaga Urusan dan Tabung Haji ini sudah berubah. Walaupun begitu, menjadi azam yang sungguh-sungguh dan kuat daripada Kerajaan kita yang diamanahkan kepada Lembaga Urusan dan Tabung Haji ini supaya dapat mengelolakan keadaan ini lebih baik dari semasa ke semasa. Daripada himpunan-himpunan wang yang tidak menjejaskan ahli-ahli yang hendak menunaikan Fardu Haji, maka membolehkan Lembaga Urusan dan Tabung Haji meninvestkan wangnya samada di dalam syarikat-syarikat yang halal di sisi ugama dengan memasuki saham-saham ataupun mengadakan ladang kelapa sawit sepertimana yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat, seperti ladang kelapa sawit di Keratong yang mana hampir 10,000 ekar itu telah mula mengeluarkan hasil yang dapat dibanggakan, serta memberi peluang pekerjaan pula kepada hampir beribu rakyat kita, khususnya umat Islam dan dapat pula mencari nafkah di dalam ladang yang disediakan ini.

Kesulitan-kesulitan ahli-ahli kita turun di Dermaga Air Dalam ini memanglah disedari oleh kerana perkara ini baru, inilah tahun yang pertama sekali jumaah haji kita turun di Dermaga Air Dalam di Butterworth. Ini ialah oleh kerana permintaan daripada orang ramai, tetapi apa yang kita faham kekurangan-kekurangan kemudahan di situ bukanlah untuk passenger tetapi ialah untuk kargo-kargo. Walau bagaimanapun, orang-orang yang turun dan menyambut baru-baru ini hitung-panjang didapati adalah memberi pujian dan puas hati, kerana waris mereka tidak payah lagi menyeberang ke Pulau Pinang untuk menyambut saudara-mara mereka yang balik daripada Mekah, sebanyak 6 pelayaran bagi tahun ini. Walau bagaimanapun, pihak Lembaga Urusan dan

Tabung Haji sedang berusaha dengan pihak Lembaga Pelabuhan bagi mengadakan beberapa kemudahan lagi bagi tempat menyimpan motokar, kemudahan-kemudahan bagi passenger dan lain-lain yang ada di kawasan tersebut. Ini mungkin akan diiktirakan dari masa ke masa. Jadi mungkinlah ini akan diikhtiarkan dari semasa ke semasa dan pihak Lembaga Urusan dan Tabung Haji memang sedia dapat bekerjasama daripada anggota Polis, Ahli-ahli Lembaga Pelabuhan, Pengakap, Palang Merah, St. John Ambulan dan lain-lain yang sentiasa membantu jemaah-jemaah haji kita yang balik dan membantu urusan-urusan, layanan-layanan yang patut diberi sebagai sukarela kepada ahli-ahli jemaah kita yang baru balik daripada tanah suci ataupun yang baru hendak berangkat ke tanah suci.

Berhubung dengan permohonan pencen, perkara ini telahpun dijawab oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kepada soal-soal yang ditimbulkan dalam masa soal-jawab. Perkara ini memang telah disedari oleh Jabatan Perkhidmatan Awam. Kadangkalanya kelewatan-kelewatan itu ialah daripada Jabatan-jabatan yang berkenaan itu sendiri lambat menyampaikan borang pencen itu dengan keadaan yang betul kepada Jabatan Perkhidmatan Awam dan kepada Treasury kita. Walaupun begitu, usaha-usaha ini sedang diselaraskan dengan mengadakan kursus-kursus khas kepada kerani-kerani dan kakitangan-kakitangan di Jabatan-jabatan menerusi kursus di INTAN bagi membolehkan pegawai-pegawai muda kita menjalankan perkhidmatan yang lebih kemas dan cekap untuk mempercepatkan usaha-usaha pencen dan mengatasi masaalah-masaalah yang dihadapi oleh pihak-pihak yang berkenaan. Jadi kenalah diberi discretion sedikit kepada orang-orang yang agak kurang daripada seribu ringgit pencennya, begitu juga mereka yang telah meninggalkan waris yang hendak mengambilnya. Ini satu peraturan yang tertentu, procedure yang tidak dapat hendak dirombak kerana ini adalah bersangkutan dengan undang-undang, dan menjadi harta pesaka yang akan menimbulkan satu perkara yang tidak baik di kemudian hari kelak. Walau bagaimanapun, perkara ini akan diambil ingatan untuk dimaklumkan kepada Jabatan Peguam Negara untuk memberi pandangan dalam masaalah ini.

Berkenaan Kepala B. 9—Mahkamah hendak didirikan dan Ibu Pejabat Polis hendak dibangunkan. Ini memanglah tiap-tiap satu Kementerian atau tiap-tiap satu Jabatan itu ada mempunyai peruntukan tahunannya, jadi sudah tentulah barangkali kita tidak boleh bezakan kenapa Jabatan ini tidak mendirikan bangunan Mahkamah, kenapa Jabatan Polis boleh mengadakan bangunannya. Ini ialah peruntukan-peruntukan yang terupaya yang boleh diadakan oleh satu-satu Jabatan itu dari tahun ke tahun. Jadi masalaah yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu mungkin dapat diatasi pada masa yang akan datang.

Berhubung dengan masalaah pengadil baru sepertiimana yang dibangkitkan bahawa perkara ini telahpun saya jawab tadi iaitu kita telahpun mengadakan 17 pengadil yang telah berkhidmat pada awal bulan ini yang mempunyai ijazah B.A.

Berhubung dengan keadaan lock-up di Mahkamah, ini memanglah keadaan biasa. Tiap-tiap satu kesalahan itu mengikut Ordinan Polis mestilah dikenakan lock-up bagi perkara-perkara yang ada mengenainya di bawah seksyen yang berkenaan. Begitu juga orang-orang yang digari tangannya itu juga adalah di bawah sabit seksyen yang berkenaan tetapi apabila sampai di Mahkamah tentulah gari itu dilepaskan, kerana membolehkan dia bercakap dengan lebih bebas lagi.

Sekianlah sahaja, Tuan Pengerusi, perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini dan saya mengucapkan terima kasih bagi pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan akan mengambil ingatan atas perkara-perkara yang telah dibangkitkan.

Masalaah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$121,300 untuk Kepala B. 1; \$3,460,095 untuk Kepala B. 4; \$1,993 untuk Kepala B. 6; \$3,124,102 untuk Kepala B. 7; \$62,500 untuk Kepala B. 8; \$1,423,636 untuk Kepala B. 9; \$159,890 untuk Kepala B. 11; dan \$8,257 untuk Kepala B. 66 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua; wang sebanyak \$177,990 untuk Kepala B. 5 dan \$3,007,926 untuk Kepala B. 8 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Ketiga; dan wang sebanyak \$11,000

untuk Kepala P. 9 disetujukan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 4), Tahun 1973.

Tuan Pengerusi: Saya suka mengingatkan sebelum menjemput Yang Berhormat Menteri mengemukakan Anggaran Perbelanjaan Tambahan iaitu mengikut Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat hanya 2 hari sahaja selebih-lebihnya diberikan untuk membahaskan Anggaran Perbelanjaan Tambahan ini. Kita baru habis satu Kementerian sahaja, dan ada lagi 23 Kementerian semuanya—jadi ada 22 Kementerian lagi. Saya suka mengingatkan Ahli-ahli Yang Berhormat, kalau dapat ringkaskanlah ucapan, teguran dan sebagainya dan ditumpukan, dibataskan hanya kepada butir-butirnya sahaja dan tidak kepada dasarnya, kerana soal dasar sudah habis dibincangkan. Kita hanya ada satu hari sahaja lagi, iaitu esok untuk membincangkan kerana membahaskan dan membincangkan 22 Kementerian lagi. Jadi saya suka menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri mengemukakan anggaran Kementeriannya.

Kepala B. 22 (Jadual Pertama)—

Kepala B. 10. B. 22 dan B. 68 (Jadual Kedua)—

Kepala B. 13 (Jadual Ketiga)—

Kepala P. 22 (Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 4), 1973)—

Kepala P. 25 (Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 1), 1975)—

5.58 ptg.

Menteri Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi (Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud): Tuan Pengerusi, saya minta izin untuk mengemukakan Anggaran Perbelanjaan Tambahan bagi Kementerian Luar Negeri di samping mengemukakan Anggaran Perbelanjaan Tambahan bagi Kementerian saya sendiri iaitu nombor 10 dalam senarai yang telah dikeluarkan oleh Treasury pada masa ini—Kementerian Luar Negeri.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya peruntukan-peruntukan:

- (i) wang sebanyak \$1,530,000 untuk Kepala B. 22 Kementerian Luar Negeri dijadikan sebahagian daripada Jadual Pertama;

- (ii) wang sebanyak \$1,146,870 untuk Kepala B. 10—Jabatan Perangkaan dijadikan sebahagian daripada Jadual Kedua;
- (iii) wang sebanyak \$2,877,900 untuk Kepala B. 22—Kementerian Luar Negeri dijadikan sebahagian daripada Jadual kedua;
- (iv) wang sebanyak \$300,600 untuk Kepala B. 68—Kementerian Perancangan Am dan Penyelidikan dan Sosio-Ekonomi dijadikan sebahagian daripada Jadual Kedua; dan
- (v) wang sebanyak \$329,265 untuk Kepala B. 13—Kementerian Perancang Am dan Penyelidikan dan Sosio-Ekonomi dijadikan sebahagian daripada Jadual Ketiga.

Tuan Pengerusi, saya juga bercadang supaya peruntukan perbelanjaan Pembangunan iaitu Kepala P. 22 bagi tahun 1973 dan Kepala P. 25 bagi tahun 1975, kedua-duanya di bawah Kementerian Luar Negeri diluluskan.

Pada amnya perbelanjaan di bawah Kepala B. 68, Jadual Kedua dan B. 13, Jadual Ketiga adalah perbelanjaan untuk membiayai perbelanjaan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, sabar dahulu! Cuba kemukakan B. 22—Kementerian Luar Negeri semula.

Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud: Saya bacakan sekali lagi.

Tuan Pengerusi: Ya, sebab ini tidak mengikut susunan, jadi sukar sedikit.

Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud: Jadual Pertama B. 22; Jadual Kedua B. 10; Jadual Kedua B. 22; Jadual Kedua B. 68 dan Jadual Ketiga B. 13 dan bagi Perbelanjaan Pembangunan P. 22 dan P. 25.

Pada amnya, perbelanjaan di bawah Kepala B. 68, Jadual Kedua dan B. 13, Jadual Ketiga ialah perbelanjaan untuk mendirikan sebuah Kementerian baru pada bulan Oktober 1974 iaitu pertambahan perbelanjaan kerana menambahkan pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan hasil dari pembentukan sebuah Kementerian baru daripada yunit lama di bawah jagaan Perdana Menteri.

Kepala B. 10, Jadual Kedua di bawah Jabatan Perangkaan adalah menggambarkan keperluan tambahan bagi membayar bonus dan Elaun Bantuan Khas kakitangan dalam Jabatan itu dan juga untuk mendapatkan bekalan dan bahan-bahan dan pembelian-pembelian lain bagi alat-alat komputer.

Kepala 22, Jadual Pertama—Kementerian Luar Negeri. Wang tambahan adalah untuk membayarkan gaji dan elaun kepada kakitangan berikutan perubahan tanggaji kakitangan ambilan tempatan di 16 buah perwakilan Malaysia di luar negeri dalam tahun 1973.

Kepala B. 22, Jadual Kedua. Perbelanjaan tambahan itu adalah dikehendaki untuk peruntukan gaji berikutan dengan pelaksanaan Elaun Seberang Laut (Overseas Allowance) baru bagi kakitangan Malaysia di seberang laut kerana ada pertukaran cost of living di negara-negara masing-masing. Daripada peruntukan itu juga wang telahpun digunakan untuk melaksanakan pertukaran gaji locally recruited staff overseas.

Kedua, oleh sebab inflation maka sewa-sewa rumah telahpun naik dan peruntukan tambahan diperlukan untuk membayar elaun-elaun perumahan bagi pegawai-pegawai yang diam di seberang laut.

Ketiga, tambang bagi membawa pegawai-pegawai dan barang-barang mereka pun telah naik kerana shipping rate telah naik, jadi peruntukan tambahan pun dikehendaki untuk perbelanjaan dalam tahun 1974 itu. Wang itu juga adalah dikehendaki untuk membeli perabut-perabut sebagai pejabat dan rumah kediaman duta kita di seberang laut.

Mengenai peruntukan pembangunan dalam tahun 1973, iaitu Kepala P. 22, wang itu telah pun dikehendaki untuk membuat sebuah kompleks Canseri kita di New Delhi dan sebuah Canseri di Singapura yang baru.

Bagi perbelanjaan tambahan pembangunan dalam tahun 1975 di bawah Kepala P. 25 kita berkehendakan wang tambahan untuk memperbaiki dan membaharui tempat kediaman duta kita di Tokyo. Itulah penerangan amnya.

Penerangan yang selanjutnya adalah terkandung dalam Kertas Perintah 12, 14, 16, 18 dan 22 yang telah diedarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat.

6.07 ptg.

Dr Chen Man Hin (Seremban): Tuan Pengerusi, saya sangat sukacita dapat peluang bercakap dalam persidangan ini dan di sini saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) Sir, under Kepala B. 22 berkenaan dengan the Ministry of Foreign Affairs, I am glad to note that the Government has recognised the Governments of North Vietnam and also South Vietnam and Cambodia and also that ASEAN have declared that they are prepared to help to rehabilitate the countries concerned.

Mr Chairman, Sir, while we declare that we are prepared to help them, what the people there actually want is some help that is really concrete to rehabilitate them. Information from Hanoi has been received that an appeal has been made to all countries for help, unconditional assistance, to rehabilitate the country socially, economically and in other ways. I think there is the opportunity for Malaysia to take the lead again once more not only by lip-service that we will help them but by sending a mission to the countries concerned—well, Cambodia has closed her doors, but at least to North Vietnam and to South Vietnam to study conditions there—a technical mission, an economic mission and cultural mission to see exactly in what way, limited though our resources may be, we can help the peoples of North Vietnam and South Vietnam to put them back on their feet again. We must not only pay lip-service, but we also must have some concrete act of friendliness to the people of North and South Vietnam. This is the proper way, diplomatic way to maintain relationship with our neighbours although they may belong to a different ideology and pursue a different form of government. Nevertheless, on international arena, this is an attitude we have to adopt.

With regard to Kepala B. 68 (Jadual Kedua) and Kepala B. 13 (Jadual Ketiga)—Ministry of General Planning and Socio-Economic Research, here, Tuan Pengerusi, I would like to say that the Ministry concerned is a very important Ministry. However, I would hesitate to comment very much because so far no report has come out from the Ministry. The Ministry is relatively quite new but nevertheless it is important because

after the post-Vietnam situation that we are in now, the question of general planning and socio-economic research to uplift the standard of living of the people is of utmost importance. We face the threat of insurgency in this country and Thailand too, and the way that we can encounter these people is not just by the use of arms. It is more by the use of ideology, of generally helping the people who are poor of uplifting the standard of living and of bridging the gap between the “haves” and the “have-nots”. This is where the Ministry of General Planning and Socio-Economic Research has a very important role to play and in certain specific fields, for example, like (1) housing, (2) health and (3) the very important aspect of a more equitable distribution of wealth, so that not only a few in this country will enjoy a good standard of living but the majority, 99.9% or 100%, should enjoy equal opportunities and equal rights. Therefore, I would urge the Ministry concerned to have liaison with other Ministries to see how housing can be provided especially to the poor, because it is just beyond their capacity to own a house now. Since there is inflation, to own a house now is almost a dream. But if the Government has a will, it can make this dream a reality. It has not necessarily to be a luxurious house but it can be a simple house. This is where the Ministry must help and should find out just exactly how many houses are required to house the poor, to give them a shelter. Cheap houses can be erected quickly, not in a matter of ten years, but in a matter to two or three years, because we have not got much time. As I have said earlier, we have to battle for the hearts and minds of the people with a group of people who are also equally dedicated if not more than the Government itself.

The other point is about health. We know very well that the poor are the people who suffer usually from ill-health because of poor food, lack of accommodation, poor conditions of living, this and that. They are the people who are sick most often. This is where the Government can help by providing not only more hospitals, more clinics, but also free medical treatment as far as possible. We know that

Menteri Perhubungan (Tan Sri V. Manickavasagam): (*Dengan izin*) Tuan Pengerusi, on a point of order Mengikut Peraturan Mesyuarat 67 (9) at the Committee stage

Honourable Members should confine their speeches to the money asked for. Sir, we had allotted yesterday for general debate, but nobody wanted to speak during the general debate. I am sorry to interrupt here, but we have quite a number of Heads to go for today and tomorrow.

Tuan Pengerusi: I have given several warnings already but I do not like to interrupt too often. But if the Honourable Members continue to speak on policy matters, as I have said earlier, then I have to stop Honourable Members. Please proceed.

Dr Chen Man Hin: Yes, Tuan Pengerusi, I am speaking on what the Ministry should do and the guidelines it should follow. But I am just touching a bit on policy also because today the Ministry is asking for staff salaries and extra development expenditure. So the people who are managing the Ministry have to have certain guidelines and ideas of the people. At least on this side of the House we are the people who feed back information; otherwise the money for this Ministry will be wasted and it is just for *gaji buta*.

Tuan Pengerusi: But still you should have said it yesterday, not in Committee stage. This is not my ruling, but this is according to the Standing Orders.

Dr Chen Man Hin: Yesterday everybody was confused.

Tuan Pengerusi: Please do not argue. Yesterday was yesterday. I have to follow the Standing Orders.

Dr Chen Man Hin: To close my speech Tuan Pengerusi, I would like to stress that the money spent by this Ministry should be spent in a worthwhile direction, and the few points that I have made I hope would be taken to heart. I hope that there would be another opportunity for me to enlarge on what I have to say. Thank you very much.

Tuan Ngan Siong Hing (Kinta): (*Dengan izin*) Tuan Pengerusi, I wish to touch on Head B. 22 on the Ministry of Foreign Affairs. Now I think we are able to support in so far as voting in this allocation is concerned for the Ministry of Foreign Affairs in view of the most far-sighted approach taken by the

Barisan in these 18 years of Independence and that is to recognise the Nationalist Governments of North and South Vietnam and Cambodia. Now although the Honourable Minister may stand up and object and say that I am touching on policy matter, I think the event in Indo-China is a matter of great significance.

Sir, I think, if I may say so, the amount to be voted in today should be spent first in setting up proper Missions in the countries that I have just mentioned because it is important that this country, Malaysia, should build up a close rapport with the countries in Indo-China. Now, in the past, although we had diplomatic relations with these countries. I was shocked to discover that we never had Embassies. Not very long ago, just some two months back, when I rang up the Foreign Ministry, I was told that we did not have embassies although we had diplomatic relations; and I think it is about time that the Ministry concerned should look into the matter and take urgent steps to establish Missions in the countries that I have just mentioned.

Apart, from that Sir, we in the D.A.P. do not view the victory of the P.R.G. i.e. the Provisional Revolutionary Government of South Vietnam, as a communist victory. That is only a Cold War propaganda and it is still perpetuated, I am shocked to find, by the present Barisan Nasional Government. Sir, the world over, wherever it is Europe, Asia, Africa, Latin America, all these countries have acknowledged that the victories of the governments of North Vietnam, South Vietnam and Cambodia are not communist victories, but victories of nationalist forces in those countries that I have just mentioned. And I am happy to note that the Indians . . .

Tuan Pengerusi: Whose idea is this?

Tuan Ngan Siong Hing: Pardon me!

Tuan Pengerusi: Whose idea is this?

Tuan Ngan Siong Hing: Sir, this is the progressive view adopted by enlightened people throughout the world but not the Barisan Government.

Tuan Pengerusi: Under what sub-head are you talking?

Tuan Ngan Siong Hing: I am talking on the Ministry of Foreign Affairs.

Tuan Pengerusi: Yes, but under what sub-head?

Tuan Ngan Siong Hing: B. 22

Tuan Pengerusi: That is the Head but what is the sub-head?

Tuan Ngan Siong Hing: Sir, it is so inter-related that you cannot really split everything.

Tuan Pengerusi: If you are not sure of it, you better don't speak on it!

Tuan Ngan Siong Hing: I am positive.

Tuan Pengerusi: You are positive, but under what sub-head?

Tuan Ngan Siong Hing: Well, Sir, I have just said that the topics are inter-related.

Tuan Pengerusi: Yes, inter-related, but under what sub-head?

Tuan Ngan Siong Hing: Well, as far as I can find it here

Tuan Pengerusi: When it is inter-related, it must be between certain Sub-heads. We are talking about the Estimates now. Please don't waste the time of the House.

Tuan Ngan Siong Hing: I have no intention, Sir. But it looks like that it is under Pecahan-kepala 1200.

Tuan Pengerusi: Well, that is not a sub-head. You better sit down as you are not sure of the sub-head.

Tuan Ngan Siong Hing: Anyway, would you give me one minute to finish?

Tuan Pengerusi: All right. Please proceed.

Tuan Ngan Siong Hing: Very kind of you, Sir. (*Ketawa*). And I hope in the months ahead we in Malaysia will be able to look up to the people of Indo-China for some guidance and inspiration. Thank you very much.

6.22 *ptg.*

Datuk Stephen Yong Kuet Tze (Padawan): (*Dengan izin*) Mr Chairman, Sir, I refer to Kepala B. 22. I am happy to note that at last the Government has taken steps to adjust the allowances of our officers serving overseas. I have had occasion to visit these Embassies and High Commission Offices. The general complaint has been that our Ministry of Foreign Affairs is not aware of the inflationary rates sometimes prevailing in the countries in which the officers serve. We have a system of sending Treasury officials and inspectors over there to look at the claims and make adjustments, but between the time when they come back and report and the time when they implement it—six months later—the whole thing is out-of-date and it does not serve the purpose. So it has been proposed—I do not know whether officially, but it has been talked about—that there should be a system devised whereby the pay or the allowances should be pegged to certain units. In places like America and in England, you have got this cost of living index which reflects on the rate of inflation and if that is adopted here, then the allowances could then be adjusted upwards, say every three months or every six months. That will not cause hardship to these people. It is better to do this way rather than to send out our men every now and again to look at their request. Now, I hope that the increase recommended here has put the matters right.

However, there is also another aspect which the Government may have to look into and that is, many of our Embassies and High Commissions have recruited officers locally; and these people have not been looked after very well. Most of these people recruited locally in those countries are Malaysian citizens and I have received complaints from them that their pay, salaries and allowances have been so far behind those of their counterparts in other Embassies and High Commissions. Therefore, I would like to put in a plea here that while we are looking after the officers in our Embassies sent from home, the plight of the officers or the personnel recruited locally, that means recruited in the countries where our Embassies are situated, should also be looked into.

6.25 ptg.

Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim (Kepala Batas): Tuan Pengerusi, saya suka menyokong apa yang telah disuarakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Padawan kerana baru-baru ini sewaktu saya di London, saya telah ditemui oleh pegawai-pegawai setempat (local-employed staff) yang bekerja di Suruhanjaya Tinggi kita di London yang membuat rayuan supaya Kerajaan kita berlaku secara adil, memberi layanan kepada mereka sama sebagaimana kakitangan Kerajaan dan juga Badan-badan lain di London. Saya fikir ini sangat kena pada tempatnya, kerana saya sendiri pernah berkhidmat di sana dan masih ingat waktu tanggagaji dan cara kerja di Suruhanjaya Malaysia di London disusun telah diterima asas dan perinsip bahawa Kerajaan kita tidak akan memberi layanan ataupun memberi gaji yang kurang daripada yang dibayar oleh pemerintah ataupun Kerajaan Inggeris begi pegawai yang sama kerja, sama setaraf, sama sepangkat. Akan tetapi, nampaknya entah apa sebabnya ataupun di mana salahnya sudah terdapat satu jurang perbezaan yang sangat besar antara gaji-gaji yang diterima oleh kakitangan setempat (local staff) di Kedutaan kita di London kalau dibandingkan dengan gaji dan layanan yang diterima oleh pekerja-pekerja lain di London.

Sebagaimana yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Padawan tadi antara bilangan pekerja-pekerja setempat ada terkandung ramai warganegara Malaysia yang tinggal di London yang bekerja di sana, antara mereka juga yang sudah berkhidmat sampai 15 tahun dan lebih, ada juga yang bekerja sampai 10 tahun dengan berdedikasi yang taat, saya harap perkara ini dapat dipertimbangkan. Saya menyuarakan ini sebab saya telah terima dengan secara rasmi satu permohonan, rayuan, agaknya tebal barbagai-bagai angka yang saya cadang akan menyampaikan kepada pihak Kementerian Luar Negeri. Saya harap apabila perkara ini disampaikan pihak Kementerian akan mengambil berat dan memberi pertimbangan yang sewajarnya.

6.28 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Pengerusi, saya ada sedikit

pandangan saya atas Kepala B. 68, Pecahan-kepala 1100 mengenai Perkhidmatan.

Tuan Pengerusi, Kementerian Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi ialah sebuah Kementerian yang paling mustahak oleh sebab Kementerian ini bertanggungjawab untuk membuat penyelidikan atas masaalah-masaalah sosio-ekonomi dalam negara kita. Memandangkan perkara ini saya harap Menteri yang berkenaan dapat memberitahu Dewan ini apa yang telah dicapai oleh Kementerianinya semenjak ditubuhkan. Masyarakat kita hari ini menghadapi berbagai-bagai masalah sosio-ekonomi dan adalah sangat mustahak bahawa Kementerian ini mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk mengatasinya.

Tuan Pengerusi, memandangkan perbelanjaan mengurus ini saya juga mencadangkan bahawa satu kajian dapat dijalankan oleh Kementerian ini atas setiap masalah sosio-ekonomi yang dihadapi oleh kita dan selepas itu langkah-langkah jangka panjang akan dapat diambil untuk mengatasi masalah ini.

Tuan Pengerusi: Oleh sebab tak ada lagi Ahli Yang Berhormat yang hendak bercakap, hari esok Yang Berhormat Menteri akan menjawab.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

PENANGGUHAN

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Majlis ini ditangguhkan sekarang.

Datuk Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

6.30 ptg.

UCAPAN TANGGUHAN

SURUHANJAYA PILIHANRAYA— DAFTAR PENGUNDI

Tuan Patrick Anek Uren (Bau-Landu): (Dengan izin) Tuan Yang di-Pertua, the present system of allowing an elector to get himself/herself registered as voters is unsatisfactory, for it is a system that is not workable in our country where the illiteracy rate is high and in most parts of our country communication problem is acute. The Chairman of the

Election Commission, Tan Sri Ahmad Perang is aware of this situation in Sarawak to which I am going to particularly refer my speech—that the problem of communication in the State of Sarawak is more acute than that prevailing in Semenanjung Malaysia.

There is a system now whereby each year around October/November there is a registration exercise which allows those of voting age to register themselves and to strike off the names of those who have deceased from the electoral roll. This exercise is rather difficult to apply. Firstly, most rural people do not understand the meaning of registering as a voter. Secondly they are requested to go to registration offices which are always very far from their homes and it involves expenses to go there. Thirdly, information on the exercise seldom reaches those living far in the interior and, if at all, reached only after the exercise is over, or the registration team is active when the people are busy with their farms and thus not aware of such an exercise.

In Sarawak the last all-round registration exercise was done in 1968; and since then there has been a yearly revision. It has also seen two direct elections to local and national legislatures. During those elections we had noticed that there were so many adults in every longhouse and kampung, both coastal and rural, who came to the polling station only to find their names were not in the electoral roll. Since the all-round registration exercise was done in 1968, by now I would presume 5% to 10% have either grown too old or have died; I know in my kampung itself, Kampung Singgha in Bau District, there are a lot of voting age adults who have not got themselves registered.

Sir, I maintain that the present system helps the literates and denies the illiterates the chance to register as voters. As about 75% of the people living in Sarawak live in the rural areas, the illiterates form the bulk in the rural area. If the onus to register as an elector is on the voter, as it is of now, urban and educated populations in Sarawak will swell the electoral roll. The rural population will not be able to elect the person of their choice to represent them as their votes will be outnumbered. I maintain that a person drawn from the number will be more able to represent that number. I wish to propose to the Government to act now to see that all qualified citizens are offered the opportunity

to vote. Of course, we do follow democratic practices, but if such practices are not able to be participated by all it will mean nothing.

The Honourable Deputy Minister in the Prime Minister's Department at the last meeting of this House in answering my question stated that we cannot force people to register or vote under the democratic practice. I have also heard the other Deputy Minister in the Prime Minister's Department clarifying that stand in this House this afternoon. But I maintain that democratic principle is nothing if it is the practice of the rich and those able to. The practice of democracy should be made available to all people—at least seen to be made available. If the responsibility to register all electors falls on the shoulders of the Election Commission, I feel all facilities and avenues to fulfil that responsibility should be given to the Election Commission. Such facilities like Government agencies, District Offices, the Ketua Kampung or the Ketua Masyarakat should be utilised. Efforts should therefore be taken to register as far as possible all citizens of voting age and opportunities to register should be made available to even those in the remote areas.

6.34 ptg.

Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri (Tuan Abdullah bin Majid): Tuan Yang di-Pertua, mengikut Perkara 113 (1) dalam Perlembagaan Persekutuan, Suruhanjaya Pilihanraya adalah bertanggungjawab menjalankan tugas-tugas mendaftarkan warganegara yang berkelayakan sebagai pemilih, dan Peraturan-peraturan Pilihanraya (Pendaftaran Pemilih), 1971 ada menerangkan dengan lebih lanjut bagaimana urusan pendaftaran pemilih ini dijalankan. Pendaftaran adalah dilakukan dengan syarat yang berkenaan membuat permohonan. Oleh yang demikian cadangan Ahli Yang Berhormat itu bukan sesuatu yang baru yang patut diamalkan tetapi telah sedia diamalkan oleh Suruhanjaya Pilihanraya sejak dari mulanya lagi.

Kerajaan telahpun memberi sebab-sebab mengapa tidak perlu diadakan pendaftaran sepanjang tahun. Saya ingin menegaskan sekali lagi bahawa sungguhpun pada dasarnya cadangan Ahli ini nampaknya elok, tetapi memandangkan pada keadaan serta sikap

pemilih-pemilih di mana Kerajaan berpendapat bahawa sistem tersebut tidak akan mendatangkan lebih banyak faedah daripada sistem yang diamalkan sekarang ini.

Mengikut amalan kita sekarang sebagaimana yang ditetapkan oleh Undang-undang tempoh pendaftaran ialah di antara 30 dan 42 hari setahun. Dari pengalaman Suruhanjaya Pilihanraya selama ini didapati pada kebiasaannya, walaupun pendaftaran dibuka selama 30 hingga 42 hari, tidak ramai orang datang mendaftar dalam beberapa minggu yang pertama. Sebaliknya adalah menjadi kelaziman bagi mereka datang berebut-rebut mendaftarkan diri dalam minggu terakhir tempoh pendaftaran itu. Sekalipun kiranya tempoh ini dilanjutkan, kesibukan akan terus dialami oleh pihak-pihak berkenaan dalam masa diakhir tempoh pendaftaran yang dilanjutkan itu kerana orang ramai tidak begitu berminat untuk datang mendaftarkan pada awal tempoh pendaftaran. Oleh yang demikian, tidaklah ada faedahnya pada pendapat Kerajaan mengadakan pendaftaran di sepanjang tahun, kerana jika demikian minat orang ramai untuk mendaftar sebagai pemilih akan berkurangan kerana tidak ada insentif atau daya penggerak mengingatkan mereka sebagaimana yang dilakukan sekarang ini apabila kita mengadakan tempoh baru pendaftaran pemilih dimulakan. Mungkin pendaftaran pengundi sepanjang tahun boleh berjaya kalau sekiranya diadakan peraturan wajib undi atau compulsory voting tetapi Kerajaan tidak bercadang menjalankan pengundian secara itu kerana ini bertentangan dengan dasar demokrasi yang kita amalkan pada masa ini. Keduaanya, keadaan rakyat khasnya mereka yang di kawasan luar bandar baik dari segi literasi atau kebolehan membaca-menulis mahupun yang jauh terpencil di pedalaman dan susah dihubungi akan teraniaya sekiranya mereka ini diwajibkan

menjadi pengundi ataupun kita mengadakan sistem compulsory voting. Sebaliknya sistem pendaftaran sepanjang tahun ini akan memerlukan belanja yang banyak.

Dakwaan Ahli Yang Berhormat itu tadi bahawa oleh sebab penduduk-penduduk luar bandar kebanyakan buta huruf dan ramai daripada mereka tidak boleh mendaftar, tidaklah menasabah. Pegawai-pegawai yang menjalankan pendaftaran yang dilantik oleh Suruhanjaya Pilihanraya sentiasa bersedia membantu mereka untuk mengisi borang-borang permohonan untuk menjadi pemilih sekiranya mereka memerlukannya khidmat yang seperti itu.

Kerajaan tidak dapat menerima hujah bahawa dengan membenarkan sistem yang ada sekarang ini berterusan akan menghilangkan hak mengundi rakyat di negara kita ini. Ini ialah kerana dalam tempoh pendaftaran 1974/75 yang baru lalu bilangan pemilih di Sarawak telah bertambah sebanyak 7.75% daripada jumlah pemilih yang sedia ada, sementara di Semenanjung Malaysia bilangan pemilih telah bertambah sebanyak 7.92%. Ini menunjukkan bahawa tambahan pemilih-pemilih di Sarawak dan juga di Semenanjung Malaysia adalah hampir sama dan ini juga membuktikan bahawa sistem pendaftaran yang ada sekarang ini adalah memuaskan bagi memenuhi keadaan kita pada masa sekarang ini.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.40 petang.